Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 menerapkan rangka kerja tadbir urus yang dipacu penyampaian dan pendekatan keseluruhan negara yang melibatkan kerjasama antara rakyat (masyarakat), perniagaan (sektor swasta) dan kerajaan (sektor awam).



Malaysia National Artificial Intelligence 2021 – 2025

Pelan Nasional Kecerdasan Buatan Malaysia (NAI 2021–2025) menekankan penggunaan AI untuk mempertingkatkan produktiviti, inovasi dan perkhidmatan pintar. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan pelan ini bagi memanfaatkan teknologi AI dalam pengurusan bandar dan penyampaian perkhidmatan.

STRATEGI 1 — **Mewujudkan tadbir urus AI.**

STRATEGI 2 — **Memperkukuh penyelidikan dan pembangunan (R&D) AI.**

STRATEGI 3 — **Mempertingkatkan infrastruktur digital bagi membolehkan AI.**

STRATEGI 4 — **Membangunkan bakat AI.**

STRATEGI 5 — **Membudayakan penggunaan AI.**

STRATEGI 6 — **Memacu ekosistem inovasi AI nasional.**



New Industrial Masterplan 2030 (NIMP)

New Industrial Masterplan 2030 **menekankan pembangunan industri berasaskan teknologi tinggi, inovasi dan ekonomi digital. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan pelan ini untuk menyokong ekosistem bandar yang inovatif dan berdaya saing.**

MISI 1 — **Pemodenan perindustrian berasaskan digital.**

MISI 2 — **Ekosistem 5G & Automasi.**

MISI 3 — **Pembangunan tenaga kerja digital.**




Malaysia Renewable Energy Roadmap

Malaysia Renewable Energy Roadmap **menekankan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi mengurangkan karbon dan mempromosikan kelestarian tenaga. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan *Roadmap* ini bagi membangunkan bandar pintar yang hijau dan mesra alam.**

STRATEGI 1 — **Dasar tenaga dan mobiliti mampan.**

STRATEGI 2 — **Integrasi infrastruktur digital antara kerajaan, perniagaan dan rakyat.**

STRATEGI 3 — **Meningkatkan tahap liputan dan kelajuan jalur lebar mudah alih serta memperluas rangkaian fiber ke kawasan pinggir dan luar bandar.**




Membangun Malaysia Madani

Inisiatif Membangunkan Malaysia Madani menekankan pembangunan negara yang inklusif, beretika dan sejahtera. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan prinsip ini untuk mewujudkan bandar pintar yang mesra komuniti, mampan dan berdaya huni.

1 — **Pembangunan teknologi pintar untuk melengkapkan sistem teknologi sedia ada.**

2 — **Penyediaan ruang kemasyarakatan yang berdaya cipta dan ruang pintar terbuka.**


3 — **Pusat luar bandar serta pusat universiti untuk mengkaji dan meneroka pertanian 4.0.**



Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 – 2025

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021–2025 menekankan transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan awam bagi meningkatkan kecekapan dan keterangkuman. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan pelan ini untuk membangunkan perkhidmatan bandar pintar yang cekap dan responsif.

1. **Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan.**
2. **Infrastruktur Data Terpadu Kerajaan.**
3. **Penggunaan AI & IoT dalam Pengurusan Bandar.**
4. ***Cybersecurity* & Perlindungan Data.**



National Energy Transition Roadmap

***National Energy Transition Roadmap* menekankan peralihan ke tenaga bersih dan mampan bagi mengurangkan pelepasan karbon. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan *roadmap* ini untuk mempromosikan bandar pintar yang hijau dan berdaya tahan tenaga.**

TERAS 1 **Mengoptimumkan sumber tenaga bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan.**

STRATEGI 2 **Merangsang pertumbuhan, peluang pasaran dan kelebihan kos untuk ekonomi dan rakyat.**

STRATEGI 3 **Meningkatkan sumbangan sektor tenaga ke arah kelestarian alam sekitar.**

STRATEGI 4 **Menjamin keselamatan tenaga ke arah kelestarian fiskal.**

1.2.3 PERINGKAT WILAYAH



***Blueprint Selangor Greater Klang Valley* (*SGKV*)**

***Blueprint Selangor Greater Klang Valley* (*SGKV*) menekankan penggunaan infrastruktur digital, sistem bersepadu berasaskan data serta teknologi *Internet of Things* (IoT) untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bandar dan kualiti hidup penduduk.**

STRATEGI SI 1.1

Pembangunan Infrastruktur Digital dan *Smart City*

- **Pelaksanaan elemen Bandar Pintar dalam pembangunan SGKV.**
- **Pengukuhan rangkaian komunikasi digital berkelajuan tinggi.**
- **Penyediaan asas ekosistem digital untuk menyokong perkhidmatan pintar.**

STRATEGI SI 1.2

Pelaksanaan Sistem Bersepadu Berasaskan Data dan IoT

- **Integrasi sistem pemantauan bandar (trafik, keselamatan, utiliti, alam sekitar).**
- **Penggunaan *Internet of Things* (IoT) untuk pengumpulan dan analisis data masa nyata.**
- **Sokongan kepada perancangan bandar berasaskan data (*data-driven planning*).**

STRATEGI SI 2.3

Pengangkutan Pintar dan Integrasi Mobiliti

- **Pelaksanaan sistem pengangkutan pintar termasuk laluan Qbas.**
- **Integrasi sistem mobiliti awam dengan teknologi digital.**
- **Penambahbaikan sistem maklumat perjalanan dan pemantauan trafik.**

STRATEGI SI 4.1

Pengukuhan Tadbir Urus Digital dan Perkhidmatan Dalam Talian

- **Penyediaan platform digital untuk urusan penduduk dan perniagaan.**
- **Digitalisasi perkhidmatan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).**
- **Penyelarasan sistem pengurusan bandar secara bersepadu.**

1.2.4 PERINGKAT NEGERI



Rancangan Selangor Pertama

Rancangan Selangor Pertama menekankan pembangunan negeri yang terancang, mampan dan bersepadu. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan rancangan ini bagi memastikan pembangunan bandar pintar yang selaras dengan hala tuju negeri.

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bertujuan untuk memenuhi keperluan jangka masa pendek serta membina daya tahan negeri yang kukuh pada masa hadapan sekali gus mengorak langkah ke arah pencapaian aspirasi negeri pintar, berdaya huni dan makmur menjelang tahun 2025. Pelan ini juga mengutamakan keperluan sosioekonomi rakyat seiring usaha pertumbuhan ekonomi untuk memastikan kemampanan alam sekitar dan kehidupan berkualiti selaras aspirasi Selangor menjadi Negeri Mampan, Pintar, Makmur, Sejahtera dan Tadbir urus Baik.



Smart Selangor Action Plan to 2025 (SSAP)

***Smart Selangor Action Plan to 2025 (SSAP)* menekankan transformasi digital negeri dan bandar pintar yang cekap. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 dirangka selaras dengan pelan ini.**



Smart Goverment

- *Smart Selangor C5i Operations Centre*
- *Citizen E-Payment*
- *CCTV Analytics*
- *Smart Selangor Data Platform*
- *Intelligent Traffic Management System*



Smart Economy

- *Smart Selangor SME Platform*
- *Smart Selangor Cloud Accelerator For Enterprises*
- *Centre of Excellence*
- *Cashless*



Smart Community

- *Smart Selangor Parking*
- *Selangor Intelligent Transport System*
- *Scan to Ride*
- *Safe City*
- *IoT School (i-Station)*
- *Communities Online*



Smart Digital Infrastructure


- *Smart Selangor Data Centre*
- *Smart Selangor Bus Stop*
- *WiFi Smart Selangor*
- *Panic Button*



Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)

Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) menekankan pembangunan bersepadu, pengurusan tanah cekap dan pembangunan berorientasikan transit. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan rancangan ini bagi menyokong bandar pintar yang mampan dan terancang.

DASAR BM9	Tahap perkhidmatan jaringan jalur lebar dan infrastruktur digital akan diperluas dan dipertingkatkan.
DASAR MP4	Konsep Pertumbuhan Pintar (*Smart Growth*) melalui pendekatan pembangunan berorientasikan transit (TOD) akan diberikan penekanan dalam pembangunan baharu.
DASAR MP32	Pembangunan teknologi hijau dalam sektor pembekalan tenaga dan air, bangunan pengurusan sisa dan sistem pengangkutan digalakkan dan akan dipermudahkan.
DASAR MP36	Pelaksanaan bandar pintar dan rendah karbon perlu diperluas di peringkat perancangan dan pembangunan daerah.




Blueprint Selangor Mampan 2035 (BSM 2035)

Blueprint Selangor Mampan 2035 (BSM 2035) menekankan pembangunan negeri yang mampan, inklusif dan berdaya tahan. Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 diselaraskan dengan blueprint ini bagi memupuk bandar pintar yang hijau, cekap dan berdaya huni.

Pelaksanaan Blueprint Selangor Mampan 2035 (BSM 2035) telah digubal mengikut ketetapan dan keperluan mampan antarabangsa dengan berdasarkan agenda SDGs dan ESG. Rujukan ini akan dijadikan sebagai alat pengukur pencapaian mampan Negeri Selangor. Pelaksanaan BSM 2035 turut mengadaptasi pendekatan *Whole-of-Nation* dan *Whole-of-Government* melalui dasar perundangan serta pentadbiran untuk memberi impak positif terhadap aktiviti ekonomi, alam sekitar dan masyarakat.

1.2.5 PERINGKAT TEMPATAN

1



Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (RTSJ2035)

RT Subang Jaya 2035 menekankan pembangunan bandar pintar dan mampan, serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti.

2



Pelan Strategik MPSJ 2020-2025

Pelan Strategik MPSJ 2020–2025 menekankan pengurusan bandar yang cekap dan pembangunan mampan.

3



Pelan Tindakan Bandar Pintar MPSJ 2019-2024

Pelan Tindakan Bandar Pintar MPSJ 2019–2024 menekankan transformasi digital dan inovasi bandar, termasuk penggunaan teknologi pintar untuk pengurusan perbandaran, pengangkutan, keselamatan serta penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien.


MPSJ

1.2.6 RUMUSAN PENJAJARAN DASAR BANDAR PINTAR

Perancangan bagi menjadikan Subang Jaya sebagai sebuah bandar raya yang mengintegrasikan teknologi digital dan sistem pintar untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti serta memperbaiki kecekapan perkhidmatan bandar, terdapat beberapa inisiatif bandar pintar sedia ada telah wujud dan diguna pakai di Subang Jaya.

Komponen Bandar Pintar	Global	Nasional			
	SDGs	RMK 13	RFN 5	DPN 3	MS ISO 37122:2019
Smart Governance		Tonggak 3 Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam	Fokus 1 Pembangunan Ekonomi Seimbang	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	5.1, 10.1, 10.2, 10.3, 13.2, 21.2, 21.3
Smart Economy		Tonggak 1 Meningkatkan Kerencaman Ekonomi	Fokus 1 Pembangunan Ekonomi Seimbang	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	5.1, 9.2
Smart People		Tonggak 4 Mempertingktkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar	Fokus 5 Peningkatan Kualiti hidup dan Kesejahteraan komuniti	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	6.2, 13.4, 18.1, 21.1
Smart Living		Tonggak 1 Meningkatkan Kerencaman Ekonomi	Fokus 2 Pengurusan Sumber Mampan	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	8.2, 12.1, 13.1, 13.3, 14.1, 15.1, 15.2, 15.3, 15.5
Smart Mobility		Tonggak 2 Meningkatkan Mobiliti Sosial	Fokus 5 Peningkatan Kualiti hidup dan Kesejahteraan komuniti	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	16.7, 19.4, 19.7, 19.9, 19.10,
Smart Environment		Tonggak 4 Mempertingktkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar	Fokus 4 Perancangan Risiko Bencana dan Perubahan Iklim	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	7.6, 7.7, 7.8, 7.9, 7.10, 8.1, 8.2, 16.4, 16.7
Smart Digital Infrastructure		Tonggak 1 Meningkatkan Kerencaman Ekonomi	Fokus 2 Pengurusan Sumber Mampan	Prinsip 3 Ekonomi yang Berdaya Saing	18.1, 18.2, 18.3


Nasional							
JENDELA	**IR 4.0**	**MyDIGITAL**	**AI-RMAP**	**NIMP 2030**	**PSPSA**	***NETR***	**MyRER**
Teras 3	Strategi 5, 8, 12, 16	Teras 6 Strategi 1,3	Inisiatif 1.1, 1.2 ,1.3, 1.4, 1.5	Misi 1 Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi Misi 2	TS3 Tadbir Urus tuntas dan Tangkas	EE6 RE3 CC1 EN12	Inisiatif 4 Meningkatkan fleksibiliti sistem
Teras 6	Strategi 1, 2, 6, 9, 13, 14	Teras 2 Strategi 1, 2, 3, 4		Misi 1 Meningkatkan Kompleksiti Ekonomi		GM-LV1 GM-HV2 GM-HV3	Inisiatif 3 Meningkatkan akses kepada pembiayaan
Teras 4	Strategi 3, 4, 7, 10, 11, 15	Teras 5 Strategi 1, 2	Inisiatif 4.1, 4.2, 4.3	Misi 4 Melindungi keselamatan ekonomi dan keterangkuman	TS4 Pemerkasaan dan Penyegaran Modal Insan	EN6 EN7 EN8 EN9	Inisiatif 1 Membentuk modal insan dan infrastruktur
Teras 4	Strategi 3, 4, 7, 10, 11, 15	Teras 4 Strategi 1, 2, 3, 4	Inisiatif 4.1, 4.2, 4.3	Misi 4 Melindungi keselamatan ekonomi dan keterangkuman	TS6 Penjenamaan Peluasan Promosi dan Pembudayan	EN6 EN7 EN8 EN9	Inisiatif 1 Membentuk modal insan dan infrastruktur
Teras 7	Strategy 6, 9, 13	Teras 1 Strategi 3, 5	-	Misi 3 Mendorong pencapaian sifar bersih (*net zero*)	-	GM-MA1 GM-MA2	Inisiatif 1 Membentuk modal insan dan infrastruktur
Teras 1	Strategi 15	Teras 2 Strategi 2, 4	-	Misi 3 Mendorong pencapaian sifar bersih (*net zero*)	-	GM-HV1 GM-HV2 GM-HV3	Inisiatif 2 Pasaran elektrik bersedia masa hadapan
Teras 2 Teras 7	Strategi 6, 8, 4,	Teras 3 Strategi 1, 2, 3	Inisiatif 3.1, 3.2, 3.3	Misi 4 Pendigitalan diperkasa ke arah negara digital yang dinamik	TS5 Pengoptimum Nilai Perkhidmatan Guna Sama Selamat	RE-4 BI-5 GM-LV1 GM-LV3 CC3	Inisiatif 1 Membentuk modal insan dan infrastruktur

Komponen Bandar Pintar	Wilayah	Negeri			
	SGKV	RS-1	SSAPs	RSNS	BSM 2035
Smart Governance 	Strategi SI 4.1	Tema Strategi 4 S4, S5,S11, S12	• IRS, IDRS • *Digitalisation of Water Supply Operation* • *Smart Selangor Command Centre* • CEPat • CCTV analytic • ITMS • SSDP • SIOC C5i	MM19, MM10, MP20, MM21, MM24, BM1, BM2, MM9, BM3, MM9, MP24, MP30, MP31, MP23	Inisiatif 4.4, 4.5
Smart Economy 	-	Tema Strategi 1 Pengukuhan Strategik	• IoT School & I Station	BM7, BM6, BM3, BM2, MM10, MP15, MM14. MM9,	Inisiatif 4.5
Smart People 	-	Tema Strategi 2 Peningkatan Kesejahteraan dan keterangkuman Sosial	• AWS *Educate* • *Smart Selangor Digital Literacy Initiative* • *Govrenent Digital Training*	BM2, BM3, BM6	Inisiatif 4.5
Smart Living 	-	Tema Strategi 2 S18, S19	• *Communities Online & wellness*	MP2, MM5, MM9, MM10, MM14, MM29	Inisiatif 4.5, 4.6
Smart Mobility 	Strategi SI 2.3	Tema Strategi 4 Pemacuan kelestarian	• SITS • *Smart Selangor* • *Parking (SSP)* • *Public Bike*	MM15, MM16, MM17, MM20,	Inisiatif 4.3, 4.6
Smart Environment 	-	Tema Strategi 3 S1, S4, S7, S10,	• *Air Quality indicator* • *Raw Water Quality Indicator* • *Smart Waste Dispoasal Waste*	MP24, MP23, MM21	Inisiatif 4.1 , 4.2
Smart Digital Infrastructure 	Strategi SI 1.1 Strategi SI 1.2	Tema Strategi 4 Pemacuan kelestarian	• SeGNeT • SSDC • CCTV • SS Bus Stop	BM9, BM3, MP24, MM19, MM5, MM17, MP20, MP24, MM21, MP15, BM1, BM6	Inisiatif 4.7

Tempatan		
PSSB	**RT Subang Jaya**	**RSNS**
Teras 1 Strategi 1- PT1, PT3, PT5, PT7, PT10, Strategi 2- PT1,PT3 Strategi 3- PT4, PT7, PT8, PT9, PT10, PT11, PT13 Strategi 4- PT3, PT4, PT5, PT6, PT7, PT8, PT9, PT10, PT11 Strategi 6- PT3 Strategi 8- PT1, PT2, PT3, PT4, PT5, PT6 Teras 3 Strategi 3- PT4, PT5, PT6, PT7	3.12 Tindakan (a) Tindakan (c) 3.13 Tindakan (a) Tindakan (c)	P1
Teras 4 Strategi 1 –PT2 Strategi 2- PT1, PT2, PT3 Strategi 3- PT6 Strategi 5- PT1 Teras 5 Strategi 4 –PT1, PT2	-	P1
Teras 5 Strategi 2 –PT3 Teras 6 Strategi 1 –PT4, PT5	3.1.2 Tindakan (d) 3.9.3 Tindakan (a)	P1, P2, P3, P4
Teras 4 Strategi 4 –PT1, PT2, PT3, PT4, PT5, PT6	3.8.3 Tindakan (b)	P1, P2, P3, P4
Teras 2 Strategi 1 –PT1, PT2, PT3 Teras 3 Strategi 4 –PT1, PT2, PT3	3.6.4 Tindakan (a)	P1, P2
Teras 3 Strategi 1 –PT1, PT2, PT3 Strategi 2- PT1, PT4, PT5, PT6, PT8 Strategi 5- PT1, PT5	3.2.3 Tindakan (a) 3.3.4 Tindakan (b)	P1
Teras 2 Strategi 1 –PT1, PT2 Strategi 3- PT5, PT6 Strategi 4- PT5, PT6 Strategi 5- PT1 Teras 5 Strategi 1 –PT1, PT2 Strategi 2 –PT1, PT2, PT4, PT5	3.12 Tindakan (b) Tindakan (e) Tindakan (f) 3.9.3 Tindakan (b)	P1

1.3 PROSES PENYEDIAAN DOKUMEN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR SUBANG JAYA 2035


Proses penyediaan dokumen Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 dilaksanakan secara bersepadu melalui analisis dasar, data dan libat urus pihak berkepentingan bagi merangka hala tuju pembangunan bandar pintar yang mampan dan berdaya saing.



1.3.1 PERINGKAT PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR SUBANG JAYA 2035

Proses penyediaan dokumen Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 dilaksanakan secara berperingkat dan berstruktur bagi memastikan perancangan yang komprehensif, inklusif dan berimpak tinggi. Ia meliputi empat (4) peringkat dan tugasan utama iaitu:

4 BULAN

Peringkat Kajian	NOVEMBER-DISEMBER 2025	DISEMBER 2025-JANUARI 2026	FEBRUARI 2026
	MULA		TAMAT
Proses	**LAPORAN PENEMUAN KAJIAN** 1. Kajian awalan 2. Rangka kerja 3. Kaedah pengumpulan data	**LAPORAN INTERIM** 1. Pengumpulan dan analisis dapatan data 2. Ketersediaan infrastruktur 3. Ketersediaan Agensi & PBT 4. Ketersediaan Awam 5. Pengenalpastian isu dan cabaran perbandaran 6. *Benchmarking*	**PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR & RINGKASAN EKSEKUTIF** 1. Pembentukan pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 2. Pengukuran dan pemantauan (indikator) 3. Tadbir Urus Bandar Pintar
Peringkat Kelulusan	Mesyuarat Pasukan Kajian Bil.1 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Bil.1	Mesyuarat Pasukan Kajian Bil.2 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Bil.2	Mesyuarat Pasukan Kajian Bil.3 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Bil.3
Penglibatan	Soal selidik awam: secara atas talian	FGD 1 (Jabatan Teknikal MBSJ, Agensi Kerajaan, Ahli Majlis)	FGD 2 (Sesi *town hall*- MBSJ, Agensi Kerajaan, Ahli Majlis, Pemain Industri & Wakil Penduduk) TWG (Internal - MBSJ)
Laporan			

LOKASI : MBSJ
TARIKH: 14 NOVEMBER 2025



Sekitar Mesyuarat *Kick-Off* Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 yang bertujuan untuk memberi pendedahan awal bagi perancangan penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, menerangkan peranan agensi dan pihak berkepentingan serta keperluan penyediaan data dan maklumat daripada agensi bagi menyokong cadangan pelaksanaan inisiatif bandar pintar Subang Jaya.

LOKASI : ZENITH HOTEL, PUTRAJAYA
TARIKH: 18 DISEMBER 2025



Sekitar *Focus Group Discussion* (FGD) 1 Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 yang merupakan sesi libat urus di peringkat awal dan dihadiri sebanyak 93 peserta. Sesi ini adalah untuk pengumpulan input dan meminta pandangan daripada pihak berkepentingan utama untuk mengenal pasti isu, cabaran serta keperluan semasa pembangunan bandar pintar di Subang Jaya. Maklum balas yang diperoleh menjadi asas kepada penetapan hala tuju, fokus strategik dan keutamaan inisiatif dalam pelan tindakan ini.

LOKASI : MARDHIYYAH HOTEL, SHAH ALAM
TARIKH: 14 JANUARI 2026







Sekitar Sesi Klinik Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia (MGC) – Tahap 2 (*Developing Smart City*) anjuran MBSJ yang telah disempurnakan oleh Ybrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Dalam sesi ini, PLANMalaysia, Putrajaya turut membentangkan garis panduan dan strategi pelaksanaan bandar pintar.

LOKASI : DE PALMA HOTEL, SHAH ALAM
TARIKH: 09 FEBRUARI 2026



Sekitar *Focus Group Discussion* (FGD) 2 Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 yang merupakan kesinambungan siri libat urus terdahulu dan dihadiri sebanyak 66 peserta. Sesi ini memberi peluang kepada pihak berkepentingan, pemain industri dan wakil penduduk mengemukakan pandangan dan maklum balas bagi memantapkan hala tuju pelan tindakan bandar pintar Subang Jaya selaras dengan aspirasi bandar mampan dan berteknologi pintar. Turut hadir ialah TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar, bersama Ahli Majlis, pegawai MBSJ dan wakil agensi berkaitan.

LOKASI : MBSJ
TARIKH: 12 MARCH 2026



Mesyuarat *Technical Working Group* (TWG) bagi Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 telah diadakan sebagai platform perbincangan teknikal dan penyelarasan antara pihak berkepentingan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membentangkan laporan draf akhir serta mendapatkan maklum balas konstruktif daripada wakil jabatan, agensi teknikal dan rakan strategik yang dihadiri sebanyak 21 peserta. Hasil daripada mesyuarat ini akan dijadikan asas dalam memuktamadkan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 sebelum ianya dilaksanakan secara menyeluruh.

1.4 ROADMAP PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR BANDAR PINTAR SUBANG JAYA 2035

1

2024

- MBSJ mencapai penarafan Bandar Pintar *Smart City Early Adopter.*
- Semakan semula Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035.
- Pelan Tindakan Bandar Pintar.
- Penubuhan Jawatankuasa Bandar Pintar dan Bahagian atau Unit Bandar Pintar yang aktif.

2

2025-2026

- Sesi libat urus 1 : pengumpulan dan pengesahan maklumat.
- Sesi libat urus 2 : maklum balas dan pengesahan cadangan.
- Penyediaan laporan awal, laporan interim dan laporan akhir Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035.
- Kelulusan dan penerimaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035.
- Penyertaan Permohonan Program Penarafan Bandar Pintar *Developing Smart City.*

3

2027-2030

- MBSJ mencapai penarafan Bandar Pintar *Developing Smart City.*
- Pelaksanaan dan pemantauan inisiatif Pelan Tindakan Bandar Pintar.
- Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Bandar Pintar dan Bahagian atau Unit Bandar Pintar lebih 2 kali setahun.
- Penyediaan *Advanced Command Centre/ Integrated Operation Centre.*
- Pematuhan kepada 35 indikator MS ISO 37122:2019.

4

2031-2035

- Menjalankan kerjasama dan kolaborasi antara agensi dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar.
- Pematuhan kepada 63 indikator MS ISO 37122:2019.
- Penyertaan permohonan program penarafan bandar pintar *Leading Smart City.*
- Bergerak menuju ke *Leading Smart City.*



Lokasi: Pemandangan MBSJ
Sumber: Facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya

OVERVIEW PEMBANGUNAN SUBANG JAYA

2

2.1 LATAR BELAKANG KAWASAN SUBANG JAYA

Subang Jaya mula dibangunkan pada tahun 1970-an dan berkembang pesat sebagai kawasan perumahan dan perindustrian. Seiring dengan perkembangan tersebut, sistem pentadbiran tempatan turut mengalami perubahan sehingga tertubuhnya Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi memastikan pengurusan bandar yang lebih sistematik dan berkesan.

SEJARAH KAWASAN SUBANG JAYA

SEJARAH MBSJ

1974

Pembangunan awal Subang Jaya bermula pada tahun 1970-an, yang dirancang sebagai sebuah bandar perumahan dan perindustrian yang tersusun.

Pada tahun ini, kawasan Subang Jaya masih berada di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan lain sebelum wujudnya MBSJ.

1976 1977

DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah merasmikan pembukaan Bandar Baru Subang Jaya pada tanggal 21 Febuari 1976.

Pihak Berkuasa Negeri Selangor menubuhkan Majlis Daerah Petaling sebagai PBT.

1988 1997

Pembangunan Bandar Baru USJ (UEP Subang Jaya), yang terdiri daripada 27 seksyen (USJ1–USJ27), telah dilaksanakan secara berfasa bermula dari tahun 1990.

Majlis Daerah Petaling telah dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No 26.

1999 2020

Subang Jaya terus berkembang sebagai sebuah pusat bandar utama dengan kemajuan dalam infrastruktur, kemudahan awam, pendidikan dan aktiviti ekonomi.

DYMM Sultan Selangor telah mengisytiharkan naik taraf MPSJ sebagai Majlis Bandaraya Subang Jaya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dengan pewartaan di bawah Seksyen 4 Warta Kerajaan Negeri Selangor.

Source: *Subang Jaya City Council (MBSJ), 2026*

2.2 PROFIL KAWASAN KAJIAN

Subang Jaya ialah sebuah bandar raya dan juga bandar ketiga terbesar yang terletak di Daerah Petaling, Selangor, Malaysia, dalam kawasan Lembah Klang selepas Petaling Jaya dan Shah Alam. Subang Jaya terdiri daripada enam (6) kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN), dua (2) kawasan Parlimen iaitu Subang dan Puchong serta dibahagikan kepada tujuh (7) Blok Perancangan.

2.2.1 DEMOGRAFI



1,161,513
Jumlah Penduduk Tahun 2025

Lelaki
50.27%
583,921 orang

Perempuan
49.72%
577,592 orang

Pecahan mengikut Kaum


Bumiputera 47%


Cina 41%


India 12%


Lain-lain 1%

Pecahan Mengikut Umur

0-14 21.4%
15-64 74.3%
>65 4.3%

Sumber: RTSJ Jilid 1 2035 (Penggantian)

MBSJ merupakan sebuah kawasan bandar yang pesat membangun dengan jumlah penduduk seramai 1,161,513 orang, mencerminkan kepadatan dan kepelbagaian komuniti bandar yang signifikan di Lembah Klang.

Komposisi penduduk kawasan Subang Jaya menunjukkan ciri sebuah bandar matang dengan struktur demografi yang seimbang serta potensi sosioekonomi yang kukuh.

Penduduk dalam kawasan MBSJ didominasi oleh penduduk bumiputera (47%) dan diikuti oleh kaum cina (41%), India (12%) dan lain – lain kaum (1%).

Struktur umur penduduk pula didominasi oleh kumpulan umur bekerja 15–64 tahun (74.3%), menunjukkan ketersediaan tenaga kerja yang tinggi dan potensi ekonomi yang kukuh. Taburan jantina yang seimbang, antara lelaki (50.27%) dan perempuan (49.72%), menyokong pembangunan sosial yang mampan.

Secara keseluruhan, profil sosioekonomi ini menggambarkan Subang Jaya sebagai sebuah bandar matang dengan asas demografi yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan pelaksanaan agenda Bandar Pintar Subang Jaya menjelang 2035.

2.2.2 SOSIOEKONOMI

Purata bilangan isi rumah di Subang Jaya adalah 3.75 isi rumah, dengan variasi mengikut tujuh (7) Blok Perancangan (BP) MBSJ iaitu antara 3.59 hingga 3.94 isi rumah. Nilai ini menunjukkan struktur isi rumah yang sederhana, mencerminkan corak kehidupan bandar yang stabil serta isi rumah bersaiz kecil hingga sederhana. Perbezaan kecil antara blok perancangan turut menunjukkan taburan penduduk yang relatif seimbang di seluruh kawasan kajian.

Dari aspek kesejahteraan sosial, kadar kemiskinan yang rendah iaitu 1.0% menggambarkan tahap sosioekonomi penduduk yang baik serta keberkesanan akses kepada peluang pekerjaan, kemudahan bandar dan perkhidmatan asas. Keadaan ini menyokong potensi kawasan Subang Jaya sebagai bandar berdaya huni dan berdaya saing dalam konteks pembangunan pintar.

Selain itu, purata pendapatan isi rumah adalah sebanyak RM14,422 menunjukkan tahap pendapatan yang tinggi berbanding purata nasional, sekali gus mencerminkan kekuatan ekonomi tempatan serta keupayaan penduduk untuk menerima dan memanfaatkan perkhidmatan digital, teknologi pintar dan inovasi bandar. Faktor ini amat penting dalam menyokong pelaksanaan inisiatif bandar pintar yang memerlukan tahap literasi digital dan penerimaan teknologi yang baik dalam kalangan penduduk.

Kadar kemiskinan




1.0%

Sumber: DOSM, 2024

Bilangan Isi Rumah Mengikut BP

3.75 PURATA ISI RUMAH



Sumber: Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 Jilid 4 (Penggantian)


Purata Pendapatan isi Rumah



RM 14,422

Daerah Petaling

Sumber: DOSM, 2024



Pelan 2.1

Sempadan Blok Perancangan Majlis Bandaraya Subang Jaya

Petunjuk:

- BP 1 : Subang Jaya - USJ
- BP 2 : Subang Hi - Tech
- BP 3 : Putra Heights
- BP 4 : Kinrara
- BP 5 : Puchong
- BP 6 : Bandar Putra Permai
- BP 7 : Seri Kembangan

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)

2.2.3 INFRASTRUKTUR ASAS

Pengangkutan Awam



5 Laluan Rel



1 BRT

Jaringan Pengangkutan




10 Laluan Lebuh Raya


Infrastruktur Utiliti



BEKALAN AIR
2 lembangan sungai utama



BEKALAN ELEKTRIK
Merangkumi PMU,PPU dan PE



SISTEM PEMBENTUNGAN
Dikendalikan IWK



BEKALAN GAS DAN PETROLEUM
Serdang City Gate & *Serdang Metering*



SISTEM PENGAIRAN & PERPARITAN
Kolam takungan, rangkaian perparitan dan stesen pam



SISTEM TELEKOMUNIKASI
Penyediaan menara pemancar



SISTEM PELUPUSAN SISA
Pusat kitar semula dan tapak pelupusan pepejal dan sisa


Sebagai sebuah bandar mampan dan berdaya huni, tahap penyediaan dan prestasi infrastruktur asas di kawasan Subang Jaya yang merangkumi pengangkutan awam, jaringan pengangkutan serta infrastruktur utiliti. Penyediaan ini memberi tumpuan kepada aspek kecekapan, kebolehcapaian dan kesalinghubungan sistem bagi menyokong pertumbuhan bandar yang mampan, meningkatkan kualiti hidup penduduk, serta memperkukuh peranan Subang Jaya sebagai pusat pembangunan bandar dan ekonomi yang berdaya saing.

Selain itu, kawasan Subang Jaya juga mempunyai tahap aksesibiliti jalan raya yang tinggi melalui rangkaian lebuh raya dan jalan utama yang saling berhubung.

Jadual 2.1 Senarai Laluan Pengangkutan MBSJ

Laluan Lebuh Raya	Laluan Pengangkutan Awam
Lebuh Raya Utara Selatan	Laluan BRT Sunway
Lebuh Raya Shah Alam (KESAS)	Laluan Express Rail Link (ERL)
Lebuh Raya ELITE	Laluan KTM Seremban
Lebuh Raya Sungai Besi	Laluan LRT Kelana Jaya
Lebuh Raya Baru Pantai (NPE)	Laluan LRT Sri Petaling
Lebuh Raya Damansara – Puchong (LDP)	Laluan MRT Putrajaya
Sistem Lingkaran - Lebuh Raya Kajang	
Lebuh Raya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX)	
Lebuh Raya Kuala Lumpur – Seremban	
Lebuh Raya Bukit Jalil	

Sumber: Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)



Pelan 2.2

Jaringan dan Taburan Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti MBSJ

Petunjuk:

- Bekalan Air
- Bekalan Elektrik
- Bekalan Gas dan Petroluem
- Pelupusan Sisa Pepejal
- Pembentungan
- Pengairan dan Perparitan
- Telekomunikasi

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT
- Laluan Rel

PELAN LOKASI



Sumber : Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)

2.2.4 GUNA TANAH

Keluasan kawasan

16,470.49
hektar


Kawasan MBSJ berkeluasan sebanyak 16,470.49 hektar yang merangkumi guna tanah tepu bina dan bukan tepu bina. Berdasarkan rajah 2.1, kawasan kajian didominasi oleh kawasan tepu bina sebanyak 86%, manakala kawasan bukan tepu bina merangkumi 14% daripada keseluruhan guna tanah.

Kawasan tepu bina menunjukkan tahap pembangunan bandar yang tinggi dan mencerminkan Subang Jaya sebagai bandar matang. Guna tanah utama terdiri daripada perumahan sebanyak 25% dan institusi serta kemudahan sebanyak 25%, yang menandakan fungsi utama kawasan sebagai pusat penempatan dan penyediaan perkhidmatan bandar.


Selain itu, guna tanah pengangkutan mencatat sebanyak 26%, perniagaan mencatat sebanyak 7%, tanah lapang mencatat sebanyak 6%, serta industri, infrastruktur dan utiliti (masing-masing mencatat 5%) menyokong aktiviti ekonomi, mobiliti bandar dan keperluan operasi bandar secara menyeluruh.

Kawasan bukan tepu bina berperanan penting dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar bandar. Ia terdiri daripada hutan yang mencatat 7% sebagai elemen ekologi utama, diikuti oleh tanah kosong yang mencatat 4% yang berpotensi untuk pembangunan masa hadapan serta badan air mencatat 3% yang menyokong sistem saliran dan kawalan banjir.

Rajah 2.1 : Guna Tanah Semasa, 2023



Sumber: Majlis Bandaraya Subang Jaya, 2025



Pelan 2.3
Guna Tanah Semasa MBSJ

Petunjuk:

Komponen Guna Tanah

- Perumahan
- Perniagaan
- Perindustrian
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Infrastruktur dan Utiliti
- Tanah Lapang
- Pengangkutan
- Tanah Kosong
- Hutan
- Badan Air

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)

2.3 ISU DAN CABARAN PERBANDARAN AWALAN

Transformasi Subang Jaya ke arah bandar dan negeri pintar berdepan cabaran yang kompleks selaras dengan statusnya sebagai bandar matang dan berpenduduk padat. Cabaran-cabaran ini memerlukan perubahan pendekatan daripada kaedah pengurusan konvensional kepada sistem berasaskan data, digital dan bersepadu. Keupayaan untuk menyelaraskan pembangunan fizikal dengan inovasi teknologi, tadbir urus pintar dan penglibatan komuniti menjadi faktor kritikal dalam memastikan transformasi Subang Jaya dapat dilaksanakan secara pintar, berdaya huni dan makmur.

1.



Kesesakan lalu lintas dan pengangkutan

Sebanyak 65.2% responden mengenal pasti kesesakan lalu lintas sebagai isu paling kritikal di Subang Jaya, berikutan terdapat empat (4) jalan utama yang merekodkan isipadu lalu lintas pada tahap perkhidmatan (LOS) D hingga F.

4 Jalan utama:
1. KL-Jalan Sg Besi
2. KL -Puchong
3. KL – Puchong-Shah Alam
4. KL – Bukit Jalil-Puchong

Sumber: Laporan Teknikal RTSJ 2035

2.



Permintaan perumahan semakin tinggi

Subang Jaya memerlukan kira-kira 170,000 unit rumah baharu bagi memenuhi pertumbuhan populasi.

Sumber: Laporan Teknikal RTSJ 2035

3.



Penyelenggaraan infrastruktur

MBSJ menerima hampir 27,359 aduan penduduk bagi tahun 2025 termasuk masalah lampu jalan rosak, landskap dan penyelenggaraan lain dalam satu tahun.

Sumber: SISPA MBSJ

4.



Bencana alam

Tinjauan mendapati 25 kawasan dalam Subang Jaya terdedah kepada risiko banjir, manakala lima (5) kawasan lagi berisiko tanah runtuh, menunjukkan tahap ketahanan fizikal yang tinggi. (Rujuk Jadual 2.2)

Sumber: Pelan Strategik Operasi Bantuan Bencana Bandar Raya Subang Jaya 2025

Jadual 2.2 Senarai Lokasi Banjir dan Tanah Runtuh

Bil	Bencana Banjir	Bencana Tanah Runtuh
1	Persiaran Kewajipan USJ 8	Jalan 16 Taman Bukit Kuchai
2	Persiaran USJ 14	Jalan Pinggiran USJ 2/2, Taman Pinggiran USJ
3	Jalan PJS 9/1	Jalan Bangau 11, Bandar Puchong Jaya
4	Jalan intan 1 taman Batu Tiga	Jalan Puncak Jalil 8, Taman Puncak Jalil
5	Keseluruhan Kampung Bukit Lanchong	Jalan LP 1A/2, Taman Lestari Perdana
6	Keseluruhan Kampung Kenangan	
7	Keseluruhan Kampung Tengah A	
8	Keseluruhan Kampung Kuala Sungai Baru	
9	Keseluruhan Kampung Tengah B	
10	Keseluruhan Kampung Batu 13 1/2	
11	Keseluruhan Kampung Sri Aman Tengah	
12	Keseluruhan Kampung Sri Andalas	
13	Keseluruhan Kampung Sri Puchong	
14	Keseluruhan Kampung Bersatu	
15	Keseluruhan Kampung Sri Langkas	
16	Keseluruhan Kampung Sri Langkas Tambahan	
17	Keseluruhan Kampung Sri Aman Luar	
18	Keseluruhan Kampung Sri Aman Hilir	
19	Keseluruhan Kampung Sri Aman Dalam	
20	Jalan 18/58 Taman Sri Serdang	
21	Jalan 3/14 – 3/15, Taman Serdang Jaya	
22	Taman Kinrara Seksyen 1	
23	Taman Kinrara Seksyen 2	
24	IOI Mall, Bandar Puchong Jaya	
25	Kampung Baru Seri Kembangan	

5.



Kemudahan dan Infrastruktur tidak mencukupi

Keperluan tambahan kemudahan Kompleks Komuniti (kekurangan 72 unit), diikuti Dewan Serbaguna (kekurangan 61 unit) dan Balai Polis (kekurangan 35 unit).

Sumber: Laporan Teknikal RTSJ 2035

6.



Pengurusan bandar belum mencapai tahap teknologi yang padu

Penggunaan sistem digital dalam kawasan Subang Jaya masih terhad dengan 13 indikator pelaksanaan yang belum dapat dilaksanakan, sementara 23.3% penduduk dinilai mempunyai capaian teknologi bandar pada tahap kritikal.

Sumber: Hasil survey Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

13 indikator pelaksanaan yang belum dapat dilaksanakan:

1. *54 : Digitised Cultural Record*
2. *Treated Wastewater being Reused*
3. *Bio-Solids being Reused*
4. *Electrical Energy Produced from Wastewater/ solid waste/ liquid waste/ waste heat*
5. *Electrical & thermal energy produced from wastewater*
6. *Storage capacity energy grid*
7. *Waste to energy*
8. *Energy derived from wastewater*
9. *Wastewater reused to generate energy*
10. *Real-time wastewater pipeline network*
11. *Real time drinking water quality monitoring*
12. *Real time environmental water quality monitoring*
13. *Water distribution with smart water system*

7.



Masalah perubahan iklim dan pemanasan global

Bagi tahun 2023, Subang Jaya mencatatkan jumlah pelepasan GHG sebanyak 5.09 $MtCO_2eq$ (Skop GPC). MBSJ perlu menyasarkan pengurangan pelepasan sebanyak 3.37 $MtCO_2eq$ menjelang 2035. Pencapaian sasaran ini menuntut pelaksanaan inisiatif hijau yang berterusan.

Sumber: Laporan Inventori GHG Tahun 2023 & 2024

2.4 SUBANG JAYA DALAM KONTEKS NEGERI SELANGOR

Subang Jaya ialah sebuah bandar raya utama di Negeri Selangor yang berperanan sebagai pusat kediaman, perniagaan dan perkhidmatan yang strategik di Lembah Klang. Selaras dengan Visi dan Misi MBSJ, pembangunan Subang Jaya digerakkan ke arah bandar raya mampan bertaraf antarabangsa yang menekankan kesejahteraan komuniti, persekitaran kondusif dan kualiti hidup yang sejahtera.

Pusat Pertumbuhan Ekonomi

Subang Jaya merupakan kawasan bandar yang pesat dengan pusat perniagaan (The Mines, Bandar Sunway) dan industri (*Subang Hi-Tech Industrial Park*, Taman Perindustian Kinrara) membantu dalam perkembangan dan pertumbuhan ekonomi.

Pusat Perkhidmatan Wilayah

Merangkumi beberapa kluster Bandar USJ (USJ 1 – USJ 27) dan Bandar SS (SS12 – SS 19) membentuk kawasan pembangunan bandar yang berdaya huni.

Pusat Perkhidmatan Utama

Bandar Puchong dan Seri Kembangan merupakan kawasan tumpuan utama penduduk dan aktiviti perniagaan manakala Bandar Sunway diiktiraf sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Pusat Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)

Pembangunan bandar yang dilengkapi dengan rangkaian laluan dan stesen perkhidmatan pengangkutan awam (ERL, KTM, MRT, LRT dan BRT).

VISI MBSJ

Menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.

MISI MBSJ

Mewujudkan dan menguruskan bandaraya yang mempunyai persekitaran yang kondusif bertaraf antarabangsa ke arah menjadikan kehidupan bandar yang bahagia, sejahtera, harmoni dan mampan menjelang tahun 2030.



TAHAP KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL DAN APLIKASI PINTAR SUBANG JAYA

3

3.1 TAHAP KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL DAN APLIKASI PINTAR SUBANG JAYA


Infrastruktur digital merupakan komponen asas dalam menyokong pembangunan bandar pintar, penyampaian perkhidmatan awam berasaskan digital serta peningkatan kualiti hidup penduduk di kawasan Subang Jaya. Tahap ketersediaan dan prestasi infrastruktur digital ini menentukan keupayaan bandar dalam menyediakan akses komunikasi yang cekap, inklusif dan berdaya saing seperti berikut:

1. Menilai tahap liputan jalur lebar mudah alih (4G dan 5G) dan talian tetap di kawasan berpenduduk.
2. Menilai kapasiti, kualiti dan prestasi rangkaian jalur lebar mudah alih (4G dan 5G) dan talian tetap.
3. Menilai kesediaan infrastruktur digital dalam menyokong keperluan bandar pintar, perkhidmatan e-kerajaan dan aplikasi berasaskan data masa nyata.
4. Menganalisis kadar penembusan jalur lebar mudah alih (4G dan 5G) dan talian tetap bagi 100 penduduk.
5. Menilai kualiti liputan, kadar penembusan serta prestasi sistem dengan membuat perbandingan melalui *benchmarking*.
6. Menghuraikan pelaksanaan dan perancangan Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) serta impaknya terhadap peningkatan liputan dan kualiti jalur lebar di kawasan Subang Jaya.

3.1.1 PERBANDINGAN TAHAP KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR DIGITAL KAWASAN SUBANG JAYA DENGAN NEGERI SELANGOR

	Malaysia (Nasional)	Negeri Selangor	Subang Jaya
Liputan Jalur Lebar Mudah Alih Kawasan Berpenduduk	4G 99% 5G 82% 4G hampir menyeluruh di kawasan berpenduduk; 5G masih dalam fasa peluasan nasional.	4G 99% 5G 96% Antara negeri paling maju; liputan 5G lebih tinggi berbanding purata nasional.	4G 99% 5G 97% Kawasan bandar matang; 4G penuh, 5G tinggi tetapi masih berkembang.
Kadar Penembusan (Jalur Lebar Mudah Alih dan talian tetap) – MUDAH ALIH PER 100 PENDUDUK	130%	126%	140%
Kadar Penembusan (Jalur Lebar Mudah Alih dan talian tetap) – TALIAN TETAP PER 100 PREMIS	48% Jurang bandar–luar bandar masih ketara	62% Penembusan tinggi, dipacu fiber di kawasan metropolitan	67% Kawasan matang, liputan fiber meluas di perumahan & komersial

Sumber: Open Sources , 2026



Pelan 3.1

Liputan Data 5G dan 4G Dalam Kawasan Subang Jaya

Petunjuk:

- Liputan Data 5G
- Liputan Data 4G
- Kawasan tidak berpenduduk

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)


3.1.2 TAHAP LIPUTAN JALUR LEBAR MUDAH ALIH DAN TALIAN TETAP

Hasil analisis menunjukkan bahawa sebahagian besar kawasan di Subang Jaya telah mencapai tahap liputan jalur lebar mudah alih 4G yang baik. Berdasarkan rajah 3.1, kelajuan purata muat turun jalur lebar mudah alih di Subang Jaya direkodkan pada sekitar 222 Mbps dengan kelajuan muat naik purata sebanyak 46 Mbps. Selain itu, purata latensi rangkaian mudah alih 4G berada dalam julat 30 hingga 50ms, manakala rangkaian 5G menunjukkan prestasi latensi yang lebih baik iaitu antara 10 hingga 25 ms.


Hasil analisis turut menunjukkan bahawa prestasi jalur lebar talian tetap di Subang Jaya adalah lebih stabil dan konsisten berbanding jalur lebar mudah alih. Seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3.1, kelajuan purata muat turun jalur lebar talian tetap mencecah sekitar 180 Mbps dengan kelajuan muat naik purata sebanyak 80 Mbps, manakala purata latensi berada pada julat 20 hingga 30 ms.

Tahap prestasi ini membuktikan bahawa jalur lebar talian tetap di Subang Jaya lebih sesuai untuk menyokong penggunaan data berintensiti tinggi dan aplikasi berterusan seperti perkhidmatan bandar pintar, pengurusan infrastruktur digital serta aktiviti ekonomi berasaskan teknologi.


Rajah 3.1 Kadar Purata Kelajuan Muat Turun, Muat Naik dan latensi Perkhidmatan Jalur Lebar di Subang Jaya



Sumber: Kajian Lapangan, Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026



Sumber: https://www.speedtest.net/



Pelan 3.2

Lokasi Bancian *Uploading* dan *Downloading* Data Di Kawasan Subang Jaya

PELAN LOKASI



Petunjuk:

- **Lokasi Bancian *Uploading* dan *Downloading***

Lain - lain

- **Sempadan MBSJ**
- **Sempadan BP**
- **Sempadan PBT**

Sumber : Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)

3.1.3 PELAKSANAAN DAN PERANCANGAN PROGRAM JENDELA DI SUBANG JAYA

Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) merupakan inisiatif strategik kerajaan Malaysia yang bertujuan memperkukuh infrastruktur digital negara melalui peningkatan liputan, kapasiti dan kualiti rangkaian jalur lebar. Program ini dilaksanakan sebagai pelan peralihan berperingkat daripada teknologi 3G kepada rangkaian 4G dan 5G bagi memenuhi keperluan digital semasa serta menyokong perkembangan teknologi masa hadapan.

Pelaksanaan JENDELA memberi penekanan kepada peluasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar melalui pembinaan dan penaiktarafan menara telekomunikasi, pemasangan rangkaian gentian optik, serta pengukuhan infrastruktur rangkaian mudah alih sedia ada. Inisiatif ini turut memfokuskan penambahbaikan kualiti perkhidmatan, termasuk aspek kelajuan, kestabilan dan latensi rangkaian, selaras dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan digital.

Dalam konteks kawasan Subang Jaya, pelaksanaan JENDELA memainkan peranan penting dalam memastikan ketersediaan dan kebolehpercayaan rangkaian digital bagi menyokong pertumbuhan penduduk, aktiviti ekonomi dan pelaksanaan inisiatif bandar pintar. Penilaian terhadap pelaksanaan program ini membolehkan tahap keberkesanan inisiatif sedia ada dikenal pasti serta membantu merangka keperluan penambahbaikan bagi memastikan pembangunan digital yang mampan, berdaya tahan dan inklusif.

Rajah 3.2 Kepentingan program jendela di Subang Jaya



KEPENTINGAN PROGRAM JENDELA

Meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar

Memperluas liputan 4G serta persediaan ke arah 5G bagi memastikan akses internet yang lebih stabil dan berkelajuan tinggi.

Mengurangkan jurang digital

Menyokong keterangkuman digital dengan memastikan akses internet yang saksama di semua kawasan berpenduduk.

Menyokong pembangunan bandar pintar

Menjadi asas kepada pelaksanaan sistem dan aplikasi pintar seperti pemantauan bandar, trafik dan perkhidmatan awam berasaskan data.

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam

Membolehkan penyampaian perkhidmatan e-kerajaan dan urusan digital dilaksanakan dengan lebih pantas dan berkesan.

Merangsang pertumbuhan ekonomi digital

Menyokong aktiviti perniagaan, kerja jarak jauh dan inovasi teknologi yang meningkatkan daya saing bandar.

3.2 APLIKASI PINTAR

Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan aplikasi pintar bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus digital. Aplikasi ini membolehkan rakyat mengakses maklumat dan perkhidmatan secara mudah, sambil membolehkan pihak kerajaan dan agensi memantau, mengurus dan menyelaraskan operasi dengan lebih efisien. Aplikasi pintar ini juga dibahagikan mengikut tujuh (7) komponen bandar pintar yang merangkumi pelbagai aspek:

KOMPONEN BANDAR PINTAR	PERINGKAT NEGERI	PERINGKAT MBSJ		PERINGKAT AGENSI
Smart Governance	• SISMAPS (Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor) • HRMIS (*Human Resource Management Information System*)	• Portal MBSJ • Icewarp Business Suite (Emel MBSJ) • Sistem Ezy MBSJ • *WebIntranet* • *Integrated Revenue Management System* (IRMS) • *Integrated Financial Management System* (IFMS) • *Human Resource Payroll System* (HRPS) • Sistem Kakitangan • Sistem e-Lesen • *Executive Information System* (EIS) • Sistem Pemantauan Aras Air • Sistem E-Penilaian (eP) • Sistem Penilaian Semula (eRV) • Sistem Kutipan Online (iHasil) • Kiosk Pembayaran Perkhidmatan • Sistem Pengurusan Aset (SPA)	• Sistem Pengurusan Stor (SPS) • Sistem Akses Pintu • Sistem Merakam Kehadiran • Sistem Pengurusan Prestasi Bandaraya (CPMS) • Sistem E-Tender • *Road Electrical Asset Communication & Telemetry* (REACT) • KaunterXpress.net • Sistem e-Penjawatan • ELIAS *Knowledge And Content Management System* (EKCMS) • Sistem E-Takwim • Sistem E-Logistik • Sistem e-Court • Sistem e-Kuarters • Sistem i-Data • WhatsApp Biz MBSJ • Sistem Pengurusan Majlis Perwakilan Penduduk (E-MPP) • Sistem e-Access • *Restricted Area Access System* (Reacs) • Sistem Pengurusan Sisa Industri (i-Waste) • Sistem Pengurusan Projek Jabatan Kejuruteraan (SPPJK)	• MyGOV Malaysia • MyDigital ID • SSOC • IPLAN • MURNInets (Sistem Pengukuran Tahap Kemampanan Bandar)

Sumber: Majlis Bandaraya Subang Jaya , 2026

KOMPONEN BANDAR PINTAR	PERINGKAT NEGERI	PERINGKAT MBSJ	PERINGKAT AGENSI
		• Sistem Kehadiran Mesyuarat (SKM) • *GreenhouseGas Inventory Management System* (GIMS) • *Office Collaborative Management System* (OCPS) • Sistem Pusat Pemindahan Sementara (PPS) • CCTV • Sistem I-Responz • Sistem MySMS 15888 • Kiosk Informasi & Direktori MBSJ • Aplikasi Gemilang MBSJ • Aplikasi E-Waran • Aplikasi Kompaun Trafik & Kompaun Pelbagai • Aplikasi Bil Air & Sewaan MBSJ	
	• ePTRS (Program Tuisyen Rakyat Selangor)	• Portal MBSJ • Sistem Ezy MBSJ • Sistem e-Lesen • *Executive Information System* (EIS) • Kiosk Pembayaran Perkhidmatan • Sistem e-Penjawatan • Sistem Pengurusan Majlis Perwakilan Penduduk (E-MPP) • Aplikasi Gemilang MBSJ	• MySejahtera • MyUBAT • myMaHTAS • MyHealth
	• Nine App (Super-App Negeri Selangor) • Portal JENDELA	• *Road Electrical Asset Communication & Telemetry* (REACT)	• SWAN / SeGNet • CCTV *Analytics &* IoT Sensors • SSDP • Air Selangor App
	• PLATS (Platform Selangor)	• Sistem Ezy MBSJ • Sistem e-Lesen • Kiosk Pembayaran Perkhidmatan	• uCustoms • MyDLv • CEPat
	• *Smart Selangor SITS* • *Smart Selangor Parking* (SSP) • *Selangor Intelligent Parking* (SIP)	• *Road Electrical Asset Communication & Telemetry* (REACT)	• MyJPJ • MyBayar PDRM
	• Selangkah • YAWAS	• Sistem Pemantauan Aras Air • CCTV	• MySejahtera • MyUBAT
	• iClean Selangor	• Sistem Pemantauan Aras Air	• IoT Sensors & CCTV Analytics • M-Eko Rimba

Sumber: Majlis Bandaraya Subang Jaya , 2026

3.3 INTEGRASI DATA DAN PUSAT KAWALAN DIGITAL

Tahap integrasi dan perkongsian data antara PBT dan agensi berkaitan di Subang Jaya berada pada tahap sederhana hingga tinggi, khususnya bagi perkhidmatan teras yang melibatkan penyampaian perkhidmatan awam, penguatkuasaan, kewangan dan pemantauan bandar. Integrasi ini dilaksanakan melalui penggunaan platform digital bersepadu, sistem pembayaran elektronik, pusat kawalan operasi dan rangkaian infrastruktur digital negeri.

Secara umumnya, perkongsian data tidak berlaku secara langsung antara semua agensi, namun dilaksanakan melalui platform perantara (*centralised platforms*) yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. Pendekatan ini membolehkan data dikongsi secara terkawal dan selamat mengikut keperluan fungsi serta tahap keselamatan maklumat.

3.3.1 PUSAT DATA DAN COMMAND CENTRE NEGERI SELANGOR (SELGDX)

Pusat Data dan *Command Centre* Negeri Selangor (SELGDX) berfungsi sebagai hab integrasi data utama Negeri Selangor yang menyelaras dan menganalisis data daripada pelbagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi kerajaan negeri dan persekutuan. SELGDX memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan Smart Selangor, khususnya dari aspek tadbir urus digital, pemantauan bandar dan pembuatan keputusan berasaskan data.

SELGDX menggabungkan data pelbagai sektor termasuk perancangan bandar, trafik, keselamatan, kebersihan, bencana, kesihatan awam dan kewangan melalui satu platform pemantauan bersepadu.

Pendekatan ini membolehkan kerajaan negeri memantau prestasi bandar secara masa nyata serta meningkatkan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

FUNGSI UTAMA SELGDX

INTEGRASI DAN PERKONGSIAN DATA ANTARA AGENSI

SELGDX bertindak sebagai platform perantara yang mengintegrasikan data daripada:

- **PBT di seluruh Selangor**
- **Agensi keselamatan seperti PDRM dan JBPM**
- **Agensi utiliti dan infrastruktur**
- **Agensi kesihatan dan kebajikan**

Integrasi ini tidak melibatkan perkongsian pangkalan data sepenuhnya, sebaliknya menggunakan pendekatan perkongsian data terpilih dan terkawal mengikut keperluan operasi dan tahap keselamatan maklumat.

PEMANTAUAN OPERASI BANDAR SECARA MASA NYATA

Melalui penggunaan papan pemuka analitik (*dashboard*), SELGDX menyokong:

- **Analisis trend bandar**
- **Penilaian prestasi perkhidmatan PBT**
- **Ramalan isu bandar (*predictive insights*)**
- **Penyediaan laporan strategik kepada pembuat dasar negeri ini membantu meningkatkan kualiti perancangan, penguatkuasaan dan pengurusan bandar.**

SOKONGAN PEMBUATAN KEPUTUSAN BERASASKAN DATA

SELGDX berfungsi sebagai *command centre* yang memaparkan data masa nyata seperti:

- **Rakaman CCTV bandar**
- **Aliran trafik dan kesesakan**
- **Insiden kecemasan dan bencana**
- **Aduan awam dan status tindakan**


Maklumat ini membolehkan penyelarasan tindakan antara PBT dan agensi berkaitan secara lebih pantas dan berkesan.

PENGURUSAN KRISIS DAN TINDAK BALAS KECEMASAN

SELGDX berperanan penting semasa situasi kecemasan seperti banjir, kemalangan besar dan gangguan utiliti dengan:

- **Menyelaraskan maklumat antara agensi berkaitan**
- **Menyediakan gambaran situasi menyeluruh (*common operating picture*)**
- **Mempercepatkan proses membuat keputusan dan agihan sumber**

3.3.2 SUBANG JAYA *VIBRANT COMMAND CENTRE* (SJVCC)



SJVCC

Subang Jaya *Vibrant Command Centre* (SJVCC) merupakan sebuah pusat kawalan dan operasi bandar pintar yang dibangunkan oleh MBSJ. Ia berfungsi sebagai hab bersepadu bagi pemantauan bandar, pengurusan aduan awam, keselamatan, trafik serta penyelarasan tindakan kecemasan secara masa nyata. SJVCC mula beroperasi sekitar tahun 2019 sebagai sebahagian daripada inisiatif bandar pintar Subang Jaya.

Fungsi utama SJVCC

Pusat Panggilan dan Aduan Awam

Mengendalikan pertanyaan, aduan dan maklum balas penduduk melalui pelbagai saluran seperti panggilan telefon, e-mel dan aplikasi digital bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan bandar.

Pemantauan CCTV dan Keselamatan

Menyediakan pemantauan masa nyata melalui rangkaian kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar Subang Jaya untuk tujuan keselamatan awam, kawalan trafik dan pemantauan aset bandar.

Pengurusan Trafik dan Mobiliti

Membantu PBT dalam memantau aliran trafik, mengenal pasti kawasan kesesakan serta menyokong tindakan pantas bagi pengurusan lalu lintas dan kemalangan.

Pusat Koordinasi Kecemasan dan Bencana

Berperanan sebagai pusat penyelarasan semasa kejadian kecemasan seperti banjir, kemalangan besar dan situasi krisis. SJVCC juga pernah digunakan sebagai Pusat Operasi COVID-19 MBSJ.

Penambahbaikan Berterusan SJVCC


MBSJ terus melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap sistem Subang Jaya *Vibrant Command Centre* (SJVCC) selaras dengan keperluan pengurusan bandar pintar yang semakin kompleks. Antara fokus utama penambahbaikan adalah:



A

Peningkatan papan pemuka *(dashboard)*

Bagi membolehkan pemantauan data bandar secara masa nyata yang lebih sistematik, tersusun dan mudah difahami oleh pegawai teknikal serta pihak pengurusan.



B

Penambahbaikan antara muka pengguna *(interface)*

Bagi memastikan penggunaan sistem lebih intuitif, mengurangkan kebergantungan kepada latihan teknikal yang kompleks dan meningkatkan kecekapan operasi harian.



C

Pengembangan akses berasaskan web dan digital

Bagi membolehkan perkongsian maklumat penting kepada pentadbir bandar dan pihak berkepentingan secara lebih pantas dan selamat.



D

Penyepaduan data pelbagai jabatan dan agensi

Bagi menyokong pembuatan keputusan berasaskan data (*data-driven decision making*) dan meningkatkan keupayaan tindak balas terhadap isu bandar.

Secara keseluruhannya, usaha penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan SJVCC kekal relevan, berfungsi secara optimum dan mampu menyokong tadbir urus bandar yang cekap, responsif dan berorientasikan rakyat.

TAHAP KETERSEDIAAN DAN PENERIMAAN PENDUDUK

4

4.1 KAEDAH PENGUMPULAN, SUMBER DAN ANALISIS DATA

Pengendalian kaedah pengumpulan data dilaksanakan secara terancang bagi memastikan proses pengumpulan maklumat berjalan dengan sistematik dan teratur. Kaedah pengumpulan kajian ini melibatkan empat (4) pendekatan utama yang melibatkan kajian lapangan, sesi *Focus Group Discussion* (FGD), kaji selidik awam dan kaji selidik agensi. Hasil dapatan kajian ini dapat memperincikan isu, keperluan serta tahap penerimaan responden berkaitan aspek yang dikaji.



KAJIAN LAPANGAN

Pengumpulan data kajian ini melibatkan cerapan lapangan bagi mengenal pasti isu perbandaran di kawasan kajian serta tinjauan ketersediaan liputan internet melalui survei kelajuan muat naik dan muat turun. Selain itu, soal selidik penduduk dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform *Survey123 (ArcGIS)* dan *Google Form.*



SESI *FOCUS GROUP DISCUSSION* (FGD)

Sesi *Focus Group Discussion* (FGD) dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas mendalam daripada pihak berkepentingan dan agensi berkaitan isu serta cadangan dalam kawasan kajian. Sesi ini dilaksanakan secara perbincangan berkumpulan yang berstruktur bagi menggalakkan perkongsian pandangan dan perspektif ahli yang terlibat.



KAJI SELIDIK AWAM

Kaji selidik awam dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan, persepsi dan tahap kesediaan penduduk terhadap pelaksanaan bandar pintar di kawasan Subang Jaya, serta memastikan cadangan pelan tindakan yang dirangka lebih relevan dan berasaskan keperluan masyarakat.



KAJI SELIDIK AGENSI

Kaji selidik agensi dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas teknikal, input dasar serta keutamaan pelaksanaan daripada agensi berkaitan, seterusnya memastikan cadangan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 lebih praktikal, selaras dengan peranan agensi dan boleh dilaksanakan.

4.1.1 KAJIAN LAPANGAN

Bagi menyokong pelaksanaan kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, beberapa kaedah digunakan untuk mengumpul data sumber primer secara menyeluruh. Kajian lapangan dijalankan bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan berdasarkan keadaan semasa di kawasan kajian. Berikut merupakan kaedah pengumpulan maklumat di kajian lapangan yang digunakan.

Data-data berkaitan isu perbandaran, data liputan akan dicerap menggunakan aplikasi *ArcGIS Collector, Speed Test OOKLA* di peringkat kajian lapangan. Antara data yang dicerap adalah:

- **Isu Perbandaran Semasa**
- **Data liputan *uploading* dan *downloading* semasa**
- **Lokasi (longitud dan latitud)**
- **Nama tempat, jalan**
- **Foto**

Rajah 4.1 : Contoh Penggunaan aplikasi ArcGIS Collector



Sumber: ***ArcGIS Collector***

97 KAWASAN KAJIAN LAPANGAN *UPLOADING* DAN *DOWNLOADING*

Kajian lapangan kelajuan *uploading* dan *downloading* telah dijalankan di 97 lokasi terpilih sekitar kawasan Subang Jaya bagi menilai prestasi sebenar liputan internet serta menyokong perancangan penambahbaikan infrastruktur digital.

Rajah 4.2 : Contoh kaedah cerapan data bagi *uploading* dan *downloading*



Sumber: ***OOKLA Speed Test***

4.1.2 SESI *FOCUS GROUP DISCUSSION* (FGD)

Focus Group Discussion **(FGD) yang akan dijalankan adalah untuk mendapatkan pandangan, ulasan, pengesahan maklumat dan data yang tepat daripada agensi yang terlibat untuk melengkapkan kajian. Dua (2) sesi FGD dan satu (1) TWG akan dijalankan iaitu :**

Sesi Libat Urus 1

Sesi Libat Urus 1 dilaksanakan sebagai peringkat awal pengumpulan input dan pandangan daripada pihak berkepentingan utama bagi mengenal pasti isu, cabaran serta keperluan semasa pembangunan bandar pintar di Subang Jaya. Maklum balas yang diperoleh menjadi asas kepada penetapan hala tuju, fokus strategik dan keutamaan inisiatif dalam pelan tindakan ini.

Sesi Libat Urus 2

Sesi Libat Urus 2 bertujuan untuk membentangkan dapatan awal serta cadangan strategi dan inisiatif bandar pintar kepada pihak berkepentingan bagi mendapatkan pengesahan, penambahbaikan dan sokongan bersama. Sesi ini memastikan pelan tindakan yang dirangka adalah realistik, inklusif dan selari dengan aspirasi komuniti serta keupayaan pelaksanaan pihak berkuasa tempatan.

Sesi *Technical Working Group* (TWG)

Sesi TWG diadakan bagi mendapatkan input teknikal, kepakaran dan pandangan profesional daripada jabatan serta agensi berkaitan dalam memperhalusi cadangan strategi dan inisiatif bandar pintar Subang Jaya. Sesi ini berperanan memastikan setiap cadangan adalah selaras dengan dasar sedia ada, keupayaan pelaksanaan, keperluan teknikal serta kerangka tadbir urus bandar pintar sehingga tahun 2035.

Rajah 4.3 : Contoh *focus group discussion* 1 yang telah dijalankan pada 18 Disember 2025







4.1.3 KAJI SELIDIK AWAM

Kaji selidik awam telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan perspektif masyarakat mengenai bandar pintar. Saiz sampel yang diperoleh daripada kaji selidik awam ini adalah optimum (385 responden) melihat kepada populasi penduduk kawasan Subang Jaya melalui pendekatan kuantitatif. Contoh pengiraan ditunjukkan adalah di Rajah 4.4.

Kaedah edaran kaji selidik ini adalah melalui sebaran atas talian (*Facebook*) dan aplikasi *Whatsapp.*

i. **Kaedah 1 : *Facebook* MBSJ dan Penduduk Subang Jaya: dan**

ii. **Kaedah 2 : Sebaran melalui *Whatsapp* kepada Ahli Majlis dan Jabatan MBSJ.**

***Survey123* dan *Google Form* adalah borang survei atas talian yang digunakan.**



Soalan kaji selidik ini terbahagi kepada lima (5) bahagian iaitu:

i. **Bahagian A – Maklumat Am Responden**


ii. **Bahagian B – Isu dan Cabaran Perbandaran**

iii. **Bahagian C – Kesediaan Penduduk dalam Penggunaan Teknologi**

iv. **Bahagian D – Tahap Kepuasan Perkhidmatan Perbandaran di Subang Jaya**

v. **Bahagian E – Pandangan Penduduk Terhadap Bandar Pintar**

Rajah 4.4 : Contoh pengiraan saiz sampel (menggunakan populasi penduduk kawasan Subang Jaya



Sumber: https://www.calculator.net/sample-size-calculator.html

Rajah 4.5 : Contoh sebaran poster kaji selidik dan pandangan awam



4.1.4 KAJI SELIDIK AGENSI

Kaji selidik agensi telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan perspektif daripada agensi kerajaan, jabatan dalaman MBSJ, jabatan teknikal serta agensi swasta mengenai bandar pintar. Sebanyak 38 jabatan dalaman MBSJ dan agensi teknikal yang terlibat dalam memberi maklum balas berkenaan penglibatan jabatan dan agensi masing-masing terhadap pelaksanaan bandar pintar di Subang Jaya iaitu :

Kaedah edaran kaji selidik ini adalah melalui sebaran dalam aplikasi *Whatsapp* dan semasa FGD Bersama agensi. Kaji selidik agensi ini menggunakan aplikasi *Survey123* atas talian.



Soalan kaji selidik ini terbahagi kepada empat (4) bahagian iaitu:

i. **Bahagian A – Maklumat Am Responden**
ii. **Bahagian B – Isu dan Cabaran Perbandaran**
iii. **Bahagian C – Tahap Ketersediaan Agensi**
iv. **Bahagian D – Pandangan Agensi Terhadap Bandar Pintar**

Rumusan yang dapat dibuat berdasarkan kaji selidik ini sebagaimana berikut:

1. **Memahami pelaksanaan bandar pintar**
2. **Kesedaran kepentingan bandar pintar**
3. **Menggunakan aplikasi bandar pintar**
4. **Mengamalkan data terbuka**
5. **Mempunyai perancangan inisiatif bandar pintar**
6. **Berkeupayaan melaksanakan integrasi data**
7. **Bersedia berkongsi data**

4.2 SESI LIBAT URUS DALAM PROSES PEMBENTUKAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR SUBANG JAYA 2035

Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 melibatkan penyertaan input daripada pelbagai pemegang taruh dan ini selaras dengan pendekatan *bottom-up* melalui program FGD. Beberapa sesi libat urus telah dijalankan bersama jabatan dalam MBSJ, agensi teknikal, pemain industri dan pihak berkepentingan berkenaan idea, inisiatif dan cadangan pelaksanaan pintar yang boleh diimplementasikan dalam Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035. Selain itu, penglibatan komuniti setempat yang juga merupakan sebahagian daripada golongan terkesan dengan perancangan turut diambil kira. Sesi libat urus ini bertujuan mengenal pasti isu, kehendak dan idea yang membantu pembentukan Bandar Pintar Subang Jaya supaya cadangan yang dilakukan lebih holistik.

4.2.1 SESI *FOCUS GROUP DISCUSSION* 1 DAN 2

JABATAN KERAJAAN





PEMAIN INDUSTRI





WAKIL PENDUDUK





4.3 KAJI SELIDIK PANDANGAN PENDUDUK TERHADAP AGENDA BANDAR PINTAR

Bagi mencapai kriteria pembangunan bandar pintar di Subang Jaya, keperluan dan tahap kesediaan penduduk terhadap pelaksanaan inisiatif bandar pintar, kaji selidik awam telah dijalankan. Data yang dikumpulkan digunakan untuk mengenal pasti isu utama serta keutamaan masyarakat, seterusnya menyokong penyediaan cadangan tindakan yang lebih tepat dan berfokus.

KAEDAH PENGUMPULAN, SUMBER DAN ANALISIS DATA

Satu kaji selidik awam dijalankan bagi menilai tahap ketersediaan penduduk dan keupayaan komuniti dalam menghadapi perubahan ke arah bandar yang lebih pintar dan mampan.

KETERSEDIAAN PENDUDUK

Tahap kesedaran, penerimaan dan keupayaan penduduk dalam menyesuaikan diri serta menyokong pelaksanaan inisiatif bandar pintar.

KETAHANAN PENDUDUK

Keupayaan penduduk untuk menyesuaikan diri, bertindak balas dan kekal berdaya tahan terhadap perubahan sosial, teknologi dan persekitaran dalam pelaksanaan bandar pintar.

Tahap ketersediaan bandar pintar di kawasan Subang Jaya juga dinilai berdasarkan tahap pembangunan, implimentasi teknologi dan tahap ketersediaan infrastruktur pintar yang mengambil kira lima (5) aspek utama yang melibatkan :

- Maklumat Am Responden
- Isu dan Cabaran Perbandaran Penduduk Dalam Penggunaan Bandar Pintar
- Tahap Ketersediaan dan Penerimaan Penduduk
- Tahap Kepuasan Perkhidmatan Perbandaran di Kawasan Subang Jaya
- Aspirasi Penduduk

4.3.1 MAKLUMAT AM RESPONDEN

Kaji selidik pandangan rakyat dijalankan bagi mendapatkan input dan pandangan awal penduduk Subang Jaya terhadap agenda Bandar Pintar Subang Jaya 2035. Sebanyak 373 responden telah menjawab kaji selidik yang dijalankan.

KETERSEDIAAN PENDUDUK

KETAHANAN PENDUDUK

BILANGAN RESPONDEN

373 RESPONDEN

Kaji selidik melibatkan 373 responden yang dipilih secara rawak di kawasan Subang Jaya dengan menggunakan perisian *Survey123* bagi menentukan saiz sampel yang sesuai.

Bahagian maklumat am responden berperanan penting dalam memberikan gambaran asas mengenai latar belakang responden serta mengenal pasti corak demografi dan sosioekonomi yang wujud dalam kalangan responden. Intipati utama meliputi enam (6) komponen utama:

A. JANTINA




LELAKI
60.48%



PEREMPUAN
39.52%

B. UMUR



C. PEKERJAAN

95.71%
SEKTOR KERAJAAN

2.38%
SEKTOR SWASTA

0.95%
BEKERJA SENDIRI

0.95%
BERSARA

D. TAHAP PENDIDIKAN




E. KEMAHIRAN PENGGUNAAN MELEBIHI 2 BAHASA DI KAWASAN SUBANG JAYA



PENDUDUK DENGAN KEMAHIRAN PENGGUNAAN MELEBIHI 2 BAHASA

63%

F. STATUS PENETAPAN PENDUDUK DI KAWASAN SUBANG JAYA



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026


4.3.2 ISU DAN CABARAN PERBANDARAN DALAM PELAKSANAAN BANDAR PINTAR

Hasil dapatan bagi isu dan cabaran bagi perbandaran penduduk dalam penggunaan bandar pintar memainkan peranan utama dalam mengenal pasti tahap kesediaan penduduk, jurang akses teknologi serta keberkesanan pelaksanaan inisiatif bandar pintar di kawasan Subang Jaya.

A. ISU BERKAITAN PELAKSANAAN BANDAR PINTAR DI KAWASAN SUBANG JAYA

Berdasarkan hasil dapatan kajian, dua isu kritikal utama dikenal pasti dalam pelaksanaan bandar pintar di Subang Jaya, iaitu kekurangan liputan *WiFi* awam yang menyeluruh sebanyak 45.7% akibat ketidakseimbangan infrastruktur digital dan kekangan pelaksanaan serta kos langganan internet yang tidak mampu milik sebanyak 32.9% yang dipengaruhi oleh tahap pendapatan dan peningkatan kos sara hidup.

Rajah 4.6: Tahap Isu Berkaitan Pelaksanaan Bandar Pintar di Subang Jaya




Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

B. ISU PERBANDARAN YANG DIHADAPI DI KAWASAN SUBANG JAYA


Berdasarkan hasil dapatan tahap perbandaran di kawasan Subang Jaya, terdapat tiga (3) isu utama yang dikenal pasti. Isu paling ketara ialah masalah kesesakan lalu lintas yang mencatat 65.2%, berpunca daripada aliran trafik yang kurang cekap serta pertumbuhan pembangunan yang pesat. Selain itu, keberkesanan masalah penyediaan dan pengurusan parkir yang mencatat 55.2% berpunca daripada kekurangan ruang parkir yang mencukupi dan sistem pengurusan yang kurang cekap. Manakala berpunca daripada keterbatasan saluran pembayaran digital seperti keberkesanan kaedah pembayaran parkir yang menacatat 52.4%, proses pembayaran yang lambat dan kekurangan integrasi dengan sistem pengurusan parkir pintar, menyebabkan kesukaran dan kelewatan bagi pengguna.

Rajah 4.7: Tahap Isu Perbandaran yang Dihadapi di Subang Jaya



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

Rajah 4.7: Tahap Isu Perbandaran yang Dihadapi di Subang Jaya



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

Berdasarkan Jadual 4.1 menunjukkan bahawa kawasan Subang Jaya menghadapi cabaran perbandaran dalam lima (5) aspek iaitu infrastruktur digital dan fizikal, alam sekitar, keselamatan, pengangkutan dan kemudahan sosial. Infrastruktur dan teknologi masih menjadi cabaran utama Subang Jaya, termasuk liputan telekomunikasi yang lemah, kemudahan yang tidak mencukupi dan pengurusan bandar yang belum digital sepenuhnya, menunjukkan keperluan pelaburan dalam sistem pintar.

Selain itu, alam sekitar dan keselamatan menjadi isu utama, termasuk pencemaran, perubahan iklim, bencana, dan jenayah. Pengangkutan pula menghadapi kesesakan lalu lintas, sistem pengangkutan awam yang kurang berkesan, tempat letak kereta yang terhad dan kaedah pembayaran parkir yang tidak mesra pengguna, menunjukkan keperluan pengangkutan pintar dan penyelesaian digital.

Manakala bagi kemudahan sosial dan perkhidmatan awam, termasuk akses untuk warga OKU dan warga emas, pengurusan sampah, serta penyelenggaraan ruang hijau, masih kurang memuaskan, disebabkan tekanan daripada pembangunan pesat dan peningkatan populasi.

Jadual 4.1 : Senarai Isu dan Cabaran Utama berdasarkan pihak berkepentingan dan penduduk





Isu dan Cabaran Utama	Isu Awalan	FGD 1	Kaji Selidik Awam
1. Liputan rangkaian telekomunikasi (talian telefon dan internet) yang lemah			✓
2. Kemudahan dan Infrastruktur tidak mencukupi	✓		✓
3. Pengurusan bandar belum mencapai tahap teknologi yang padu	✓	✓	✓
4. Isu pencemaran alam sekitar (udara/bau/bunyi/air)		✓	✓
5. Isu keselamatan (aktiviti jenayah yang meningkat)		✓	✓
6. Sistem dan perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak menyeluruh/ kurang efektif		✓	✓
7. Pembangunan pesat MBSJ meningkatkan permintaan perumahan dan populasi	✓		✓
8. Masalah perubahan iklim dan pemanasan global	✓	✓	✓
9. Masalah kesesakan lalu lintas	✓	✓	✓
10. Isu lampu jalan rosak, lampu tak menyala, atau lampu yang kurang	✓	✓	✓
11. Pengurusan dan kutipan sampah yang kurang efisien (seperti lambakan sampah dan masa kutipan yang tidak menentu)			✓
12. Kemudahan untuk warga OKU dan warga emas tidak mencukupi		✓	✓
13. Isu Bencana Alam (Banjir, Tanah Runtuh dan lain – lain)	✓	✓	✓
14. Kaedah pembayaran tempat letak kenderaan tidak mesra pengguna		✓	✓
15. Tempat meletak kereta tidak mencukupi atau pengurusan parkir yang lemah		✓	✓
16. Ketidakcekapan penyelenggaraan landskap / pokok / ruang hijau	✓	✓	✓

4.3.3 TAHAP KEPUASAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DI KAWASAN SUBANG JAYA

A. TAHAP AKSES DAN CAPAIAN INTERNET

98.2%
MENCAPAI TAHAP CAPAIAN INTERNET

1.8%
TIDAK MENCAPAI TAHAP CAPAIAN INTERNET




98.2%
PENDUDUK

Kawasan Subang Jaya mempunyai akses dan capaian internet yang baik dan meluas, sekali gus menunjukkan tahap keterangkuman digital yang tinggi. Keadaan ini membolehkan penduduk memanfaatkan perkhidmatan dan aplikasi digital bagi urusan harian seperti komunikasi, pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan kerajaan.

B. PENGGUNAAN PERANTI PINTAR ISI RUMAH

Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa 86.6% daripada jumlah responden memiliki sekurang-kurangnya satu telefon pintar yang membolehkan mereka berhubung dengan teknologi.



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

C. PELAN INTERNET YANG DIGUNAKAN UNTUK AKSES

Secara ringkas, internet talian tetap mencatat penggunaan tertinggi sebanyak 61.6%, diikuti pelan prepaid mencatat 37.5% dan pelan postpaid hanya 31.0%. Penggunaan *WiFi* percuma adalah 24.6% dan *WiFi* di rumah atau pejabat mencatat 20.4% adalah lebih rendah, menunjukkan keperluan penambahbaikan kemudahan internet awam.



Internet Talian Tetap (*Fixed Line*)
61.6%



Pelan Data Prabayar (*Prepaid*)
37.5%



Pelan Data Pascabayar (*Postpaid*)
31.0%



WiFi Percuma atau hotspot awam
24.6%



WiFi di rumah atau pejabat (contoh: UNIFI, streamyx, TIME)
20.4%

D. TAHAP KELAJUAN PERKHIDMATAN INTERNET (JALUR LEBAR)

Telefon Mudah Alih

77.16%
RESPONDEN BERPUAS HATI

Tahap kelajuan perkhidmatan internet (jalur lebar) bagi telefon mudah alih di kawasan Subang Jaya berada pada tahap memuaskan dengan peratusan 77.16%, menunjukkan kualiti perkhidmatan yang sederhana namun masih memerlukan penambahbaikan bagi menyokong keperluan digital yang lebih berintensif.

Talian Tetap

76.67%
RESPONDEN BERPUAS HATI

Tahap kelajuan perkhidmatan internet (jalur lebar) bagi talian tetap di kawasan Subang Jaya berada pada tahap memuaskan dengan peratusan 76.67%, menunjukkan prestasi yang mencukupi untuk kegunaan asas, namun masih memerlukan peningkatan bagi menyokong aplikasi digital berkapasiti tinggi dan perkhidmatan bandar pintar.

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

E. PENGGUNAAN APLIKASI PINTAR BERKAITAN PERKHIDMATAN BANDAR ATAU KERAJAAN


Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa 88.89% daripada jumlah responden menggunakan aplikasi pintar berkaitan perkhidmatan bandar di bawah kerajaan, mencerminkan tahap penerimaan dan kesediaan penduduk yang tinggi terhadap penggunaan perkhidmatan digital bagi tujuan urusan dan interaksi dengan PBT.



88.89%
MENGGUNAKAN APLIKASI PINTAR



11.11%
TIDAK MENGGUNAKAN APLIKASI PINTAR



Lebih 50% responden menggunakan aplikasi pintar berkaitan perkhidmatan kerajaan untuk memudahkan urusan harian dan 70% responden menggunakan aplikasi GEMILANG MBSJ.

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

F. TUJUAN PENGGUNAAN APLIKASI PINTAR

Penggunaan aplikasi pintar penduduk kawasan Subang Jaya tertumpu kepada Pembayaran Bil yang meliputi 94.4%, Pembelian Dalam Talian pula Adalah 86.1%, Media Sosial mencatat 79.2%, Navigasi mencatat 78.2% dan Perkhidmatan Utiliti mencatat 76.9%., Manakala penggunaan bagi E-dagang Dari Rumah mencatat 12.1%, E-perpustakaan mencatat 12.0% dan Kitar Semula mencatat 12.9% masih rendah, menunjukkan ruang penambahbaikan dalam pemerkasaan aplikasi bandar pintar.



94.4%
Pembayaran Bil Melalui Perkhidmatan Kerajaan



86.1%
Pembelian dalam talian



79.2%
Media sosial



78.2%
Navigasi



76.9%
Perkhidmatan Utiliti



75.5%
Carian Maklumat



65.3%
Pengangkutan/ mobiliti



59.3%
Bayaran pinjaman pembiayaan peribadi



50.5%
Hiburan



49.5%
Sistem aduan & maklumbalas dalam talian / e-aduan



44.9%
Perkhidmatan kecemasan & kesihatan



43.5%
Pembelajaran dalam talian



32.9%
Tempahan kemudahan rekreasi secara dalam talian



28.7%
Bekerja dari rumah



25.5%
Bayaran pinjaman pembelajaran



12.9%
Menggunakan aplikasi atau platform berkaitan kitar semula




12.0%
Perniagaan Dari Rumah (E-dagang)



12.0%
Penggunaan *E-Library* (Perpustakaan Digital)


Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

G. TUJUAN UTAMA ANDA MENGGUNAKAN APLIKASI PERKHIDMATAN BANDAR




Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa 86.1% responden menggunakan aplikasi perkhidmatan bandar bagi menjimatkan masa, manakala 81.0% penduduk menyatakan keperluan untuk hadir ke kaunter fizikal dapat dielakkan.

H. PENGGUNAAN KENDERAAN ELEKTRIK




Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa sebanyak 4.5% responden mempunyai kenderaan elektrik. Manakala bagi tahap kepuasan penduduk yang menggunakan *EV charging station* pula menunjukkan sebanyak 44.4% responden sangat berpuas hati. Walau bagaimanapun, *EV charging station* masih memerlukan penambahbaikan dari segi kemudahan akses agar lebih selaras dengan keperluan masyarakat.




Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

I. PENGGUNAAN PENGANGKUTAN AWAM

Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa penggunaan pengangkutan awam yang paling popular oleh responden adalah *e-hailing* kerana ia lebih selesa serta fleksibel dari segi waktu dan lokasi, mudah ditempah melalui aplikasi serta menawarkan perjalanan yang lebih peribadi dan selamat berbanding pengangkutan awam.






Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026


Walau bagaimanapun, sebanyak 52.1% penduduk menggunakan pengangkutan awam hanya sekali seminggu, kemungkinan kerana pengangkutan peribadi yang lebih cepat dan fleksibel serta akses ke stesen atau hentian yang jauh dari rumah atau tempat kerja.

KEKERAPAN PENDUDUK MENGGUNAKAN PENGANGKUTAN AWAM



Majoriti responden menggunakan pengangkutan awam untuk perjalanan bersiar-siar dengan peratusan tertinggi 61.2%. Manakala peratusan terendah 10.5% menunjukkan terdapat tujuan tertentu yang kurang bergantung kepada pengangkutan awam.


TUJUAN PERJALANAN KE DESTINASI YANG DITUJU DENGAN MENGGUNAKAN PENGANGKUTAN AWAM




J. SUMBANGAN PENDUDUK DALAM GAYA HIDUP PINTAR DI RUMAH/ TAMAN PERUMAHAN/ TEMPAT KERJA DI SUBANG JAYA

Secara keseluruhannya, sebanyak 90.41% penduduk bersedia untuk menggunakan aplikasi pintar dalam kehidupan harian. Pembayaran atas talian (*QR Pay*) mencatatkan tahap pelaksanaan tertinggi dengan hanya 5.92% belum melaksanakannya, manakala amalan lain seperti kitar semula, *go paperless*, penggunaan *WiFi* percuma dan elemen pintar dalam bangunan masih belum diamalkan oleh sekitar 40% hingga 53% responden. Selain itu, amalan berkaitan tenaga dan mobiliti hijau seperti pemasangan solar panel dan penggunaan kenderaan elektrik masih rendah dengan masing-masing 57.07% dan 71.69% responden belum melaksanakannya.

TAHAP KESEDIAAN PENDUDUK UNTUK MENGGUNAKAN APLIKASI PINTAR DALAM KEHIDUPAN HARIAN





Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

4.3.4 TAHAP KEPUASAN PERKHIDMATAN DIGITAL KERAJAAN

Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan digital kerajaan di kawasan Subang Jaya mencerminkan sejauh mana keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam berasaskan teknologi dalam memenuhi keperluan penduduk setempat. Pengenalan platform digital oleh pihak berkuasa tempatan bertujuan meningkatkan kecekapan, kemudahan akses dan ketelusan perkhidmatan, sekali gus menyokong aspirasi Subang Jaya ke arah pembangunan bandar pintar yang berfokuskan rakyat.

Tahap Kepuasan Terhadap Perkhidmatan Digital

SMART GOVERNANCE

01	Perkhidmatan digital MBSJ	74.3% - Sangat memuaskan 24.3% - Sederhana 1.4% - Sangat tidak memuaskan
02	Data terbuka	53.3% - Sangat memuaskan 41.9% - Sederhana 4.8% - Sangat tidak memuaskan
03	Portal dan Laman Web Rasmi MBSJ	74.3% - Sangat memuaskan 22.4% - Sederhana 3.3% - Sangat tidak memuaskan

SMART ECONOMY

01	*E-hailing*	74.3% - Sangat memuaskan 23.3% - Sederhana 2.4% - Sangat tidak memuaskan
02	*P-hailing*	81.0% - Sangat memuaskan 17.6% - Sederhana 1.4% - Sangat tidak memuaskan
03	E-dagang	81.4% - Sangat memuaskan 17.1% - Sederhana 1.4% - Sangat tidak memuaskan
04	Pembayaran atas Talian	85.0% - Sangat memuaskan 14.3% - Sederhana 0.7% - Sangat tidak memuaskan

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

SMART PEOPLE

01 **Penyertaan Awam**
- 64.3% - Sangat memuaskan
- 32.4% - Sederhana
- 3.3% - Sangat tidak memuaskan

02 **Pusat Ekonomi Digital (NADI)**
- 61.0% - Sangat memuaskan
- 33.9% - Sederhana
- 5.1% - Sangat tidak memuaskan

03 **Peluang Kursus Kemahiran atas Talian**
- 60.5% - Sangat memuaskan
- 34.3% - Sederhana
- 5.2% - Sangat tidak memuaskan

SMART LIVING

01 **Keselamatan Awam**
- 58.1% - Sangat memuaskan
- 35.8% - Sederhana
- 6.1% - Sangat tidak memuaskan

02 **Perkhidmatan Kesihatan**
- 64.3% - Sangat memuaskan
- 32.4% - Sederhana
- 3.3% - Sangat tidak memuaskan

03 **Amaran Bencana**
- 55.7% - Sangat memuaskan
- 35.2% - Sederhana
- 9.1% - Sangat tidak memuaskan

04 **Kemudahan Warga Emas**
- 52.9% - Sangat memuaskan
- 35.7% - Sederhana
- 11.4% - Sangat tidak memuaskan

05 **Penawaran dan Permohonan Rumah Mampu Milik**
- 37.6% - Sangat memuaskan
- 32.9% - Sederhana
- 29.5% - Sangat tidak memuaskan

06 **Tempahan Kemudahan dan Rekreasi Awam**
- 54.3% - Sangat memuaskan
- 36.2% - Sederhana
- 9.5% - Sangat tidak memuaskan

07 **Bangunan Hijau**
- 46.2% - Sangat memuaskan
- 40.5% - Sederhana
- 13.3% - Sangat tidak memuaskan

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

SMART MOBILITY

01 Perkhidmatan Pengangkutan Awam

- **57.1% - Sangat memuaskan**
- 36.2% - Sederhana
- 6.7% - Sangat tidak memuaskan

02 Pengurusan Lalu Lintas

- **47.6% - Sangat memuaskan**
- 34.8% - Sederhana
- 17.6% - Sangat tidak memuaskan

03 Penggunaan Mikromobiliti

- 36.7% - Sangat memuaskan
- **43.8% - Sederhana**
- 19.5% - Sangat tidak memuaskan

04 Kemudahan Pejalan Kaki

- **44.8% - Sangat memuaskan**
- 42.9% - Sederhana
- 12.3% - Sangat tidak memuaskan

SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE

01 Liputan Perkhidmatan Jalur Lebar

- **56.7% - Sangat memuaskan**
- 37.6% - Sederhana
- 5.7% - Sangat tidak memuaskan

02 Kelajuan Internet

- **60.0% - Sangat memuaskan**
- 31.4% - Sederhana
- 8.6% - Sangat tidak memuaskan

03 Kualiti Capaian Jalur Lebar

- **54.8% - Sangat memuaskan**
- 39.1% - Sederhana
- 6.1% - Sangat tidak memuaskan

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

SMART ENVIRONMENT

01	Pengurusan Sisa Pepejal	52.4% - Sangat memuaskan 39.1% - Sederhana 8.5% - Sangat tidak memuaskan
02	Pemantauan Alam Sekitar	51.9% - Sangat memuaskan 41.0% - Sederhana 7.1% - Sangat tidak memuaskan
03	Perkhidmatan Bekalan Elektrik	69.5% - Sangat memuaskan 27.1% - Sederhana 3.4% - Sangat tidak memuaskan
04	Perkhidmatan Bekalan Air	70.0% - Sangat memuaskan 28.1% - Sederhana 1.9% - Sangat tidak memuaskan
05	Penambahan Penanaman Pokok	57.6% - Sangat memuaskan 41.9% - Sederhana 0.5% - Sangat tidak memuaskan
06	Penyediaan tenaga solar	44.8% - Sangat memuaskan 41.9% - Sederhana 10.3% - Sangat tidak memuaskan


Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

4.3.5 ASPIRASI PENDUDUK

Menjelang tahun 2035, penduduk Subang Jaya mengaspirasikan sebuah bandar pintar yang selamat, lestari dan berdaya huni, dengan penyampaian perkhidmatan bandar yang cekap serta berteraskan teknologi digital. Aspirasi ini menekankan keperluan kepada mobiliti pintar, persekitaran yang bersih dan hijau, tadbir urus yang telus serta penglibatan komuniti yang aktif bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk secara menyeluruh.


A. Tahap Kesediaan Penduduk terhadap Bandar Pintar

Sebanyak 88% penduduk Subang Jaya bersedia menerima perubahan gaya hidup berteraskan teknologi moden. Justeru, kesalinghubungan dan akses menyeluruh kepada perkhidmatan telekomunikasi serta internet perlu diberi keutamaan bagi memastikan transformasi digital yang inklusif dan tiada penduduk tercicir daripada manfaat ekonomi digital dan inisiatif bandar pintar.



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

B. Tahap Pemahaman Penduduk terhadap Konsep Bandar Pintar




Keutamaan utama tertumpu kepada Teknologi Pintar & Aplikasi Digital yang mencatat 46%, diikuti Infrastruktur Digital & Rangkaian yang mencatat 37%, menunjukkan fokus penduduk terhadap aspek teknologi dan capaian digital sebagai asas bandar pintar. Keselamatan & Pemantauan Pintar mencatat 17% turut dikenal pasti sebagai elemen penting, namun berada pada keutamaan yang lebih rendah berbanding teknologi teras.

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026


C. Keutamaan Komponen Bandar Pintar

Keutamaan Komponen Bandar Pintar memberi tumpuan utama kepada *Smart Digital Infrastructure*, diikuti *Smart People* dan *Smart Environment*, yang menekankan asas digital, kesejahteraan penduduk dan kelestarian. *Smart Living*, *Smart Mobility* dan *Smart Governance* menyokong peningkatan kualiti hidup serta kecekapan perkhidmatan bandar, manakala *Smart Economy* diberi keutamaan paling rendah sebagai elemen sokongan kepada komponen yang lain.



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

D. Potensi Pembangunan Bandar Pintar di Kawasan Subang Jaya



Sebahagian besar penduduk berpandangan Subang Jaya mempunyai potensi sebagai bandar pintar, dengan 54% bersetuju sepenuhnya dan 42% bersetuju sebahagian. Ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap potensi pembangunan bandar pintar di Subang Jaya. Namun, peratusan persetujuan sebahagian mencerminkan keperluan penambahbaikan dari segi pelaksanaan dan infrastruktur bagi merealisasikan potensi tersebut secara menyeluruh.

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

E. Projek yang perlu diberikan keutamaan untuk dilaksanakan

Sistem amaran banjir	*Smart traffic light*	*Smart street light*	Pengurusan secara digital
Pemasangan CCTV AI	*Smart parking*	*Smart rubbish collection*	*Smart public transport*
Smart pedestrian crossing	*Smart garden*	*Smart waste management*	Projek perumahan pintar

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

F. Harapan/aspirasi anda terhadap pembangunan Bandar Pintar di Subang Jaya

Aspirasi penduduk Subang Jaya terhadap pembangunan bandar pintar adalah untuk mewujudkan sebuah bandar yang lebih cekap, selamat, inklusif dan mampan melalui penggunaan teknologi digital dan inovasi pintar bagi meningkatkan kualiti hidup, memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam, mengurangkan kesesakan lalu lintas, memelihara alam sekitar serta memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.



Pengurusan lalu lintas yang cekap dan rangkaian pengangkutan awam yang bersepadu.



Teknologi digital yang mesra pengguna dan mudah diakses.



Pengurusan organisasi yang menggunakan teknologi terkini.




Liputan rangkaian jalur lebar yang berkelajuan tinggi dan menyeluruh.



Bandaraya yang selamat, inklusif dan lestari.



Penyediaan kemudahan yang mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.



Meluaskan penggunaan sistem solar dan mewujudkan sistem kecekapan tenaga.



Pengurusan tadbir urus kerajaan *end-to-end* (E2E) yang bersepadu.

Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026


4.4 KAJI SELIDIK PANDANGAN AGENSI TERHADAP AGENDA BANDAR PINTAR

Kaji selidik agensi dilaksanakan bagi mengenal pasti isu dan cabaran utama dalam pelaksanaan inisiatif bandar pintar di Subang Jaya, termasuk kekangan infrastruktur, keupayaan teknikal, penyelarasan antara agensi serta aspek perundangan dan pembiayaan. Di samping itu, kajian ini turut menilai tahap ketersediaan agensi dari segi sumber manusia, teknologi, data, sistem pengurusan dan kapasiti organisasi untuk menyokong pelaksanaan inisiatif bandar pintar secara berperingkat. Pandangan agensi terhadap konsep bandar pintar juga turut dikenal pasti bagi memahami tahap penerimaan, keutamaan pembangunan serta jangkaan terhadap impak teknologi dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam, kualiti hidup penduduk dan kemampanan bandar.


4.4.1 ISU PELAKSANAAN BANDAR PINTAR DAN CABARAN PERBANDARAN SUBANG JAYA

Hasil dapatan daripada agensi yang terlibat menunjukkan isu liputan internet yang mencatat 18.4%, kelajuan internet mencatat bilangan 13.2% dan akses internet terhad mencatat 13.2% mencerminkan kelemahan infrastruktur, sementara perkhidmatan digital yang tidak *end-to-end* serta tahap kemahiran digital yang rendah mencatat bilangan yang sama sebanyak 21.1% menunjukkan penggunaan teknologi yang belum optimum. Isu paling ketara ialah kekurangan *Public WiFi* yang mencatat bilangan 47.4%, diikuti yuran langganan internet yang tidak mampu milik sebanyak 28.9% dan kekurangan perkhidmatan digital atas talian mencatat 23.7%, yang secara keseluruhan menggambarkan jurang digital bukan sahaja berpunca daripada jaringan, tetapi juga faktor kos, akses awam dan kesiapsiagaan pengguna.

Rajah 4.8: Tahap Isu Berkaitan Pelaksanaan Bandar Pintar di Subang Jaya




Rajah 4.8: Tahap Isu Berkaitan Pelaksanaan Bandar Pintar di Subang Jaya (sambungan)




Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

Hasil daripada dapatan agensi, isu perbandaran paling ketara ialah kesesakan lalu lintas yang mencatat bilangan sebanyak 84.2%. Isu alam sekitar seperti pencemaran, keselamatan dan pengurusan sisa juga berada pada tahap membimbangkan melebihi 39–47%. Sebaliknya, rangkaian telekomunikasi menunjukkan tahap kritikal paling rendah yang mencatat 13.2%, menandakan keadaan yang relatif lebih baik berbanding sektor lain. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan keperluan segera untuk penambahbaikan menyeluruh dalam perancangan dan pengurusan bandar.

Rajah 4.9: Tahap Isu Perbandaran yang Dihadapi di Subang Jaya



Rajah 4.9: Tahap Isu Perbandaran yang Dihadapi di Subang Jaya (sambungan)



Sumber: Kaji selidik penduduk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035, 2026

4.4.2 TAHAP KETERSEDIAAN AGENSI

Tahap ketersediaan agensi merujuk kepada tahap keupayaan dan kesediaan sesebuah organisasi atau pihak berkuasa dari aspek penyediaan dasar, perancangan, sumber manusia, kewangan serta infrastruktur sokongan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif dan penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Hasil dari maklum balas yang telah dikendalikan dengan pihak agensi terlibat, elemen pintar yang telah dilaksanakan di kawasan Subang Jaya adalah melibatkan tahap ketersediaan *Command Centre* yang mencatat bilangan sebanyak 47.37%,

Jadual 4.2: Tahap Ketersediaan Elemen Bandar Pintar yang Telah Dilaksanakan di Kawasan Subang Jaya

Tahap Ketersediaan Elemen Bandar Pintar di Kawasan Subang Jaya	Peratus (%)	Rank
Telah dilaksana		
Tahap Ketersediaan *Command Centre*	47.37	1
Pemasangan *Smart Energy Meter* di Bangunan	47.37	1
Ketersediaan Stesen *EV Charging*	47.37	1
Ketersediaan CCTV dan Bilik Kawalan	44.74	2
Penyediaan *WiFi* Percuma / *Digital Library* / Peranti Pintar	44.74	2
Ketersediaan Bangunan Berisiko Tinggi Bersijil Perakuan Bomba	42.11	3
Penyediaan Solar di Bangunan	36.84	4
Pelaksanaan Integrasi Data	34.21	5
Perkhidmatan Digital Secara *End-to-End*	31.58	6
Persetujuan Agensi dalam Berkongsi Data	31.58	6
Pemasangan *Smart Traffic Light*	31.58	6
Pelaksanaan Polisi Data Terbuka	28.95	7
Perkongsian dan Integrasi Data	28.95	7
Sistem Pembayaran TLK Elektronik Bersepadu	28.95	7
Maklumat & Amaran Trafik Masa Nyata (atas talian)	26.32	8
Elemen Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)	23.68	9
Elemen Bangunan Hijau	21.05	10
Laluan Mikromobiliti (Basikal & *e-scooter*)	21.05	10
TLK Berintegrasi Sistem Parkir Masa Nyata	21.05	10
Pengurusan Sisa Secara Pintar	18.42	11
Peta Jalan Interaktif Masa Nyata	18.42	11
Ketersediaan Tong Sampah Awam Bersensor	2.63	12


Dapatan menunjukkan keutamaan perancangan elemen pintar di Subang Jaya lebih tertumpu kepada aspek pengurusan dan perkongsian data, dengan persetujuan agensi dalam berkongsi data yag mencatat 44.74% sebagai keutamaan, diikuti oleh elemen digital seperti perkhidmatan *end-to-end*, integrasi data, mikromobiliti dan peta jalan masa nyata yang meliputi 42.11%. Sebaliknya, elemen sokongan seperti tempahan dalam talian kemudahan awam adalah sebanyak 15.79%, stesen *EV charging* pula mencatat 13.16% dan sistem pembayaran Tempat Letak Kenderaan (TLK) elektronik mencatat bilangan sebanyak 2.63% menunjukkan tahap perancangan yang rendah.

Jadual 4.3: Tahap Ketersediaan Elemen Bandar Pintar yang Dalam Perancangan di Kawasan Subang Jaya

Tahap Ketersediaan Elemen Bandar Pintar di Kawasan Subang Jaya	Peratus (%)	Rank
Dalam Perancangan		
Persetujuan Agensi dalam Berkongsi Data	44.74	1
Perkhidmatan Digital Secara *End-to-End*	42.11	2
Perkongsian dan Integrasi Data	42.11	2
Perkongsian Laluan Kenderaan Mikromobiliti	42.11	2
Penyediaan Peta Jalan Interaktif Masa Nyata	42.11	2
Pelaksanaan Integrasi Data	39.47	3
Pelaksanaan Polisi Data Terbuka	36.84	4
Pelaksanaan Pengurusan Sisa Secara Pintar	36.84	4
Elemen Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)	36.84	4
Pemasangan Sensor Kualiti Udara Dalaman	36.84	4
Pelaksanaan Elemen Bangunan Hijau	34.21	5
Maklumat & Amaran Trafik Masa Nyata (dalam talian)	31.58	6
Ketersediaan Tong Sampah Awam Bersensor	31.58	6
Pemasangan *Smart Traffic Light*	28.95	7
TLK Berintegrasi Sistem Parkir Masa Nyata	28.95	7
Ketersediaan Bangunan Bersijil Perakuan Bomba	23.68	8
Penyediaan Solar di Bangunan	23.68	8
Ketersediaan CCTV dan Bilik Kawalan	21.05	9
Tahap Ketersediaan *Command Centre*	21.05	9
Pemasangan *Smart Energy Meter*	21.05	9
Penyediaan *WiFi* Percuma / *Digital Library*	21.05	9
Tempahan Dalam Talian Kemudahan Awam	15.79	10
Ketersediaan Stesen *EV Charging*	13.16	11
Sistem Pembayaran Tempat Letak Kenderaan (TLK) Elektronik Bersepadu	2.6	12

4.4.3 PANDANGAN AGENSI TERHADAP BANDAR PINTAR

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tahap pemahaman agensi terhadap konsep bandar pintar adalah tinggi, khususnya dari aspek penggunaan teknologi dan infrastruktur digital. Majoriti responden mentakrifkan bandar pintar sebagai bandar yang menggunakan elemen dan aplikasi pintar yang meliputi 94.74%, Selain itu, elemen seperti penggunaan CCTV, teknologi 5G dan kecerdasan buatan (AI) mencatat 84.21%, menunjukkan bahawa kebanyakan agensi telah memahami ciri-ciri teras bandar pintar yang berasaskan teknologi, data dan keselamatan digital.



Berdasarkan dapatan kajian, menunjukkan komponen *Smart Digital Infrastructure* dan *Smart Living* adalah rank 1. Ini menunjukkan asas teknologi dan kualiti hidup menjadi teras pembangunan bandar pintar. Manakala bagi fokus keutamaan elemen menjadi bandar pintar menunjukkan *Smart Traffic Light* (*Rank* 1) menjadi fokus utama agensi.

Namun, komponen strategik jangka panjang seperti tenaga pintar, pengurusan bencana dan integrasi data masih kurang diberi fokus dan berpotensi diperkukuh pada fasa seterusnya.

Jadual 4.4 :Fokus Keutamaan (7) Komponen Bandar Pintar

Fokus Keutamaan Bandar Pintar	Peratus (%)	*Rank*
Smart Digital Infrastructure	84.21	1
Smart Living	84.21	1
Smart Mobility	81.58	2
Smart Environment	78.95	3
Smart People	78.95	3
Smart Governance	78.95	3
Smart Economy	68.42	4

Jadual 4.5 :Fokus Keutamaan Elemen Bandar Pintar

Fokus Keutamaan Agensi di Subang Jaya	Peratus (%)	*Rank*
Smart Traffic Light	26.32	1
Smart Parking	21.05	2
Keselamatan & Penguatkuasaan (CCTV, *Smart Saman, Emergency, Security*)	18.42	3
Smart Street Light	7.89	4
Platform Digital / Smart App / Online System	7.89	4
Mobiliti & Pengangkutan Awam	5.26	5
Smart Waste Management	2.63	6
Command Centre (Data Live)	2.63	6
ICT / Teknologi & Informasi	2.63	6
Smart Disaster Management	2.63	6
Smart Energy	2.63	6

TAHAP PELAKSANAAN BANDAR PINTAR

5

5.1 TAHAP PELAKSANAAN BANDAR PINTAR SUBANG JAYA

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) komited memperkasakan agenda bandar pintar bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus dan kesejahteraan komuniti melalui teknologi digital. Sebagai langkah strategik, penilaian tahap pelaksanaan inisiatif bandar pintar dijalankan menggunakan Program Penarafan Bandar Pintar Malaysia (PBPM) bagi memastikan pembangunan bandar dilakukan secara tersusun dan selaras dengan piawaian nasional.

5.1.1 PROGRAM PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA

Penilaian tahap pelaksanaan bandar pintar Subang Jaya adalah berpandukan kepada Program Penarafan Bandar Pintar Malaysia (PBPM) yang mengklasifikasikan pembangunan bandar pintar kepada empat (4) tahap, iaitu:



Tahap 1
Smart City Early Adopter



Tahap 2
Developing Smart City



Tahap 3
Leading Smart City



Tahap 4
Visionary Smart City

Setiap tahap penarafan ini dinilai berdasarkan empat (4) kriteria utama, iaitu:

- **K1: Polisi – merangkumi kewujudan pelan tindakan, dasar dan hala tuju bandar pintar;**
- **K2: Tadbir Urus – melibatkan struktur organisasi, jawatankuasa, unit pelaksana dan keupayaan sumber manusia;**
- **K3: Pengurusan Data – merangkumi pembangunan dashboard, pusat kawalan, integrasi sistem dan penggunaan data; dan**
- **K4: Projek dan Program – melibatkan pelaksanaan inisiatif serta pematuhan terhadap indikator MS ISO 37122:2019.**

Kerangka ini digunakan bagi memastikan penilaian dilaksanakan secara sistematik, konsisten dan selari dengan pendekatan nasional dalam menilai kematangan bandar pintar di peringkat pihak berkuasa tempatan.

5.1.2 PENILAIAN TAHAP 1 – *SMART CITY EARLY ADOPTER*

Tahap 1- *Smart City Early Adopter* memberi penekanan kepada kesediaan awal sesebuah pihak berkuasa tempatan dalam merangka dan melaksanakan inisiatif bandar pintar. Penilaian pada tahap ini menumpukan kepada pembentukan asas dan pelaksanaan awal bandar pintar. Kriteria yang dinilai:

- **K1 – Polisi: Kewujudan Pelan Tindakan Bandar Pintar sebagai dokumen dasar rasmi yang menetapkan hala tuju dan inisiatif bandar pintar.**
- **K2 – Tadbir Urus: Penubuhan struktur asas tadbir urus seperti unit atau jawatankuasa bandar pintar serta mekanisme penyelarasan dalaman.**
- **K3 – Pengurusan Data: Pelaksanaan *dashboard* awal atau *mini command centre* yang bersifat deskriptif.**
- **K4 – Projek dan Program: Pelaksanaan projek dan program permulaan serta pematuhan minimum terhadap 10 indikator MS ISO 37122:2019.**

Kriteria K1: Polisi (20%) - Pembangunan Pelan Tindakan Bandar Pintar



Pelan Tindakan Bandar Pintar MBSJ 2019–2025 telah digubal sebagai dokumen dasar dan hala tuju rasmi pelaksanaan bandar pintar di Subang Jaya. Pelan ini merangkumi pelbagai komponen utama termasuk *Smart Government, Smart Economy, Smart People, Smart Living, Smart Mobility, Smart Environment* dan *Smart Digital Infrastructure.*

Jadual 5.1 : Penilaian Kriteria K1 – Pelan Tindakan Bandar Pintar MBSJ 2019–2025

Komponen / Domain Bandar Pintar	Inisiatif dalam Pelan Tindakan	Huraian Pelaksanaan	Status Pelaksanaan
Smart Governance	*Executive Information System* (EIS)	Digunakan sebagai sistem sokongan maklumat pengurusan dan pemantauan prestasi dalaman MBSJ.	✓
	iResponz Mobile	Sistem pengurusan aduan pelanggan secara digital dan mudah alih bagi meningkatkan respons perkhidmatan.	✓
	Sistem Mesin Kiosk	Penyediaan kemudahan layan diri bagi urusan perkhidmatan terpilih kepada pelanggan.	✓
	IRMS	Sistem bersepadu bagi permohonan lesen, pengurusan cukai harta dan pengurusan kompaun trafik.	✓
	i-GETIT	Sistem hebahan dan komunikasi maklumat MBSJ melalui platform media sosial rasmi.	✓
	Smart Taksir (Aplikasi Mudah Alih)	Sistem penaksiran cukai mudah alih bagi menyokong kecekapan operasi jabatan penilaian.	✓

Nota: Telah dilaksanakan ✓

Jadual 5.1 : Penilaian Kriteria K1 – Pelan Tindakan Bandar Pintar MBSJ 2019–2025 (sambungan)

Komponen / *Domain* Bandar Pintar	Inisiatif dalam Pelan Tindakan	Huraian Pelaksanaan	Status Pelaksanaan
Smart People	Pemasangan CCTV (SS15 & kawasan MBSJ)	Pemasangan dan pemantauan CCTV bagi meningkatkan keselamatan awam dan pencegahan jenayah.	✓
	Subang Jaya Vibrant Command Centre	Pusat pemantauan bandar bagi keselamatan dan visualisasi data operasi secara deskriptif.	✓
	Smart City Living Lab	Kerjasama dengan rakan strategik bagi integrasi sistem bandar pintar seperti ITMS, iRS, iClean.	✓
	Bandar Bebas Halangan	Pelaksanaan audit akses OKU secara berkala dan penambahbaikan kemudahan awam mengikut piawaian MS ISO.	✓
Smart Living	Pemantauan Keselamatan Bandar	Integrasi pemantauan keselamatan bandar melalui CCTV dan *command centre*.	✓
Smart Mobility	Pengecas Kenderaan Elektrik	Penyediaan kemudahan pengecas EV di bangunan MBSJ, stesen minyak dan pusat beli-belah.	✓
	Smart Intelligent Transport System (SITS)	Pelaksanaan sistem pengangkutan pintar melalui perkhidmatan bas Smart Selangor.	✓
	Bus Rapid Transit (BRT)	Penyediaan sistem pengangkutan awam berkapasiti tinggi di koridor strategik.	✓
	Intelligent Traffic Monitoring System	Pemantauan trafik pintar di kawasan pusat Bandar Sunway.	✓
	Aplikasi Kompaun Trafik Mudah Alih	Sistem penguatkuasaan trafik secara digital.	✓

Nota: Telah dilaksanakan ✓

Jadual 5.1 : Penilaian Kriteria K1 – Pelan Tindakan Bandar Pintar MBSJ 2019–2025 (sambungan)

Komponen / Domain Bandar Pintar	Inisiatif dalam Pelan Tindakan	Huraian Pelaksanaan	Status Pelaksanaan
Smart Environment	Pusat *Biomass*	Pengurusan sisa melalui pusat biomass di Bandar Bukit Puchong.	✓
	Kitar Semula Sisa Organik	Pemprosesan sisa organik kepada kompos bagi menyokong kelestarian alam sekitar.	✓
	Modul Pengurusan Sisa Restoran	Sistem sokongan pengurusan sisa bagi premis makanan.	✓
Smart Digital Infrastructure	e-Belia	Sistem pengurusan data belia.	✓
	Sistem Perpustakaan MBSJ	Sistem peminjaman dan pemulangan buku secara digital.	✓
	e-Perjawatan	Sistem pengurusan permohonan dan jawatan MBSJ.	✓
	Aplikasi Bil Air & Sewaan	Sistem pembayaran bil air dan sewaan MBSJ secara digital.	✓

Nota: Telah dilaksanakan ✓

26	*High Risk Building – Fire Certificate*	Pensijilan keselamatan kebakaran bangunan berisiko	i. Bilangan bangunan berisiko tinggi yang mempunyai sijil perakuan bomba *(fire certificate*) ii. Jumlah bilangan bangunan berisiko tinggi di kawasan PBT	✓
27	*Crime Index Threshold Value*	Pemantauan dan kawalan indeks jenayah	i. Nisbah Ambang Indeks Jenayah x jumlah penduduk di kawasan PBT ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	✓
28	*Plastic Waste Recycled*	Program kitar semula sisa plastik	i. Jumlah keseluruhan sisa plastik yang dikeluarkan daripada pusat pengasingan dan dikitar semula ii. Jumlah sisa plastik di kawasan PBT yang dijana oleh penduduk	✓
29	*Waste Vehicles with System*	Kenderaan sisa dengan sistem pemantauan	i. Bilangan kenderaan pengurusan sisa yang dilengkapi dengan sistem pengurusan sisa pintar / peranti ii. Jumlah bilangan kenderaan pengurusan sisa	✓
30	*Connectivity*	Tahap kebolehcapaian rangkaian komunikasi	i. Jumlah keluasan PBT berpenduduk yang diklasifikasikan sebagai *white zone / dead spot* yang tiada liputan jalur lebar (kilometer persegi) ii. Jumlah keluasan PBT (kilometer persegi)	✓

Nota: Data tersedia ✓

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
31	*Internet Connectivity Coverage*	Liputan capaian internet	i. Jumlah keluasan PBT berpenduduk yang mempunyai ketersambungan Internet (kilometer persegi) ii. Jumlah keluasan PBT (kilometer persegi)	✓
32	*Micro Mobility-Sharing Services*	Perkhidmatan perkongsian mikromobiliti	i. Jumlah bilangan kenderaan mikromobiliti yang disediakan oleh perkhidmatan perkongsian mikromobiliti di kawasan PBT ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	✓
33	*Real-Time Interactive Street Maps*	Peta jalan interaktif masa nyata	i. Jumlah keluasan kawasan PBT yang dipetakan dengan peta jalan interaktif masa nyata ii. Jumlah keluasan PBT	✓
34	*Citizen Engaged in Planning Process*	Penglibatan komuniti dalam proses perancangan	i. Jumlah penglibatan komuniti dalam proses perancangan setiap tahun ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	✓
35	*Construction Permit Approval*	Proses kelulusan permit pembinaan	i. Jumlah tempoh hari (dari awal hingga siap) bagi kelulusan permit pembinaan ii. Jumlah bilangan permit pembinaan	✓
36	*User for Sharing Economy Transportation*		i. Bilangan pengguna yang aktif menggunakan pengangkutan ekonomi perkongsian ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
37	*Low-Emission Vehicle*		i. Jumlah kenderaan rendah karbon yang berdaftar dan diluluskan yang didaftarkan di bandar ii. Jumlah kenderaan berdaftar di bandar	
38	*Real-time Online Traffic Alert and Information*		i. Jarak jalan raya (kilometer) di dalam bandar diliputi oleh amaran dan maklumat trafik dalam talian masa nyata ii. Jumlah keseluruhan jarak jalan di kawasan PBT	
39	*Transport Line with Real-time System*		i. Jumlah laluan pengangkutan awam yang dilengkapi dengan sistem masa nyata yang boleh diakses secara umum untuk menyediakan orang ramai dengan maklumat operasi masa nyata ii. Jumlah bilangan laluan pengangkutan awam	

Nota: Data tersedia ✓

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
40	*Public Transport with Unified Payment System*		i. Bilangan perkhidmatan pengangkutan awam bandar yang dihubungkan dengan sistem pembayaran bersepadu ii. Jumlah perkhidmatan pengangkutan awam di bandar	
41	*Parking Spaces with Real-time Availability Systems*		i. Bilangan tempat letak kereta awam yang dilengkapi dengan sistem ketersediaan masa nyata ii. Jumlah bilangan tempat letak kereta awam di bandar	
42	*Public Transport with Internet Connectivity*		i. Bilangan laluan pengangkutan awam di bandar mempunyai sambungan internet yang disediakan dan/atau diuruskan oleh PBT untuk penumpang ii. Jumlah bilangan kilometer laluan pengangkutan awam di bandar	
43	*Survival Rate for New Business*		i. Kadar kelangsungan hidup perniagaan baharu di bandar ii. 1/100 000 daripada jumlah penduduk bandar	
44	*Buildings with Smart Water Meter*		i. Jumlah akaun di kawasan PBT yang mempunyai meter air pintar (bangunan awam, komersial dan industri) ii. Jumlah meter persegi bangunan awam di kawasan PBT	
45	*Indoor Air Quality System (Public & Private Building)*		i. Jumlah bangunan awam dan swasta di dalam bandar yang dilengkapi dengan sensor kualiti udara ii. Jumlah bilangan bangunan di bandar	
46	*Online Unified Health File*		i. Jumlah penduduk dengan fail kesihatan bersepadu dalam talian yang boleh diakses oleh mana-mana penyedia perkhidmatan Kesihatan ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
47	*Medical Appointment Conducted Remotely*		i. Jumlah janji temu perubatan yang dijalankan dari jauh, seperti melalui perkhidmatan video dalam talian atau telesidang ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
48	*Real-time Info System for Air & Water Quality*		i. Jumlah penduduk bandar yang mempunyai akses kepada system maklumat awam masa nyata untuk nasihat kualiti udara dan air ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
49	*Houses with Smart Water Meter*		i. Jumlah rumah yang mempunyai meter air pintar ii. Jumlah bilangan rumah di bandar	
50	*Budget on Urban Agriculture Initiatives*		i. Jumlah belanjawan bandar yang dibelanjakan untuk inisiatif pertanian bandar bagi tahun tertentu ii. Jumlah belanjawan tahunan PBT untuk tahun yang sama	
51	*Food Waste being Composed*		i. Jumlah sisa makanan (isi rumah dan komersial) yang dikutip dalam tan ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
52	*Online Food – Supplier Coverage*		i. Jumlah keluasan tanah yang diliputi oleh sistem pemetaan pembekal makanan dalam talian ii. Jumlah keluasan kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
53	*Online Booking for Cultural Facilities*		i. Bilangan tempahan dalam talian untuk kemudahan kebudayaan ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
54	*Digitized Cultural Record*		i. Bilangan rekod budaya bandar yang telah didigitalkan ii. Jumlah bilangan rekod budaya bandar yang telah disahkan	
55	*E-Books*		i. Jumlah bilangan keseluruhan buku di perpustakaan dan bilangan keseluruhan e-buku di perpustakaan ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
56	*E-Public Library User*		i. Jumlah bilangan penduduk bandar yang merupakan pengguna aktif perpustakaan sebagai ahli berdaftar perpustakaan awam atau menggunakan perkhidmatan perpustakaan secara berkala ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
57	*Recycle E-Waste*		i. Jumlah sisa elektrik dan elektronik bandar yang dikitar semula dalam tan metrik ii. Jumlah keseluruhan sisa elektrik dan elektronik yang dikumpul di bandar dalam tan metrik	

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
58	*Sensor-Enabled Public Bins*		i. Jumlah bilangan tong sampah awam yang dilengkapi dengan sensor ii. Jumlah keseluruhan tong sampah awam di bandar	
59	*Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*		i. Jumlah pengguna yang mendaftar dalam Sistem Sukarelawan Patrol Telefon Pintar (VSP) setiap tahun ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
60	*Response Time – Fire & Rescue*		i. Jumlah bilangan masa tindak balas dalam masa 10 minit dari panggilan awal ii. Jumlah bilangan keseluruhan kes dalam satu tahun	
61	*City Population by Density*		i. Bilangan penduduk yang tinggal di kawasan kepadatan penduduk sederhana hingga tinggi ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
62	*Treated Wastewater Being Reused*		i. Jumlah isipadu air sisa yang dirawat yang digunakan semula setiap tahun ii. Jumlah isipadu tahunan air sisa yang dirawat	
63	*Bio-Solids Being Reused*		i. Jumlah tahunan bahan biosolid yang digunakan semula dalam jisim bahan kering ii. Jumlah tahunan bahan biosolid yang dihasilkan dan diukur di luaran tapak di bandar dalam jisim bahan kering	
64	*ICT Labour Force*		i. Bilangan pekerjaan di bandar dalam tenaga buruh yang bekerja dalam sektor ICT ii. Jumlah tenaga buruh dalam bandar (bagi tahun penilaian)	
65	*Education & R&D Labour Force*		i. Jumlah bilangan pekerjaan di bandar dalam tenaga buruh yang bekerja dalam sektor pendidikan dan R&D ii. Jumlah tenaga buruh dalam bandar (bagi tahun penilaian)	
66	*Proficiency In > 1 Language*		i. Jumlah bilangan orang yang boleh berkomunikasi dalam lebih daripada satu bahasa asing dengan kecekapan professional ii. Jumlah penduduk dalam bandar (bagi tahun penilaian)	

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
67	*Higher Education Degrees*		i. Jumlah bilangan orang yang memegang ijazah pendidikan tinggi ii. jumlah penduduk memegang ijazah pendidikan tinggi setiap 100,000 penduduk (bagi tahun penilaian)	
68	*Electrical Energy Produced from Wastewater/ Solid Waste/ Liquid Waste/ Waste Heat*		i. Jumlah keseluruhan tenaga elektrik yang dinyatakan dalam GJ (gigajoule) yang dihasilkan daripada rawatan air sisa, sisa pepejal, rawatan sisa cecair lain/sumber haba sisa lain ii. Jumlah permintaan tenaga pengguna akhir keseluruhan bandar dalam unit yang sama dengan penyebut	
69	*Electrical & Thermal Energy Produced from Wastewater*		i. Jumlah keseluruhan tenaga elektrik dan terma yang dinyatakan dalam GJ yang dihasilkan daripada rawatan air sisa di bandar ii. Jumlah penduduk di kawasan PBT (mengikut tahun penilaian)	
70	*Energy from Solid Waste/ Liquid Waste Treatment*		i. Jumlah keseluruhan tenaga elektrik dan tenaga haba yang dinyatakan dalam GJ yang dihasilkan daripada rawatan sisa pepejal dan rawatan sisa cecair lain di bandar ii. Jumlah penduduk dalam bandar (mengikut tahun penilaian)	
71	*Electricity from Distributed Generation Production System*		i. Jumlah tenaga elektrik yang dihasilkan (GJ) oleh sistem/kemudahan pengeluaran penjanaan teragih ii. Jumlah tenaga elektrik yang digunakan di bandar dalam unit yang sama dengan pengangka (GJ) – termasuk tenaga elektrik yang dihasilkan oleh kemudahan pengeluaran penjanaan teragih	
72	*Storage Capacity Energy Grid*		i. Jumlah tenaga yang boleh disimpan setiap tahun dalam grid elektrik dan grid terma (skim pemanasan dan penyejukan berpusat) bandar dalam gigajoule (GJ) ii. Jumlah penggunaan tenaga di bandar (bagi tahun penilaian)	

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
73	*Revenues – Sharing Economy*		i. Jumlah dana yang dikumpul setiap tahun daripada yuran permit, yuran pengguna, yuran pelesenan dan cukai seperti yang dibenarkan oleh undang-undang atau perundangan daripada perkongsian transaksi ekonomi ii. Jumlah pendapatan sumber sendiri bandar tersebut (bagi tahun penilaian)	
74	*Waste Drop-off with Telemetering*		i. Bilangan pusat pembuangan sisa (bekas) untuk pelupusan sampah yang dilengkapi dengan peranti telemeter ii. Jumlah pusat pembuangan sisa (bekas) dalam bandar (bagi tahun penilaian)	
75	*Household Garbage Monitoring Device*		i. Bilangan penduduk yang tinggal di bandar di mana terdapat pengumpulan sampah rumah ke rumah yang dilengkapi dengan peranti pemantauan ii. Jumlah penduduk bandar (bagi tahun penilaian)	
76	*Waste to Energy*		i. Jumlah keseluruhan sisa pepejal yang digunakan untuk menghasilkan tenaga ii. Jumlah keseluruhan sisa pepejal yang dihasilkan di bandar (bagi tahun penilaian)	
77	*Registered Autonomous Vehicles*		i. Jumlah keseluruhan kenderaan autonomi yang didaftarkan di bandar ii. Jumlah keseluruhan kenderaan yang didaftarkan di bandar (bagi tahun penilaian)	
78	*Autonomous Driving Systems*		i. Jumlah kilometer jalan yang mematuhi sistem pemanduan autonomi ii. Jumlah keseluruhan kilometer jalan (bagi tahun penilaian)	
79	*Motor Driven City's Bus Fleet*		i. Bilangan bas dalam kumpulan bas di bandar yang dikhaskan untuk bergerak menggunakan motor ii. Jumlah keseluruhan bas dalam kumpulan bas di bandar	
80	*Energy Derived from Wastewater*		i. Jumlah kuantiti tenaga tahunan yang diperoleh daripada rangkaian air sisa dan loji rawatan air sisa ii. Jumlah tenaga yang digunakan di kawasan bandar (bagi tahun penilaian)	

Jadual 5.9 Penilaian Kriteria K4 – Pematuhan 85 indikator MS ISO 37122:2019 (Tahap 4) (sambungan)

Bil	Indikator	Pelaksanaan di MBSJ	Perincian Pembuktian	Status
81	*Wastewater Reused to Generate Energy*		i. Jumlah keseluruhan air sisa yang digunakan untuk menghasilkan tenaga ii. Jumlah keseluruhan air sisa di bandar (bagi tahun penilaian)	
82	*Real-Time Wastewater Pipeline Network*		i. Panjang rangkaian saluran paip air sisa dipantau oleh sistem penderia pengesanan data masa nyata dalam bentuk kilometer ii. Jumlah panjang rangkaian paip air sisa dalam kilometer (bagi tahun penilaian)	
83	*Real-time Drinking Water Quality Monitoring*		i. Jumlah bekalan air yang telah menjalani pemantauan kualiti air oleh stesen pemantauan kualiti air masa nyata di bandar ii. Jumlah keseluruhan bekalan air yang diedarkan di bandar (bagi tahun penilaian)	
84	*Real-time Environmental Water Quality Monitoring*		i. Jumlah bilangan stesen pemantauan kualiti air alam sekitar masa nyata di bandar ii. Jumlah bilangan stesen pemantauan kualiti air alam sekitar di bandar (bagi tahun penilaian)	
85	*Water Distribution with Smart Water System*		i. Panjang rangkaian pengagihan air yang diliputi oleh sistem air pintar dalam kilometer ii. Jumlah panjang rangkaian pengagihan air dalam kilometer (bagi tahun penilaian)	

Penilaian pematuhan Kriteria K4 bagi Tahap 3 (*Leading Smart City*) dan Tahap 4 (*Visionary Smart City*) tidak dilaksanakan sebagai penilaian pencapaian semasa, sebaliknya dibangunkan dalam bentuk rujukan keperluan penarafan dan analisis jurang strategik.

Pada masa ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya masih berada pada fasa pemantapan pelaksanaan Tahap 2 – *Developing Smart City*, dengan keutamaan diberikan kepada pengukuhan pelaksanaan inisiatif, keseragaman dokumentasi pembuktian serta pematuhan indikator sedia ada.

Sehubungan itu, penyertaan indikator Tahap 3 dan Tahap 4 dalam laporan ini adalah bertujuan sebagai panduan perancangan berfasa, hala tuju pematangan sistem bandar pintar serta sokongan kepada pembangunan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya sehingga tahun 2035.

5.3 PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB PENARAFAN BANDAR PINTAR TAHAP 2 (*DEVELOPING SMART CITY*)

Pegawai bertanggungjawab bagi penarafan Bandar Pintar Tahap 2 (*Developing Smart City*) memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan inisiatif bandar pintar berjalan secara terancang dan berkesan. Tanggungjawab ini merangkumi pemantauan dan penyelarasan bagi Kriteria 1, Kriteria 2 dan Kriteria 3 yang melibatkan aspek perancangan, pelaksanaan serta penilaian inisiatif bandar pintar. Perincian berkaitan pihak atau agensi yang bertanggungjawab bagi setiap kriteria akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam jadual yang disediakan.

Jadual 5.10 Perincian pegawai yang bertanggungjawab dalam penarafan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

Bil	Penerangan	Pegawai yang Bertanggungjawab
KRITERIA 1	i. Melaksanakan sebahagian inisiatif di dalam blueprint / Pelan Tindakan Bandar Pintar.	EN MUHAMAD NURNASRIQ BIN ABDUL RAZAK (JABATAN PERANCANGAN BANDAR)
KRITERIA 2	i. Mempunyai Unit dan Jawatankuasa Bandar Pintar di Peringkat PBT yang aktif.	CIK NURAFIFAH MUSFIRAH BINTI MUSTAPA (JABATAN PERANCANGAN BANDAR)
KRITERIA 3	Mempunyai *Integrated Command Centre*: 1. *Data Integration and Aggregation* 2. *Situational Awareness* 3. *Command and Control* 4. *Communication & Collaboration* 5. *Analytics and Reporting* 6. *Security and Access Control* 7. *Redundancy and Resilience*	1. EN SAMZOL BIN SAAT (JABATAN ICT) 2. EN FIRDAUS BIN AHMAD PUZI (JABATAN ICT) 3. EN MUHAMMAD SHAH BIN MUHAMMAD AZMI (JABATAN ICT) 4. EN SULAIMAN BIN AHMAD RIZKAN (JABATAN ICT) 5. MOHD AISAMUDDIN BIN RAZALI (JABATAN ICT) 6. MAZRUL ZAHAR BIN MOHD (JABATAN PENGUATKUASAAN) 7. NORAINI BINTI NAZARUDDIN (JABATAN ICT)

Jadual 5.10 Perincian pegawai yang bertanggungjawab dalam penarafan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 (Sambungan)


Bil	Penerangan	Pegawai yang Bertanggungjawab
1.	*City Services Requested Online* – Peratusan perkhidmatan bandar yang boleh diakses scara dalam talian.	PN NURFADZLIANA BINTI AHMAD FADZIL (JABATAN ICT)
2.	*E-Submission* - Peratusan permit pembinaan yang dikemukakan melalui sistem penyerahan elektronik.	NUR HISHAM BIN SHARUDDIN (JABATAN OSC)
3.	*E-Payment to the City* - Peratusan pembayaran secara elektronik berdasarkan e-invois.	NORSILAWATI BINTI MOHAMED YATIM (JABATAN HASIL)
4.	*Online Booking for Public Recreation and Sports Facilities* – Peratusan perkhidmatan kemudahan sukan dan rekreasi awam yang boleh ditempah melalui dalam talian.	EN SAMSUDIN BIN AYOB (JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT)
5.	*Digital Surveillance Camera* - Peratusan kawasan bandar yang diliputi oleh kamera pengawasan digital.	EN MUHAMMAD ISKANDAR Z BIN AZMI (JABATAN PENGUATKUASAAN)
6.	*Smart Streetlight (Performance System)* - Peratusan lampu jalan pintar yang dikawal oleh sistem pengurusan lampu pintar.	CIK NUR SYAKIRAH BINTI SULAIMAN (JABATAN UNDANG UNDANG)
7.	*Refurbished / Newly Installed Street Lighting* - Peratusan lampu jalan yang telah dibaik pulih dan baru di pasang.	TS AZIZAH BINTI BAHAROM (JABATAN KEJURUTERAAN)
8.	*Parking e-Payment* – Peratusan tempat letak kereta awam yang dilengkapi dengan sistem pembayaran elektronik.	EN MOHD YUSNAIDI BIN SALLEH (JABATAN COB)
9.	*Smart Traffic Light* - Peratusan lampu isyarat yang dilengkapi dengan sistem pintar.	EN KHAIRUL NIZAM BIN KHALID (JABATAN KEJURUTERAAN)
10	*Fast Broadband* - Peratusan penduduk bandar yang mempunyai akses kepada kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi.	PN RAHIMAH BINTI AISA @ HASSAN (JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT)
11.	*Open Data City Service* - Peratusan kontrak perkhidmatan yang mempunyai dasar data terbuka.	NABILA AMALINA BINTI MOHD HAMID (JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN)
12.	*Digital Learning Devices* - Bilangan komputer, komputer riba, tablet atau peranti pembelajaran digital lain yang tersedia bagi setiap 1000 pelajar.	PN SHARIZA BINTI SAFURI (JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT)

Jadual 5.10 Perincian pegawai yang bertanggungjawab dalam penarafan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 (Sambungan)

Bil	Penerangan	Pegawai yang Bertanggungjawab
13.	*Refurbished / Renovated Public Building* - Peratusan bangunan awam yang memerlukan pengubahsuaian / pembaharuan.	EN MOHD FARKHI BIN MOHD NOOR (JABATAN BANGUNAN)
14.	*Smart Energy Meter* - Peratusan akaun di bandar dengan meter tenaga pintar.	NADIA BINTI MUHAMAD AMIN (JABATAN LANDSKAP)
15.	*Green Building* - Peratusan bangunan yang dibina atau diubah suai dalam tempoh 5 tahun yang lalu selaras dengan prinsip bangunan hijau.	EN MUHAMMAD HAZIQ BIN ABD AZIZ (JABATAN BANGUNAN)
16.	*Real Time Air Quality Monitoring Station* - Bilangan stesen pemantauan kualiti udara masa nyata bagi setiap kilometer persegi (km^2).	NURUL AIN BINTI MOHAMMAD NAPIAH (JABATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR)
17.	*Online Visit to Municipal Open Data* - Bilangan pelawat (tahunan) ke portal data terbuka bagi setiap 100 000 penduduk.	SITI SUHAILAH BINTI MOHD MAAROFF (JABATAN KESIHATAN)
18.	*Response Time to Complaints* – Purata masa tindak balas kepada aduan yang dibuat melalui sistem pertanyaan bukan kecemasan bandar (hari).	EN AZFARIZAL BIN ABDUL RASHID (JABATAN KORPORAT DAN PENGURUSAN STRATEGIK)
19.	*Open Data City Service* - Peratusan kontrak perkhidmatan yang mempunyai dasar data terbuka.	RINA MARLINNA BINTI ABU BAKAR (UNIT AUDIT DALAM)
20.	*Digital Learning Devices* - Bilangan komputer, komputer riba, tablet atau peranti pembelajaran digital lain yang tersedia bagi setiap 1000 pelajar.	EN NURUL FAKHRI BIN ABDUL RAHIM (JABATAN PERANCANGAN BANDAR)
21.	*Smart Energy Meter* - Peratusan rumah dengan meter tenaga pintar.	TS MOHD TAUFIK BIN DAUD (JABATAN KEJURUTERAAN)
22.	*Building Accessible Special Needs* - Peratusan bangunan awam yang boleh diakses oleh orang berkeperluan khas.	EN MOHD KAMIL BIN BASIR (JABATAN BANGUNAN)
23.	*Budget for Special Need* - Peratusan belanjawan perbandaran yang diperuntukkan untuk penyediaan bantuan mobiliti, peranti dan teknologi bantuan kepada rakyat berkeperluan khas.	PN NUR MAINI BINTI ARIFFIN (JABATAN HASIL)

Jadual 5.10 Perincian pegawai yang bertanggungjawab dalam penarafan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 (Sambungan)

Bil	Penerangan	Pegawai yang Bertanggungjawab
24.	*Pedestrian Crossing with Signals* - Peratusan lintasan pejalan kaki yang ditanda dilengkapi dengan isyarat pejalan kaki yang boleh diakses.	JULIANA BINTI JAAFAR (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)
25.	*Budget for Bridging Digital Divide* – Peratusan belanjawan perbandaran yang diperuntukkan untuk penyediaan program untuk merapatkan jurang digital.	ZAMIR UMBRA BIN SHAHIM (JABATAN PELESENAN)
26.	*High Risk Building fire Certificate* - Peratusan bangunan berisiko tinggi dengan sijil bomba.	EN MOHAMAD JUNUS BIN BAHAROM (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)
27.	*Crime Index Threshold Value* - Nilai Ambang Indeks Jenayah.	MOHAMAD HADZIM BIN ZULKAPLI (JABATAN PENGUATKUASAAN)
28.	*Plastic Waste Recycled* - Peratusan jumlah sisa plastik yang dikitar semula di bandar.	MAZLINA BINTI MUSTAFA (JABATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR)
29.	*Waste Vehicles with System* - Peratusan kenderaan pengurusan sisa yang dilengkapi dengan sistem pengurusan sisa pintar.	ZAWATI BINTI MAT PERAK (JABATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR)
30.	*White/Dead Zone on Telecom Connectivity* - Peratusan kawasan bandar di bawah zon putih / titikmati / tidak diliputi oleh liputan jalur lebar.	EN MUHAMMAD SYAZWAN BIN MOHD KHAIR (JABATAN LANDSKAP)
31.	*Internet Connectivity Coverage* - Peratusan kawasan bandar yang diliputi oleh ketersambungan internet.	PN NORHASINAH BINTI ZOLKEPLI (UNIT INTEGRITI)
32.	*Micro Mobility Sharing Services* - Bilangan kenderaan mikromobiliti yang disediakan oleh perkhidmatan perkongsian mikromobiliti di kawasan PBT bagi 100000 penduduk.	EN MUHAMMAD QAWIEMUDDIN BIN MOHD JAWAWI (JABATAN PERANCANGAN BANDAR)
33.	*Real-Time Street Map* - Kawasan bandar dipetakan oleh peta jalan interaktif masa nyata sebagai peratusan jumlah kawasan tanah bandar.	MOHD NAZRI BIN MOHD ALI (JABATAN PERANCANGAN BANDAR)
34.	*Citizens Engaged in Planning Process* - Bilangan penglibatan komuniti yang terlibat dalam proses perancangan setiap 100000 penduduk.	SR MOHD FAUDZI BIN NAZARUDDIN (JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA)
35.	*Permit Approval* - Purata masa bagi kelulusan permit pembinaan (hari).	EN MOHD FAIZ BIN SHARIL (JABATAN OSC)



Lokasi: Pemandangan Sunway Lagoon
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/Muhammad+Ashfanzani

TRANSFORMASI SUBANG JAYA BANDAR PINTAR 2035

6

6.1 STRATEGI PEMBANGUNAN

Malaysia kini giat melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah merealisasikan hasrat menjadi sebuah Negara Pintar menjelang 2035. Pelaksanaan ini berpandukan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019 - 2025 dan piawaian MS ISO 37122:2019 yang bertujuan menetapkan panduan dan indikator pembangunan bandar pintar selari dengan piawaian antarabangsa. Pelbagai usaha telah dijalankan dengan melibatkan sesi libat urus, pembangunan panduan kebangsaan serta pelaksanaan hala tuju khusus dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dan seterusnya.

6.1.1 VISI DAN MISI

VISI:

Subang Jaya Sebagai Hab Perniagaan dan Kediaman Bertaraf Antarabangsa Berteraskan Ekosistem Pintar


- **Hab Perniagaan: Subang Jaya diperkukuh melalui penyediaan infrastruktur digital berprestasi tinggi, ekosistem sokongan perniagaan pintar serta persekitaran mesra pelabur.**
- **Kediaman Bertaraf Antarabangsa: Kawasan kediaman bertaraf antarabangsa yang selamat, inklusif dan berkualiti tinggi dengan kemudahan bandar pintar yang menyokong gaya hidup moden.**
- **Ekosistem Pintar: Merangkumi integrasi teknologi digital, tadbir urus pintar dan penyertaan komuniti bagi menyokong pembangunan bandar yang cekap dan mampan.**

MISI:

Mewujudkan ekosistem *smart living* dan *smart business* bertaraf antarabangsa bagi meningkatkan kualiti hidup dan daya saing ekonomi Subang Jaya

6.1.2 HALA TUJU SUBANG JAYA MENUJU TRANSFORMASI BANDAR PINTAR

Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 ini menggariskan perspektif perancangan jangka panjang Majlis Bandaraya Subang Jaya sehingga tahun 2035 dalam menjadikan kawasan Subang Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar dan mampan di masa hadapan. Visi dan misi pula dibentuk bagi memandu arah penyelesaian yang inovatif dalam mengatasi cabaran perbandaran dan pada masa yang sama ianya mengekalkan nilai asasnya yang mementingkan keterangkuman sosial dan kualiti hidup masyarakat yang tinggal bekerja dan beriadah di kawasan Subang Jaya.



6.2 KERANGKA PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR SUBANG JAYA

Perancangan dan pembangunan bandar pintar kawasan Subang Jaya perlu memberi pertimbangan kepada pembentukan strategi yang berasaskan kepada penyelesaian isu dan keperluan semasa. Setiap strategi yang digariskan dapat dicapai menerusi inisiatif yang mempertimbangkan secara langsung isu dan keperluan semasa termasuk cadangan, kaedah pelaksanaan, pendekatan, perincian cadangan, fasa pelaksanaan dan sumber peruntukkan.

Rajah 6.1 : Asas pembentukan cadangan Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035




Berikut adalah panduan dan perincian mengenai setiap subjek dalam cadangan pelaksanaan inisiatif Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 yang bertujuan meningkatkan pemahaman dan memudahkan perancangan pelaksanaan.

Setiap cadangan projek diperincikan dan dipadankan kepada indikator bandar pintar mengikut tahap.

Setiap cadangan diperincikan dan dipadankan kepada komponen bandar pintar selaras dengan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia.

Tempoh pelaksanaan setiap projek ditentukan mengikut tiga (3) fasa.



Setiap cadangan projek akan dipadankan dengan komponen SDGs yang berkaitan.

Pengenalpastian status tindakan bagi setiap pelaksanaan cadangan.

Agensi peneraju dan sokongan yang diperlukan untuk bekerjasama secara menyeluruh sepanjang tempoh pelaksanaan.

Sumber peruntukan kewangan yang diperlukan untuk pelaksanaan projek.

Pengenalpastian bentuk pelaksanaan bagi setiap cadangan.

Setiap cadangan dipadankan mengikut kategori projek.

Pengenalpastian kawasan bagi setiap cadangan.

Dokumen yang boleh dirujuk bersama untuk projek berkaitan.

Rajah 6.2 : Keutamaan Projek

Kategori Projek	Definisi	Jumlah Projek/ Program
Quick Win Fokus utama: • Mudah dilaksanakan • Tempoh pelaksanaan singkat • Impak segera kepada pengguna	Projek jangka pendek yang boleh dilaksanakan dengan cepat, melibatkan kos rendah hingga sederhana dan memberikan impak awal yang jelas kepada komuniti. Projek ini biasanya mudah dilaksanakan tanpa memerlukan perubahan struktur besar serta berfungsi membina keyakinan pihak berkepentingan terhadap pelaksanaan inisiatif bandar pintar.	18
Entry Point Fokus utama: • Membina asas sistem / struktur • Menyediakan platform sokongan • Mengukuhkan kesiapsiagaan organisasi dan teknologi	Projek permulaan yang bersifat strategik dan berfungsi sebagai asas kepada pembangunan inisiatif bandar pintar yang lebih menyeluruh. Projek ini membantu membina ekosistem, sistem sokongan serta meningkatkan kesiapsiagaan dari aspek tadbir urus, teknologi dan kapasiti organisasi.	08
High Impact Fokus utama: • Impak strategik jangka panjang • Skala pelaksanaan besar • Menyumbang kepada transformasi bandar	Projek berskala besar yang memberi kesan signifikan terhadap pembangunan bandar, kesejahteraan komuniti dan kecekapan perkhidmatan. Kebiasaannya melibatkan kos lebih tinggi serta tempoh pelaksanaan sederhana hingga panjang, serta memerlukan penyelarasan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan.	04

Rajah 6.3 : Sumber Peruntukan


PF Pembiayaan Awam (*Public Funding*) yang merangkumi pihak berikut:

1. Kerajaan Pusat
2. Kerajaan Negeri
3. Pihak Berkuasa Tempatan

PPF Pembiayaan Perkongsian Awam dan Swasta (*Public and Private Partnership Funding*) yang merangkumi kerjasama pembiayaan pihak awam dan swasta.

PFI Pembiayaan Inisiatif Swasta (*Private Funding Initiatives*) yang merangkumi kerjasama pembiayaan pihak swasta atau organisasi luar negara.

Rajah 6.4 : Fasa pelaksanaan



Projek boleh dilaksanakan secara berfasa atau memerlukan kajian kebolehlaksanaan projek dari segi kewangan kesesuaian dan *outcome.*

RUMUSAN HALA TUJU BANDAR PINTAR SUBANG JAYA

7 KOMPONEN BANDAR PINTAR

27 CABARAN PERBANDARAN

21 STRATEGI PEMBANGUNAN

30 TINDAKAN PELAKSANAAN

50 *OUTCOME*

Cadangan inisiatif dan projek/ program dalam Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035 dibangunkan berasaskan kepada analisis isu semasa, dapatan sesi libat urus bersama pemegang taruh serta rujukan kepada kerangka nasional dan antarabangsa. Pendekatan ini memastikan hala tuju pembangunan bandar pintar bandar raya bukan sahaja selaras dengan aspirasi negara, malah bersesuaian dengan konteks tempatan yang menekankan kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar dan daya saing ekonomi.

Melalui pendekatan ini pihak MBSJ boleh menguji penyelesaian inovatif secara terurus dan terkawal bagi meminimumkan risiko yang tidak perlu.

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN MENGIKUT KOMPONEN BANDAR PINTAR

SMART GOVERNANCE



- Pelaksanaan aplikasi 'GEMILANG MBSJ' masih memerlukan pemantapan.
- Tiada unit khusus menyelaras pelaksanaan bandar pintar.
- Penyampaian perkhidmatan bandar masih dilaksanakan secara berasingan antara jabatan dan belum sepenuhnya dilaksanakan secara E2E.

SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE



- Kualiti perkhidmatan internet yang tidak konsisten (kelajuan rendah, *latency* tinggi dan gangguan capaian) di sesetengah kawasan.
- Tahap kualiti jalur lebar mudah alih dalam bangunan yang kurang memuaskan.
- Sistem pemantauan yang tidak bersepadu antara pihak berkuasa tempatan, agensi teknikal dan penyedia perkhidmatan digital.

SMART MOBILITY



- Kesesakan lalu lintas pada waktu puncak di kawasan lebuhraya dan jalan utama.
- Ketidakseimbangan permintaan dan bekalan petak tempat letak kenderaan di kawasan tumpuan.
- Pelepasan karbon tinggi daripada kenderaan bermotor.
- Bilangan stesen pengecasan masih terhad dan tidak mencukupi.
- Ketiadaan kerangka perundangan serta infrastruktur bagi teknologi autonomi.

SMART ECONOMY



- Pengurusan sektor ekonomi secara digital tidak dijalankan secara menyeluruh.
- Jurang digital antara syarikat besar dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

SMART ENVIRONMENT



- Isu bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir yang semakin kerap.
- Kebergantungan terhadap sistem tenaga konvensional.
- Banyak bangunan bergantung kepada meter konvensional yang memerlukan bacaan manual.
- Sistem inventori pokok dijalankan secara konvensional.
- Penjanaan sisa pepejal yang tinggi dan pengurusan sisa pepejal secara konvensional.

SMART LIVING



- Isu keselamatan bandar semakin kompleks dan memerlukan pendekatan menyeluruh.
- Kesesakan di fasiliti kesihatan yang mengakibatkan tempoh menunggu rawatan yang lama.
- Cabaran pengintegrasian rekod fail kesihatan bersepadu masyarakat oleh penyedia perkhidmatan kesihatan.
- Pembangunan pesat MBSJ meningkatkan cabaran terhadap perancangan dan pemantauan kapasiti bandar.
- Kurang penyediaan rumah mampu milik yang menerapkan elemen pintar.
- Kemudahan elemen pintar yang terhad untuk golongan OKU dan warga emas.

SMART PEOPLE



- Wujud jurang digital dalam kalangan penduduk.
- Keperluan pekerjaan yang memerlukan kemahiran bahasa semakin meningkat.

SMART GOVERNANCE

Kerajaan yang menggunakan teknologi pintar dan perkhidmatan digital bersepadu untuk meningkatkan perkhidmatan PBT dan ke arah *data driven decision making.*

3 STRATEGI

3	3	3
Cabaran	Tindakan	*Outcome*



SMART GOVERNANCE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 1 3 17 19

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SG 1-1 : Memperkukuh Tadbir Urus Digital dan Ketelusan Perkhidmatan MBSJ

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Pelaksanaan aplikasi 'GEMILANG MBSJ' masih memerlukan pemantapan dari segi integrasi sistem, fungsi perkhidmatan dan kebolehgunaan. Selain itu, wujud jurang tahap celik digital dalam kalangan sebahagian komuniti.

TINDAKAN PELAKSANAAN SG 1-1.1:

Pemantapan dan integrasi platform perkhidmatan digital sedia ada (Aplikasi GEMILANG MBSJ).

PERINCIAN:

a. Memperkukuh dan menaik taraf aplikasi 'GEMILANG MBSJ' melalui penambahan fungsi perkhidmatan, penyeragaman antara pemuka, serta integrasi antara jabatan bagi mewujudkan platform digital yang lebih menyeluruh.
b. Memantapkan Sistem Maklum balas Perkhidmatan oleh Pelanggan (SISPAA) - aduan dalam kawasan MBSJ.

KOMPONEN PROJEK:

a. Modul *single citizen view* – paparan bersepadu semua rekod urusan pengguna (lesen, bayaran, aduan dan permit).
b. Pengurusan insiden berstruktur bagi meminimumkan *Mean Time to Detect* (MTTD) dan *Mean Time to Recover* (MTTR).
c. Penyeragaman reka bentuk dan infrastruktur antara modul jabatan (*standard UI pattern*)- Paparan SLA (*service level agreement*), pelayan, rangkaian, storan dan bekalan kuasa.
d. Pelan kesinambungan perkhidmatan (*Business Continuity Plan*-BCP) dan *Disaster Recovery Plan* (DRP).
e. Program sokongan literasi dan bantuan penggunaan perkhidmatan digital.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU
1. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN
1. Jabatan Perbendaharaan (MBSJ)
2. Agensi perbankan

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- PF – *Public Funding*
- PPF – *Public and Private Partnership Funding*
- PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Dalam talian
b. Kawasan pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025*
- Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019- 2025 (RKPBM)

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1–2):

RM 800,000 – RM 1.2 juta

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Integrasi sistem & API antara jabatan	400,000
2.	Modul *single citizen view* & *SLA tracker*	250,000
3.	Penyeragaman UI/UX & *mobile optimisation*	250,000
4.	Program literasi digital komuniti	200,000

JANGKAAN OUTCOME:

a. Meningkatkan kemudahan akses masyarakat kepada perkhidmatan MBSJ, di samping memperkukuh kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Meningkatkan kadar penggunaan aplikasi GEMILANG 30% dalam tempoh dua (2) tahun.

b. Mengurangkan tempoh maklum balas awal aduan kepada kurang daripada 48 jam bagi 80% kes.


c. Meningkatkan peratusan transaksi digital (lesen, bayaran, permit) kepada 70% daripada keseluruhan permohonan.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Aplikasi *ONESERVICE*, Singapura

Perkara Utama	OneService, Singapura	Adaptasi kepada MBSJ (GEMILANG)
Pihak Pelaksana	*Municipal Services Office* (MSO), Singapura	MBSJ melalui Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Teknikal Berkaitan
Tujuan Utama	Platform digital sehenti bagi pengurusan aduan dan perkhidmatan perbandaran	Pemantapan GEMILANG sebagai platform perkhidmatan digital sehenti MBSJ
Skop Perkhidmatan	Aduan kebersihan, infrastruktur rosak, lampu jalan, isu kejiranan dan fasiliti awam	Aduan bandar, lesen & permit, bayaran, kompaun, status permohonan
Pendekatan Sistem	*Single digital entry point* (satu saluran untuk semua isu)	Integrasi semua modul perkhidmatan dalam satu platform bersepadu
Penyelarasan Jabatan	Pengagihan kes secara automatik kepada agensi bertanggungjawab	Integrasi sistem merentas jabatan teknikal dan operasi MBSJ
Pemantauan Prestasi	Penjejakan status kes dan SLA secara masa nyata	Paparan SLA, masa respons dan status tindakan dalam aplikasi
Ciri Teknologi	Geolokasi, muat naik gambar, notifikasi automatik	Penambahbaikan fungsi geotagging, notifikasi dan jejak kes E2E
Impak Pelaksanaan	Pengurangan pertindihan saluran aduan, peningkatan masa respons dan kepuasan rakyat	Meningkatkan kadar penggunaan GEMILANG dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital

Pelaksanaan Aplikasi *OneService* di Singapura menunjukkan kepentingan platform perkhidmatan digital sehenti yang berintegrasi dan berasaskan pemantauan prestasi.



SMART GOVERNANCE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia

- Tiada padanan indikator.
- Pelaksanaan akan memenuhi kriteria kedua (K2) untuk penarafan bandar pintar Malaysia

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia

Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan

FASA 1 (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SG 1-2 : Memperkasa Kompetensi Digital Organisasi MBSJ

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Tiada unit khusus yang menyelaraskan pelaksanaan bandar pintar.

TINDAKAN PELAKSANAAN SG 1-2.1:

Penubuhan Unit Bandar Pintar.

PERINCIAN:

Penubuhan unit khas bagi menyelaras, memantau dan melapor pelaksanaan bandar pintar.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penubuhan Unit Bandar Pintar MBSJ di bawah Jabatan Perancangan Bandar sebagai pusat penyelarasan pelaksanaan inisiatif bandar pintar merentas jabatan.

b. Pelantikan struktur teras Unit Bandar Pintar merangkumi ketua unit, penyelaras dan pegawai pelbagai disiplin (perancangan, teknologi maklumat, penguatkuasaan, pembangunan masyarakat dan teknikal).

c. Unit Bandar Pintar dicadangkan mempunyai keanggotaan teras antara empat (4) hingga lima (5) pegawai pelbagai disiplin meliputi perancangan bandar, data dan analitik, GIS, ICT serta program komuniti bagi menyokong pelaksanaan inisiatif bandar pintar secara bersepadu.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Memantau prestasi projek bandar pintar yang dapat dilaksanakan secara berpusat.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Perancangan Bandar (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)
2. Duta *Smart City* MBSJ

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Ibu Pejabat MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019- 2025 (RKPBM)
- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Kos tahunan operasi unit (4–5 pegawai): RM 600,000 – RM 900,000 setahun

(Anggaran termasuk elaun, latihan, pembangunan kapasiti dan sistem pemantauan asas)

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Emolumen / Elaun Pegawai	450,000 – 650,000
2.	Latihan & Pembangunan Kapasiti	50,000 – 100,000
3.	Sistem Pemantauan & Pelaporan Asas (Perisian KPI *tracker* / *subscription* / *integration*)	50,000 – 100,000
4.	Mesyuarat, Bengkel & Libat Urus	20,000 – 50,000
5.	Peralatan ICT & Operasi	30,000 – 50,000

ii. Kos Pembangunan Sistem Kpi /Dashboard: RM 300,000 – RM 500,000 (*one-off*)

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Pembangunan Dashboard KPI	150,000 – 250,000
2.	Integrasi Sistem Jabatan (API / *data extraction* / *linking*)	80,000 – 150,000
3.	*Data Standardisation & Setup*	40,000 – 70,000
4.	Latihan Pengguna & *Deployment*	20,000 – 30,000

Nota: Anggaran kos adalah berdasarkan model unit berskala sederhana dan tertakluk kepada struktur perjawatan sebenar serta pendekatan pembangunan sistem (dalaman atau melalui vendor).

SASARAN PELAKSANAAN:

a. 100% projek bandar pintar MBSJ dipantau melalui sistem pelaporan berpusat menjelang tahun 2028.
b. Laporan kemajuan projek dibentangkan sekurang-kurangnya 2 kali setahun kepada pengurusan tertinggi.
c. 80% projek bandar pintar MBSJ mencapai KPI yang ditetapkan mengikut fasa pelaksanaan.
d. Tahap kematangan bandar pintar MBSJ meningkat 1 tahap menjelang tahun 2030.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Smart Selangor Delivery Unit

***Smart Selangor Delivery* Unit (SSDU) menunjukkan model penyelarasan pelaksanaan bandar pintar yang berstruktur melalui pendekatan *delivery unit* berasaskan prestasi.**

Perkara Utama	SSDU (Selangor)	Adaptasi kepada MBSJ
Peranan Teras	Menyelaras projek dan inisiatif bandar pintar merentas PBT	Menyelaras inisiatif *Smart Governance* dan projek pintar merentas jabatan
Pemantauan Prestasi	Pemantauan KPI dan pelaporan berkala kepada kepimpinan	Pemantauan KPI dan pelaporan kepada Pengurusan Tertinggi MBSJ
Pendekatan Tadbir Urus	*Model delivery unit* berasaskan prestasi	Model penyelarasan dan pemantauan projek bandar pintar berasaskan indikator dan tahap penarafan Bandar Pintar

Model SSDU menunjukkan kepentingan unit penyelaras khusus bagi memastikan pelaksanaan inisiatif bandar pintar dipantau secara sistematik dan berasaskan prestasi, selaras dengan cadangan penubuhan Unit Smart City MBSJ.

SMART GOVERNANCE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia

- Tiada padanan indikator.
- Pelaksanaan akan memenuhi kriteria ketiga (K3) untuk penarafan bandar pintar Malaysia

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia

Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan

FASA 1 (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SG 1-3: Memperkasakan Tadbir Urus Berasaskan Data dan Perkhidmatan *End-to-end*

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Penyampaian perkhidmatan bandar masih dilaksanakan secara berasingan antara jabatan dan belum sepenuhnya dilaksanakan secara *end-to-end* (E2E).

TINDAKAN PELAKSANAAN SG 1-3.1:

Pemantapan *Subang Jaya Vibrant Command Centre* (SJVCC) sebagai Hab Perkhidmatan *End-to-End* (E2E).

PERINCIAN:

Cadangan ini tidak menambah sistem baharu, tetapi menaik taraf fungsi *command centre* sedia ada supaya menyokong penyampaian perkhidmatan bandar secara *end-to-end* dan pemantauan prestasi berasaskan data, selaras dengan keperluan penarafan bandar pintar:

- Tahap 1 → *Initial command centre*
- Tahap 2 → *Integrated command centre* (integrasi merentas jabatan)
- Tahap 3 → *Advanced command centre* (*decision support & analytics*)
- Tahap 4 → *Intelligent operation centre* (*Predictive & prescriptive*)

KOMPONEN PROJEK:

a. Penambahbaikan paparan *command centre* melalui integrasi data perkhidmatan bandar merentas jabatan secara masa nyata (*real-time*).

b. Penyelarasan dan pendigitalan aliran kerja perkhidmatan bandar secara *end-to-end* (aduan → tindakan → pengesahan → penutupan kes).

c. Pembangunan *dashboard* prestasi perkhidmatan bandar berasaskan indikator dan status tindakan.

JANGKAAN OUTCOME:

a. *'Subang Jaya Vibrant Command Centre'* berfungsi sebagai *Local Urban Observatory* (LUO) dan pusat pemantauan perkhidmatan bandar secara bersepadu.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)
2. Jabatan Kejuruteraan (MBSJ)
3. Jabatan Perancangan Bandar (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Penguatkuasaan (MBSJ)
2. Jabatan Landskap (MBSJ)
3. Jabatan Pengurusan Alam Sekitar (MBSJ)
4. Agensi teknikal negeri yang berkaitan
5. *Vendor* yang dilantik

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

PF – *Public Funding*

PPF – *Public and Private Partnership Funding*

PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Bangunan utama, Ibu Pejabat MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Kos Naik Taraf Sistem & Dashboard Analitik: RM 1.5 juta – RM 2.5 juta (*one-off*)

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Integrasi API, data extraction, linking sistem jabatan (aduan, penguatkuasaan, kejuruteraan, landskap, dll.)	600,000 – 900,000
2.	Pembangunan Dashboard Prestasi & SLA Analytics	400,000 – 700,000
3.	Infrastruktur Paparan & Server Enhancement (*Video wall, workstation, server upgrade, data storage & security enhancement*)	400,000 – 700,000
4.	Latihan pegawai, manual operasi, ujian sistem & *rollout*	80,000 – 150,000
5.	Kontingensi & Penyelarasan Teknikal (Ujian integrasi, *troubleshooting*, audit keselamatan sistem)	100,000 – 150,000

ii. Anggaran Kos Penyelenggaraan Tahunan:

RM 350,000 – RM 600,000

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Penyelenggaraan Sistem & *Server*	150,000 – 250,000
2.	Lesen Perisian & *Subscription*	100,000 – 200,000
3.	Sokongan Teknikal & Integrasi Lanjutan	100,000 – 150,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. 90% kes aduan dipantau secara *end-to-end* melalui *command centre* menjelang tahun 2028.

b. Pengurangan purata masa penyelesaian aduan sebanyak 20% dalam tempoh tiga (3) tahun.

c. 100% jabatan teknikal utama disepadukan ke dalam paparan *dashboard* menjelang tahun 2035.

d. Penyediaan laporan prestasi bandar secara masa nyata setiap suku tahun.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. JBIOCC, MBJB

Model JBIOCC menunjukkan pendekatan pusat kawalan bandar bersepadu yang mengintegrasikan pelbagai sistem operasi secara masa nyata serta dilaksanakan secara berfasa.

Perkara Utama	JBIOCC (MBJB)	Adaptasi kepada MBSJ (SJVCC)
Fungsi Utama	Pusat kawalan operasi bandar bersepadu (trafik, keselamatan, kebersihan, kecemasan)	Pemantapan *Command Centre* sebagai hab pemantauan operasi bandar secara E2E
Integrasi Sistem	Integrasi CCTV AI (500 unit), trafik pintar, *smart bin*, sistem insiden & agensi luar	Integrasi data aduan, penguatkuasaan, kejuruteraan & landskap dalam satu paparan berpusat
Pemantauan Masa Nyata	Paparan berpusat untuk pemantauan insiden dan status tindakan secara langsung	Dashboard SLA & status kes secara masa nyata
Model Kewangan	Sistem IOCC disewa RM105 juta / 15 tahun (naik taraf setiap 3 tahun)	Pertimbangan model sewaan / PPP bagi naik taraf *Command Centre*

SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE

Meningkatkan kesalinghubungan, kualiti dan kelajuan jalur lebar yang menyokong transformasi Subang Jaya ke arah ekonomi digital dan pentadbiran pintar.

2
STRATEGI

3
Cabaran

3
Tindakan

10
Outcome



SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 10 30 31

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SDI 1-1 : Mengukuhkan Infrastruktur Rangkaian Telekomunikasi

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Kualiti perkhidmatan internet yang tidak konsisten (kelajuan rendah, *latency* tinggi dan gangguan capaian) di sesetengah kawasan.

TINDAKAN PELAKSANAAN SDI 1-1.1:

Peningkatkan kualiti jalur lebar mudah alih.

PERINCIAN:

Pemetaan dan audit liputan rangkaian sedia ada bagi mengenal pasti kawasan "*blind spot*" dan kapasiti adalah tidak mencukupi. Oleh itu, perancangan utiliti digital dalam pelan pembangunan baharu perlu diselaraskan melalui penyediaan koridor utiliti dan rezab infrastruktur telekomunikasi.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penambahan menara telekomunikasi baharu (*macro tower*, *monopole* dan *rooftop*).

b. Penaiktarafan menara sedia ada (struktur, ketinggian, kapasiti beban).

JANGKAAN OUTCOME:

a. Peningkatan liputan telekomunikasi secara sekata di kawasan pembangunan baharu dan sedia ada, dengan kestabilan rangkaian yang dipertingkatkan serta pengurangan gangguan perkhidmatan.

b. Akses internet yang lebih pantas dan konsisten bagi menyokong aktiviti ekonomi digital dan perkhidmatan pintar.

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 3): RM 4.0 juta – RM 7.0 juta (Kos bergantung kepada skala zon perintis dan teknologi yang digunakan).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1	Pembangunan Zon Perintis Mobiliti Autonomi (infrastruktur & laluan khas)	2,000,000
2	Sistem pendaftaran, pelesenan & pangkalan data kenderaan autonomi	800,000
3	Sistem pemantauan pintar (sensor, CCTV, pusat kawalan)	1,200,000
4	Pusat Ujian & Kawal Selia Mobiliti Autonomi	1,500,000
5	Latihan pegawai penguatkuasa & penyediaan SOP keselamatan	300,000
6	Program kesedaran awam & penerimaan teknologi	200,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Pewujudan satu (1) Zon Perintis Mobiliti Autonomi dalam tempoh dua (2) tahun sebagai tapak ujian terkawal bagi teknologi kenderaan tanpa pemandu.

b. Sistem pendaftaran, pemantauan dan kawal selia kenderaan autonomi akan dibangunkan sepenuhnya dalam tempoh dua (2) tahun bagi memastikan aspek keselamatan dan pematuhan perundangan.

c. Dalam tempoh tiga (3) tahun, sebanyak 80% operasi ujian kenderaan autonomi di zon perintis akan dipantau secara masa nyata melalui pusat kawalan bandar pintar.


d. Peningkatan tahap keyakinan dan penerimaan masyarakat terhadap teknologi mobiliti autonomi sebanyak 60% berdasarkan kajian kepuasan awam dalam tempoh lima (5) tahun.

a. Singapore – Autonomous Vehicle Testbeds

Perkara	Singapore – *Autonomous Vehicle Testbeds*	Adaptasi kepada MBSJ
Sistem	Zon ujian khas untuk kenderaan autonomi di kawasan terpilih	Pembangunan Zon Perintis Mobiliti Autonomi MBSJ
Teknologi	Sensor jalan raya, V2X *communication* & pusat kawalan	Integrasi sensor bandar pintar dan pusat kawalan MBSJ
Kawal Selia	Kerangka perundangan dan protokol keselamatan jelas	Penyediaan SOP, pendaftaran rasmi & lesen khas
Impak	Mempercepat inovasi mobiliti masa hadapan	Meningkatkan daya saing bandar & kesiapsiagaan teknologi

Singapura merupakan salah satu pusat pengembangan teknologi transportasi masa depan melalui penyediaan pelbagai kemudahan uji cuba kendaraan autonomi (*Autonomous Vehicle Testbeds*).





BIL	KAWASAN CADANGAN
1	Empire Shopping Gallery
2	Subang Parade
3	One City
4	USJ 10

Pelan SM 29

Lokasi cadangan pelaksanaan pewujudan zon perintis mobiliti autonomi

Petunjuk:

- Lokasi cadangan pelaksanaan pewujudan zon perintis mobiliti autonomi

Lain - lain


- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

Pelan SM 30 - Lokasi cadangan pelaksanaan pewujudan zon perintis mobiliti autonomi




Lokasi Cadangan | **Empire Shopping Gallery**

Pelan SM 31 - Lokasi cadangan pelaksanaan pewujudan zon perintis mobiliti autonomi



Lokasi Cadangan	Subang Parade

Pelan SM 32 - Lokasi cadangan pelaksanaan pewujudan zon perintis mobiliti autonomi



Cadangan pemasangan perintis mobiliti autonomi di kawasan One City bagi menguji penggunaan teknologi kenderaan tanpa pemandu dalam meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan bandar.

Lokasi Cadangan | **One City**

Pelan SM 33 - Lokasi cadangan pelaksanaan pewujudan zon perintis mobiliti autonomi



Cadangan pemasangan perintis mobiliti autonomi di kawasan USJ 10 bagi menguji penggunaan teknologi kenderaan tanpa pemandu dalam meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan bandar.

Lokasi Cadangan	USJ 10

SMART ECONOMY

Pemangkin pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh teknologi digital, inovasi dan data pintar untuk meningkatkan daya saing, produktiviti dan kesejahteraan rakyat secara mampan.

2
STRATEGI

2
Cabaran

2
Tindakan

5
Outcome



SMART ECONOMY

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 43

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | **Tahap 3** | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: **FASA 1** (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SE 1-1 : Menerapkan Teknologi Pintar Dalam Sektor Perniagaan dan Industri

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Pengurusan sektor ekonomi secara digital tidak dijalankan secara menyeluruh.

TINDAKAN PELAKSANAAN SE 1-1.1:

Pendigitalan sektor ekonomi melalui teknologi tinggi bagi meningkatkan kecekapan operasi.

PERINCIAN:

Penggunaan teknologi seperti analitik data, kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan sistem berasaskan *cloud* untuk mentransformasikan proses perniagaan daripada kaedah konvensional kepada sistem digital yang lebih cekap dan bersepadu.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penubuhan perniagaan digital, e-dagang dan perkhidmatan atas talian.

b. Perluasan dan penyelarasan *cashierless store* melalui pemasangan mesin *self service* automatic di pusat membeli belah.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Menjimatkan masa, kelancaran dan keselarasan proses pembayaran di kaunter.

b. Integrasi applikasi pembayaran *e-wallet* (*Touch n go, GrabPay* dan *Boost*).

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)
2. MIDA
3. PKNS
4. MITI
5. Jabatan Pelesenan (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. MOF

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

PF – *Public Funding*

PPF – *Public and Private Partnership Funding*

PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | **Program** | **Aplikasi**

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | ***Entry Point*** | ***High Impact***

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Zon perniagaan dan perindustrian MBSJ (Rujuk Pelan SE 1)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Rancangan Malaysia Ke -13
- Dasar Keusahawanan Nasional 2030
- Dasar Revolusi Perindustrian Keempat

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1):

RM 3.21 juta (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1	Penubuhan perniagaan digital, e-dagang dan perkhidmatan atas talian	10,000
2	Pelaksanaan *cashierless store*	200,000
3	Penggunaan mesin *self service* automatik	3,000,000

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 2):

RM 110 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar Tahunan (RM)
1	Penyelenggaraan *cashierless store*	40,000
2	Penyelenggaraan mesin	70,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Menerapkan konsep *smart convenience store* melalui penggunaan *cashierless store* 100% dalam kawasan komersial seperti SS Subang dan USJ Subang.

b. Mentransformasikan kaedah pembayaran konventional yang menggunakan wang tunai kepada 100% kaedah pembayaran secara atas talian.

c. Meningkatkan pengeluaran secara cekap dan efisien serta mengurangkan peratusan pembaziran sumber sebanyak 90%.

CONTOH AMALAN TERBAIK:


a. Jepun – Konsep *Smart Convenience Store*

Perkara	Jepun – Konsep *Smart Convenience Store*	Adaptasi kepada MBSJ
Sistem	Integrasi IoT, *online banking, cloud system* dan RFID	Pembangunan infrastruktur digital (IoT, pusat data dan rangkaian gigabit) serta integrasi pembayaran
Teknologi	Mesin *self checkout* automatik	Pemasangan *Smart self sensor* dan kamera AI
Impak	Meningkatkan produktiviti perniagaan dan mengubah kaedah pembelian pengguna	Subang Jaya menuju bandar pembayaran atas talian

Konsep *Smart Convenience Store* ialah kedai serbaneka yang menggunakan teknologi automasi, kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan sistem pembayaran tanpa tunai bagi meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja.



Contoh penerapan penerapan konsep *Smart Convenience Store* ' di *Jepun*



Pelan SE 1

Lokasi zon cadangan penerapan teknologi pintar

Petunjuk:

- Zon Industri
- Zon Perniagaan

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

SMART ECONOMY

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 43

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | **Tahap 3** | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: **FASA 1** (2026-2027) | **FASA 2** (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SE 1-2 : Mempertingkatkan Pertumbuhan Ekonomi Digital Melalui Hab Inovasi

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Jurang digital antara syarikat besar dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

TINDAKAN PELAKSANAAN SE 1-2.1:

Perluasan pusat inkubator usahawan terutamanya di dalam kawasan institusi untuk mewujudkan kerjasama antara kerajaan dengan institusi dalam mengukuhkan ekonomi digital PKS.

PERINCIAN:

Menyediakan kemudahan latihan, bimbingan dan pembangunan kemahiran dalam bidang teknologi dan aplikasi untuk PKS.

KOMPONEN PROJEK:

a. Kerjasama antara kerajaan, usahawan dan PKS melalui penyediaan latihan dan bimbingan dalam perniagaan digital dan infrastruktur digital untuk mempercepatkan transformasi digital PKS.

b. Menyediakan pusat latihan yang dilengkapi dengan teknologi tinggi yang mendedahkan kepada sistem pembuatan pintar dan pengurusan mesin industri.

c. Melatih usahawan PKS dengan kemahiran digital dan pengurusan perniagaan melalui kursus keusahawanan.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Menggalakkan pertumbuhan PKS digital.

b. Merapatkan jurang digital.

c. Mengembangkan hab inovasi tempatan.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat (MBSJ)
2. Jabatan Pelesenan (MBSJ)
3. MITI
4. MIDA
5. UPEN
6. SME Corp.

AGENSI SOKONGAN

1. MRANTI
2. MOF
3. IPTA/IPTS

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

PF – *Public Funding*

PPF – *Public and Private Partnership Funding*

PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | **Program** | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Zon perniagaan PKS (Rujuk Pelan SE 2)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Rancangan Malaysia Ke -13
- Dasar Keusahawanan Nasional 2030
- Dasar Revolusi Perindustrian Keempat

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1 – 2):

RM 445 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar Tahunan (RM)
1	Emolumen / Elaun Mentor	60,000/orang
2	Latihan & Pembangunan Kapasiti	85,000
3	Mesyuarat, Bengkel & Libat Urus	250,000
4	Peralatan ICT & Operasi	50,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui pengukuhan ekonomi digital.

b. Tumpuan 100% kepada gerai/ medan selera, pasar borong, pasar basah dan kompleks perniagaan untuk penaiktarafan ekonomi digital.

c. Melakukan kerjasama antara MBSJ dengan dua (2) universiti utama dalam Subang Jaya iaitu UPM dan Sunway dalam menyediakan ruang sebagai pusat inkubator usahawan.


CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Malaysia – Konsep *Smart Convenience Store*

Perkara	Malaysia – Konsep *Smart Convenience Store*	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Infrastrukutur teknologi	Memberi sokongan kewangan *startup* dan memberi tumpuan kepada *startup digital*
Kaedah Pelaksanaan	Model kerjasama (Kerajaan+Universiti+Industri)	Program *mentoring* dan kerjasama dengan pelbagai pihak
Impak	Meningkatkan pelaburan dan ekonomi untuk syarikat pemula	

Pusat Inkubator Usahawan ialah satu langkah yang diperkenalkan untuk melatih, membimbing dan mempercepatkan pertumbuhan usahawan dan *startup,* khususnya dalam ekonomi digital dan PKS.





BIL	KAWASAN CADANGAN
1	Universiti Putra Malaysia (U.P.M)
2	Sunway University
3	Taylor's University

Pelan SE 2

Lokasi cadangan pelaksanaan pusat inkubator usahawan

Petunjuk:

- Zon Perniagaan
- Lokasi Cadangan Pembangunan Pusat Inkubator Usahawan

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

SMART ENVIRONMENT

Penggunaan teknologi pintar untuk melindungi alam sekitar, memperkukuh daya tahan ekosistem serta mewujudkan persekitaran yang mampan dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

4
STRATEGI

5
Cabaran

6
Tindakan

13
Outcome



SMART ENVIRONMENT

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 5 60

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SEV 1-1 : Memantapkan Pengurusan Risiko Bencana di Kawasan Subang Jaya

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Berlaku risiko bencana seperti tanah runtuh, banjir dan kebakaran.

TINDAKAN PELAKSANAAN SEV 1-1.1:

Perluasan pemasangan kamera pemantauan bencana alam dan sensor pergerakan tanah.

PERINCIAN:

Kamera pemantauan bertindak dalam mengawasi kelancaran sistem saliran dari tersumbat serta mendapatkan maklumat mengenai kenaikan paras air supaya amaran awal banjir dapat disampaikan dengan segera kepada agensi yang berkaitan dan penduduk di kawasan terlibat.

KOMPONEN PROJEK:

a. Perluasan pemasangan kamera pemantauan dan tolok paras air radar berdekatan kawasan perparitan untuk memantau perubahan air secara masa nyata dan mengesan kemungkinan berlaku banjir apabila bacaan paras air melepasi ketinggian yang ditetapkan.

b. Pemasangan alat pengesan pergerakan tanah di kawasan kemungkinan berlaku tanah runtuh.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mengurangkan kesan dan risiko bencana alam.

b. Meningkatkan tahap pengurusan dan ketersediaan pihak berkuasa sebelum, semasa dan selepas bencana.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Kejuruteraan (MBSJ)
2. Jabatan Penguatkuasaan (MBSJ)
3. NADMA
4. MKN
5. MET
6. JPS

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. JPBD
3. JBPM
4. Pusat Kawalan *Smart Selangor*

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- PF – *Public Funding*
- PPF – *Public and Private Partnership Funding*
- PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan *Hotspot* Banjir dan Tanah Runtuh (Rujuk Pelan SEV 1)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Pelan Pengurusan Bencana
- Dasar Arahan NADMA No.1

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran Kos Pelaksanaan (Fasa 2):

RM 1.1 juta (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Infrastruktur ICT, IoT dan CCTV	500,000
2.	Tolok Paras Air Radar	500,000
3.	Sistem Pengesan Pergerakan Tanah	100,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Pemasangan teknologi infrastruktur pintar di 34 kawasan *hotspot* bencana banjir dan tanah runtuh dalam MBSJ.

b. Penyampaian maklumat mengenai pergerakan tanah dan aras air kepada pusat kawalan bencana supaya tindakan awal boleh dilaksanakan apabila bacaan melepasi paras bahaya atau pergerakan tanah yang luar biasa.

c. Meminimumkan impak bencana 100% di kawasan yang terjejas.


CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Jepun – Pemantauan Bencana Alam

Perkara Utama	Sistem Pemantauan Bencana Alam Jepun	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Integrasi IoT, sistem CCTV dan sistem sensor di kawasan berisiko bencana	Pengintegrasian IoT, sistem CCTV, pusat kawalan bencana dan pemantauan berkala di kawasan hotpsot bencana
Teknologi	Penggunaan *X-Band Multi-Parameter Radar* (XRAIN) dan sensor pengesan	Pemasangan kamera pemantauan, tolok paras air radar dan *Ground Penetrating Radar* (GTR)
Impak	Memberi amaran awal bencana serta pemantauan bleh dilakukan secara masa-nyata	Meminimumkan impak bencana dan melaksanakan pencegahan awal bencana

Sebagai negara yang kerap mengalami bencana alam, Jepun telah membangunkan sistem pemantauan bencana alam untuk menangani impak bencana dengan berkesan.





Pelan SEV 1

Lokasi cadangan pelaksanaan pengurusan risiko bencana

Petunjuk:

- Lokasi *Hotspot* Banjir
- Lokasi *Hotspot* Tanah Runtuh
- Rangkaian Perparitan
- Sungai

Lain - lain


- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035


Pelan SEV 2 - Lokasi cadangan pemasangan kamera pemantauan bencana alam



Cadangan pemasangan kamera pemantauan dan tolok paras air bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan bencana banjir bagi mengurangkan dan mengelakkan impak serta risiko banjir dalam Kawasan Subang Jaya.

Lokasi Cadangan	Kawasan *hotspot* banjir di sepanjang Sungai Klang dan dalam Kawasan Subang Jaya


Pelan SEV 3 - Lokasi cadangan pemasangan kamera pemantauan bencana alam



Cadangan penggunaan pengesan pergerakan tanah yang disertakan dengan peranti IoT dan sensor untuk memantau kestabilan cerun di Pusat Bandar Puchong secara real-time bagi mengesan tanda awal tanah runtuh. Ia berfungsi dengan mengesan anjakan, kecondongan, atau perubahan struktur tanah, dan menghantar data ke pusat pemantauan bagi memberikan amaran awal.

Lokasi Cadangan	Kawasan *hotspot* tanah runtuh (Pusat Bandar Puchong)

Pelan SEV 4 - Lokasi cadangan pemasangan kamera pemantauan bencana alam



Lokasi Cadangan	Kawasan *hotspot* tanah runtuh (Taman Bukit Kuchai)


Pelan SEV 5 - Lokasi cadangan pemasangan kamera pemantauan bencana alam



Cadangan penggunaan pengesan pergerakan tanah yang disertakan dengan peranti IoT dan sensor untuk memantau kestabilan cerun di Taman Lestari Perdana secara real-time bagi mengesan tanda awal tanah runtuh. Ia berfungsi dengan mengesan anjakan, kecondongan, atau perubahan struktur tanah, dan menghantar data ke pusat pemantauan bagi memberikan amaran awal.


Lokasi Cadangan	Kawasan *hotspot* tanah runtuh (Taman Lestari Perdana)

Pelan SEV 6 - Lokasi cadangan pemasangan kamera pemantauan bencana alam



Lokasi Cadangan	Kawasan *hotspot* tanah runtuh (Taman Pinggiran USJ)

Pelan SEV 7 - Lokasi cadangan pemasangan kamera pemantauan bencana alam



Cadangan penggunaan pengesan pergerakan tanah yang disertakan dengan peranti IoT dan sensor untuk memantau kestabilan cerun di Taman Puncak Jalil secara real-time bagi mengesan tanda awal tanah runtuh. Ia berfungsi dengan mengesan anjakan, kecondongan, atau perubahan struktur tanah, dan menghantar data ke pusat pemantauan bagi memberikan amaran awal.

Lokasi Cadangan	Kawasan *hotspot* tanah runtuh (Taman Puncak Jalil)

SMART ENVIRONMENT

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 60

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | **Tahap 3** | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) | **FASA 2 (2028-2030)** | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SEV 1-1 : Memantapkan Pengurusan Risiko Bencana di Kawasan Subang Jaya

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Berlaku risiko bencana seperti tanah runtuh, banjir dan kebakaran.

TINDAKAN PELAKSANAAN SEV 1-1.2:

Pemasangan saluran air pintar dan penggunaan sistem pengesan gas pintar.

PERINCIAN:

Menggunakan sensor gas (IoT) yang menghantar maklumat kepada pusat kawalan apabila berlaku kebocoran gas dan pemasangan paip saluran air berdekatan dengan laluan paip gas untuk mengawal kebakaran.

KOMPONEN PROJEK:

a. Pembinaan saluran paip air yang dilengkapi dengan sistem pemadam api automatik bersebelahan dengan laluan paip gas
b. Pemasangan sensor kebocoran gas di laluan paip gas yang berdekatan dengan kawasan perindustrian, perumahan dan institusi pendididkan.
c. Integrasi IoT dan ICT untuk memantau bacaan tekanan gas secara masa-nyata.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mengurangkan kesan dan risiko bencana.
b. Menyelamatkan penduduk dari menjadi mangsa bencana.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- ✓ Tindakan Baharu
- ✗ Tindakan Sedia Ada
- ✗ Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU
1. NADMA
2. Jabatan Kejuruteraan (MBSJ)
3. Jabatan Penguatkuasa (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN
1. Pihak Swasta
2. JPBD
3. JBPM
4. Pusat Kawalan Smart Selangor
5. KUSEL

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | ***Entry Point*** | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. BP 1, BP 2 dan BP 3 (Rujuk Pelan SEV 8)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Pelan Pengurusan Bencana
- Dasar Arahan NADMA No.1
- Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Dan Penggalian Jalan Negeri Selangor

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran Kos Pelaksanaan (Fasa 2):

RM 1.35 juta (melibatkan pemasangan infrastruktur untuk membantu dalam memantau dan mencegah berlaku bencana alam).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Sensor Pengesan Kebocoran Gas	500,000
2.	Sistem Pemadam Api Automatik	600,000
3.	Infrastruktur ICT dan IoT	250,000

Nota: Anggaran kos adalah tertakluk kepada skop pelaksanaan dan spesifikasi peralatan serta harga semasa dan keputusan proses perolehan.

SASARAN PELAKSANAAN:

a. **Pemasangan komponen kawalan kebakaran dan kebocoran gas sekurang – kurangnya berjarak setiap satu (1) KM di laluan paip gas.**

b. **Penyampaian maklumat mengenai bacaan tekanan gas dan kebocoran gas kepada pusat kawalan bencana supaya tindakan awal boleh dilaksanakan apabila bacaan melepasi paras bahaya atau tekanan yang luar biasa.**

c. **Meminimumkan impak bencana sekurang – kurangnya 50% di kawasan yang berdekatan dengan laluan paip gas.**


CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Singapura – Pelaksanaan Sistem Keselamatan Kebakaran dan Kebocoran Gas

Perkara Utama	Sistem Pemantauan Bencana Alam Jepun	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Integrasi IoT, Sistem SCADA(Supervisory Control and Data Acquisition) dan pemetaan digital rangkaian paip	Pengintegrasian IoT dan penggunaan sistem pemantauan berdasarkan data yang diperoleh secara masa-nyata
Teknologi	Sensor kebocoran gas pada rangkaian paip dan analitik data untuk mengesan kebocoran kecil	Pemasangan sensor kebocoran gas dan sistem pemadam api automatik serta pemantauan secara masa-nyata
Impak	Mengurangkan risiko kebakaran bandar	Meminimumkan impak bencana dan melaksanakan pencegahan awal bencana

Singapura mempunyai sistem utiliti yang sangat tersusun dan dipantau secara berpusat. Untuk memastikan keselamatan rangkaian gas, Singapura menggunakan sensor tekanan dan aliran bagi mengesan penurunan tekanan yang anomali. Selain itu, pengesan gas dipasang di kawasan yang penting seperti di stesen pengagihan gas dan kawasan industry. Tindakan ini diambil bagi mengelakkan serta meminimumkan risiko kebakaran dan letupan bandar disamping mengawal keselamatan bandar yang padat.





Pelan SEV 8

Lokasi cadangan pemasangan komponen kawalan kebakaran dan kebocoran gas

Petunjuk:

- Laluan Paip Gas
- Cadangan Komponen Kawalan Kebakaran dan Kebocoran Gas

Lain - lain


- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

Pelan SEV 9 - Lokasi cadangan kawalan kebakaran dan kebocoran gas



Lokasi Cadangan	BP 1 Subang Jaya – USJ, BP 2 Subang Hi-Tech dan BP 3 Putra Heights

SMART ENVIRONMENT

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 13 14 15 45 71

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SEV 1-2 : Menangani Perubahan Iklim dan Pemanasan Global

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Kebergantungan terhadap sistem tenaga konvensional.

TINDAKAN PELAKSANAAN SEV 1-2.1:

Penggalakkan bangunan sedia ada (ubah suai) dan mensyaratkan bangunan baharu untuk menerapkan elemen bangunan hijau.

PERINCIAN:

Penetapan prinsip bangunan hijau untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber alam demi mewujudkan sumber alternatif dan tambahan.

KOMPONEN PROJEK:

a. Pemasangan *smart energy meter* pada bangunan awam, komersial, industri dan perumahan.

b. Pemasangan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dengan kapasiti mengikut garis panduan teknikal.

c. Pemasangan sistem pemantauan kualiti udara dalam bangunan awam dan swasta.

d. Pemasangan panel solar di bumbung bangunan.

e. Penyediaan *smart bin* dalam bangunan komersial dan strata.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Meningkatkan kecekapan tenaga dan sumber.

b. Mewujudkan bangunan berdaya tahan iklim.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. KPKT
2. Jabatan Bangunan (MBSJ)
3. Jabatan Kejuruteraan (MBSJ)
4. Jabatan Landskap (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Pemaju

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Bangunan awam dan swasta

b. Bangunan komersial, industri dan kediaman bertingkat (Rujuk Pelan SEV 2)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- *GBI Rating System*
- Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi 2024

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran Kos Pelaksanaan (Fasa 2):

RM 132 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:


Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Pemasangan Smart Energy Meter	12,000
2.	Pembangunan Sistem Penuaian Air Hujan(SPAH)	20,000
3.	Perletakkan Panel Solar	50,000
4.	Penyediaan *smart bin*	50,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Mengurangkan dan menjimatkan penggunaan tenaga sebanyak 20 – 30% serta menjana sumber tenaga dalam bangunan bertingkat.

b. Pembangunan bangunan 100% menggunakan bahan binaan mesra alam dan teknologi hijau untuk meningkatkan bilangan bangunan hijau yang rendah pelepasan karbon.

c. Mensasarkan sebanyak 50% bangunan baru adalah banguna hijau.




CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Singapura – *Advance Metering Infrastructure*

Perkara Utama	Singapore *Advance Metering Infrastructure*	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Integrasi IoT dan data, serta sistem bacaan masa-nyata	Penggunaan IoT, integrasi data dan sistem bacaan penggunaan tenaga
Teknologi	Pemasangan komponen bandar hijau pada bangunan awam dan swasta	Penerapan teknologi yang menyokong piawaian bangunan hijau
Impak	Menyediakan bekalan tenaga alternatif kepada Singapura	Pengurangan pelepasan karbon dan menyediakan bekalan tenaga



Smart nation Singapura merupakan inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan Singapura untuk mengintegrasikan teknologi digital ke dalam semua aspek kehidupan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, kecekapan perkhidmatan kerajaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi digital.



Pelan SEV 10

Lokasi cadangan penerapan elemen bangunan hijau dan pengurusan sisa

Petunjuk:

- Zon Perumahan
- Zon Perniagaan
- Zon Industri

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

SMART ENVIRONMENT

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 44 49

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 **Tahap 3** Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) **FASA 2 (2028-2030)** FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SEV 1-3 : Menggalakkan Persekitaran Mampan dan Lestari

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Banyak bangunan bergantung kepada meter konvensional yang memerlukan bacaan manual.

TINDAKAN PELAKSANAAN SEV 1-3.1:

Pemasangan meter pintar bekalan air di bangunan awam dan swasta.

PERINCIAN:

Meter air pintar merupakan teknologi terkini untuk memantau penggunaan air secara masa nyata, mengesan kebocoran, meningkatkan kecekapan pengurusan sumber, dan menyokong inisiatif bandar pintar serta strategi penggunaan lestari.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penggantian bil fizikal dengan *e-bill* (emel dan aplikasi).

b. Pemasangan sistem yang memberi amaran kepada pihak pengurusan apabila berlaku kebocoran atau penggunaan luar biasa.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Memantau penggunaan air secara berhemah dan lebih efisien.

b. Memantau jika terdapat sebarang kebocoran paip berlaku dan memendekkan masa yang diperlukan untuk membaiki kebocoran paip.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU
1. LUAS
2. Jabatan Kejuruteraan (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN
1. JPS
2. Pihak Swasta

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Bangunan awam dan swasta

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi 2024

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran Kos Pelaksanaan (Fasa 2):

RM 101.50 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan penilaian Jabatan Kejuruteraan).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Pemasangan meter air pintar	1,500
2.	Sistem pusat kawalan	100,000
3.	Penyelenggaraan tahunan meter air pintar	50

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Mengawal jumlah penggunaan tenaga air dalam bangunan.

b. Mengukur jumlah penggunaan tenaga air secara automatik dan menghantar data penggunaan air secara masa nyata ke sistem pusat melalui internet atau rangkaian komunikasi.

c. Implementasi sebanyak 100% dalam kawasan pentadbiran Subang Jaya.

d. Mengeluarkan jumlah pembayaran bil air dengan lebih tepat.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Singapura – *Advance Metering Infrastructure*

Perkara Utama	Singapura *Advance Metering Infrastructure*	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Integrasi IoT dan data serta digabungkan dalam *Smart Nation Programme*	Integrasi IoT dan data serta bacaan maklumat masa-nyata
Teknologi	Meter air pintar dengan teknologi IoT dapat mengesan kebocoran dan jumlah penggunaan air	Pemasangan sensor aliran air dan meter digital pintar
Impak Pelaksanaan	Mengesan penggunaan luar biasa dan kebocoran segera	Mengukur keperluan bekalan air pada masa hadapan



Singapura melaksanakan meter air pintar di bawah inisiatif *Smart Nation* untuk menjadi bandar pintar yang cekap sumber dan lestari memandangkan Singapura mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi sekaligus memerlukan pemantauan dan pelaksanaan pengurusan sumber air yang terurus bagi mengelakkan pembaziran berlaku.

SMART ENVIRONMENT

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia

Tidak berkaitan dengan indikator bandar pintar secara langsung, namun menyokong kepada pengurusan pintar dan inisiatif rendah karbon

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia

Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan

FASA 1 (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SEV 1-3 : Menggalakkan Persekitaran Mampan dan Lestari

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Sistem inventori pokok dijalankan secara konvensional.

TINDAKAN PELAKSANAAN 1-3.2:

Pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok.

PERINCIAN:

Pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok melibatkan pendataan digital semua pokok termasuk spesies, lokasi, saiz, dan kesihatan, pemantauan berkala menggunakan platform GIS dan sensor, serta pengurusan penyelenggaraan untuk memastikan bandar hijau yang lestari.

KOMPONEN PROJEK:

a. Sensor IoT (memantau maklumat masa nyata- kesihatan pertumbuhan dan risiko pokok).

b. Penjejakan lokasi GPS pokok (koordinat pokok).

c. Sistem analitik dan dashboard pintar pengurusan pokok.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Penyelenggaraan berkala terhadap elemen landskap akan menonjolkan visual landskap yang terancang.

b. Mengelakkan kemalangan akibat daripada pokok atau dahan pokok yang tumbang.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Landskap (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. Jabatan Kerja Raya

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:


Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan rekreasi (Rujuk Pelan SEV 11)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara Ke-5
- Dasar Landskap Negara 2.0
- Jilid 4 RTSJ 2035 (Penggantian)



BIL	KAWASAN CADANGAN
1	Hutan Bandar USJ 3
2	Putra Heights Linear Park
3	Sunway South Quay
4	Taman 1000 Langkah Putra Bistari
5	Taman Komuniti Putra Heights
6	Taman Puchong Lagenda
7	Taman Rekreasi Wawasan

BIL	KAWASAN CADANGAN
8	Taman Rekreasi Subang Ria
9	Taman Tasik Puchong Perdana
10	Taman Tasik Sri Aman
11	Taman Tasik Sri Serdang
12	Town Park, Bandar Puteri
13	Tropicana Metropark
14	Worldwide Landfill Park

Pelan SEV 11

Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok

Petunjuk:

- Lokasi Pelaksanaan Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok
- Badan Air
- Tanah Lapang dan Rekreasi

Lain - lain


- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035


Pelan SEV 12 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Cadangan pelaksanaan inventori pokok dalam BP1 Subang Jaya – Usj melibatkan dua (2) taman rekreasi yang utama iaitu Taman Rekreasi Subang Ria dan Sunway South Quay.

Lokasi Cadangan	BP 1 Subang Jaya - USJ


Pelan SEV 13 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Cadangan pelaksanaan inventori pokok dalam BP2 Subang Hi-Tech melibatkan dua (2) taman rekreasi yang utama iaitu Hutan bandar USJ 3 dan Tropicana Metropark.


Lokasi Cadangan	BP 2 Subang Hi-Tech

Pelan SEV 14 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Lokasi Cadangan	BP 3 Putra Heights


Pelan SEV 15 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Cadangan pelaksanaan inventori pokok dalam BP4 Kinrara melibatkan satu (1) taman rekreasi yang utama iaitu Taman Puchong Lagenda

Lokasi Cadangan	BP 4 Kinrara


Pelan SEV 16 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Cadangan pelaksanaan inventori pokok dalam BP5 Puchong melibatkan empat (4) taman rekreasi yang utama iaitu Taman Tasik Sri Aman, Taman Tasik Puchong Perdana, Taman Rekreasi Wawasan dan Town Park Bandar Puteri.

Lokasi Cadangan	BP 5 Puchong


Pelan SEV 17 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Cadangan pelaksanaan inventori pokok dalam BP6 Bandar Putra Permai melibatkan satu (1) taman rekreasi yang utama iaitu Worldwide Landfill Park

Lokasi Cadangan	BP 6 Bandar Putra Permai

Pelan SEV 18 - Lokasi cadangan pelaksanaan sistem inventori dan pengurusan pokok



Cadangan pelaksanaan inventori pokok dalam BP7 Seri Kembangan melibatkan satu (1) taman rekreasi yang utama iaitu Taman Tasik Sri Serdang

Lokasi Cadangan	BP 7 SERI KEMBANGAN

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran Kos Pelaksanaan (Fasa 1):

RM 140 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan pembangunan sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Pembangunan sistem inventori pokok	40,000
2.	Kos upah tahunan buruh	50,000
3.	Kos peralatan	50,000


Nota: Anggaran kos adalah tertakluk kepada skop pelaksanaan dan spesifikasi peralatan serta harga semasa dan keputusan proses perolehan.

SASARAN PELAKSANAAN:

a. **Mengurangkan 60% risiko pokok tumbang yang boleh mengakibatkan kemalangan.**

b. **Memantau kesihatan pokok untuk membolehkan penebangan pokok dilakukan terhadap pokok yang berpenyakit atau tidak sihat.**

c. **Pemasangan *100% tree tagging* pada pokok yang dikenal pasti untuk pelaksanaan inventori pokok.**




Contoh sistem *one inventory* pokok di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. **Singapura – *GIS Tree Management System***

Perkara Utama	Singapore *GIS Tree Management System*	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Sistem berasaskan GIS, *tree tagging system*, database digital dan *mobile inspection system.*	Pokok yang direkodkan dimuat naik ke dalam pengkalan data GIS
Teknologi	*Tree tagging system* dimana setiap pokok mempunyai QR code yang membolehkan pegawai memuatnaik data	Pemasangan *tree tagging* untuk merekodkan semua pokok
Impak Pelaksanaan	Pengurusan pokok yang sistematik dan mengelakkan risiko pokok tumbang	Pengurusan pokok yang sistematik dan menyokong pertumbuhan bandar pintar



Dalam mencapai visi Singapura sebagai *City in a Garden*, *National Park Board* telah bertindak dalam menguruskan pokok secara sistematik dan berintegrasi dengan GIS serta platform bandar pintar. Tindakan ini juga memelihara alam sekitar dan biodiversiti disamping pengesanan awal masalah yang dihadapi oleh pokok.

SMART ENVIRONMENT

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 29 74 75

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SEV 1-4 : Mengurus Sisa dan Pencemaran Secara Lestari

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Penjanaan sisa pepejal yang tinggi dan pengurusan sisa pepejal secara konvensional.

TINDAKAN PELAKSANAAN 1-4.1:

a. Pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal pintar melalui konsep *drop-off waste*.

PERINCIAN:

Penyediaan lokasi *drop-off waste* yang strategik, kemudahan infrastruktur dan peralatan digital bagi menyokong pemantauan serta pengumpulan data sisa pepejal secara pintar dan masa-nyata.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penyediaan stesen *drop-off waste* pintar dengan sistem pengimpas atau sensor untuk mengesan tahap penuh.

b. Pemasangan GPS (*system telematic*) untuk mengesan pergerakan masa-nyata lori pengangkutan sampah.

c. Pemasangan sensor dan IoT di tong sampah (*smart bin*) untuk memantau tahap sisa secara masa nyata.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mengelakkan lambakan sisa dalam tong sisa pepejal.

b. Mengurangkan pencemaran dan sisa tidak dikitar semula.

c. Pemantauan sisa pepejal dan kutipan yang lebih efektif.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Jabatan Pengurusan Alam Sekitar (MBSJ)
2. SWCorp
3. KDEBWM

AGENSI SOKONGAN

1. KPKT
2. Pihak Swasta

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- PF – *Public Funding*
- PPF – *Public and Private Partnership Funding*
- PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan perumahan dan komersial

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Rancangan Fizikal Zon Persisiran Negara 2
- Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran Kos Pelaksanaan (Fasa 1):

RM 702 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Pemasangan sensor tong sampah (per unit)	2,000
2.	*System telematic*	200,000
3.	Stesen *drop of waste*	500,000

Nota: Anggaran kos adalah tertakluk kepada skop pelaksanaan dan spesifikasi peralatan serta harga semasa dan keputusan proses perolehan.

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Mengesan kepenuhan tong sampah membolehkan kutipan dijalankan apabila diperlukan bagi menjimatkan kos.

b. Mengurangkan 30% pembuangan dan pengumpulan sisa di *landfill.*

c. Pemasangan 100% sensor kepenuhan pada setiap tong sampah.



CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Singapura – *Smart Waste Management System*

Perkara Utama	Singapore *Smart Waste Management System*	Adaptasi Kepada MBSJ
Sistem	Penggunaan IoT di seluruh negara termasuk perumahan, komersial dan industri	Menggunakan sistem telematik (*fleet waste management*) dan GPS *tracking system*
Teknologi	Pemasangan sensor kepenuhan pada tong awam dan tong perumahan yang di kawal melalui *Smart Monitoring Dashboard*.	Pembangunan pusat kawalan pemantauan dan pemasangan sensor kepenuhan tong sisa pepejal
Impak Pelaksanaan	Pengurangan sisa ke *landfill* dan kutipan sisa yang efisien	Meningkatkan efisiensi kutipan sisa dan mengurangkan pencemaran



Smart Waste Management System **ialah sistem pengurusan sisa yang menggunakan teknologi IoT, sensor, GPS, automasi dan sistem data berpusat untuk memantau, mengutip dan mengurus sampah secara lebih kerap dan automatik.**

SMART LIVING

Meningkatkan akses dan kualiti hidup rakyat melalui penggunaan teknologi digital, automasi dan data pintar dalam aspek harian seperti perumahan, keselamatan, kesihatan, kemudahan awam dan komuniti.

5 STRATEGI

6 Cabaran

6 Tindakan

6 *Outcome*



SMART LIVING

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 5 | 27 | 59 | 60

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SL 1-1 : Meningkatkan Pencegahan Jenayah melalui Kawalan Pintar

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Isu keselamatan bandar semakin kompleks dan memerlukan pendekatan menyeluruh yang merangkumi pencegahan, pemantauan dan respon kecemasan.

TINDAKAN PELAKSANAAN SL 1-1.1:

Peningkatan kecekapan penguatkuasaan serta tindak balas kecemasan di kawasan Subang Jaya secara pintar.

PERINCIAN:

Pengintegarasian operasi Keselamatan Bandar Pintar dengan Kerjasama (SJVCC) bagi memantau serta menyelaras respons keselamatan antara pihak berkuasa tempatan dan agensi terlibat.

KOMPONEN PROJEK:

a. Pemasangan *smart pole* (*panic button*, CCTV berasaskan AI, *smart lighting*) di kawasan hotspot jenayah.

b. Perluasan penggunaan aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol 2.0* (VSP).

c. Perkongsian CCTV antara agensi melalui dashboard SJVCC bagi meningkatkan tahap pemantauan dan tindak balas awal kecemasan dan pencegahan jenayah.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mempercepat masa respons kecemasan (kurang dari 10 minit) dan memperkukuh pemantauan kawasan berisiko serta meningkatkan keberkesanan kawalan keselamatan bandar dan tahap keselamatan penduduk.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. PDRM
2. Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. NADMA
3. JPBM
4. APM
5. Jabatan Penguatkuasaan (MBSJ)

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan pusat bandar yang mempunyai potensi risiko jenayah (Rujuk Jadual 6.7)

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025*

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1): RM 875 ribu – RM 2.61 juta setahun

(Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	*Smart Pole* lengkap (*panic button, AI CCTV-ready, smart lighting*)	25,000 – 60,000
2.	Dashboard SJVCC dan pemetaan hotspot	300,000 – 900,000
3.	Perkongsian CCTV antara agensi (*role-based access*, log akses, SOP permintaan rakaman, integrasi)	150,000 – 600,000
4.	Naik taraf VSP 2.0 + integrasi ke SJVCC (API, geo-tag, status kes, notifikasi)	150,000 – 450,000



SASARAN PELAKSANAAN:

a. Masa tindak balas menurun sebanyak 30% dan 70% insiden ditangani awal dalam 15 minit melalui notifikasi pantas *smart pole*/CCTV/VSP.

b. Peningkatan kadar keselamatan sebanyak 95% dan melalui operasi dan penyelenggaraan berjadual yang berpotensi menurunkan kadar Jenayah kepada 15%.


c. Menyasarkan 300 -1,000 pengguna aktif aplikasi VSP 2.0 sepanjang fasa pertama bagi menilai keberkesanan pelaksanaan.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Pemasangan *emergency button dan AI CCTV* di Putrajaya

Pemasangan *Emergency Button* dan AI CCTV di Putrajaya menunjukkan pendekatan keselamatan bandar pintar yang mampu meningkatkan tahap tindak balas kecemasan, mengukuhkan pemantauan berterusan dan meningkatkan rasa selamat komuniti melalui pencegahan awal.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Putrajaya	Adaptasi kepada MBSJ
Respons kecemasan pantas	Pemasangan *Emergency button* dan AI CCTV di Putrajaya	Pemasangan CCTV di 11 lokasi hotspot dan penyambungan ke bahagian SJVCC
Koordinasi antara agensi	Kerjasama antara Putrajaya Command Centre (PCC) dan agensi berkaitan	Penyelarasan kerjasama antara MBSJ dengan agensi berkaitan
Perkongsian CCTV berpusat	Penyediaan *Command centre* yang menyelaras pemantauan	Perkongsian feed CCTV dengan dashboard SJVCC



Bil	Cadangan Kawasan
1.	Pusat Bandar Puchong
2.	Bandar Sunway
3.	Bandar Puteri
4.	South City, Seri Kembangan
5.	Serdang Raya
6.	*Taipan Business Centre*
7.	SS15
8.	SS16
9.	Bandar Kinrara
10.	Taman Equine
11.	Taman Puchong Utama

Pelan SL 1

Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*

Petunjuk:

- Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*

Lain - lain


- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Sumber : Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

Pelan SL 2 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*




Nota : SP – Smart Pole

Cadangan pemasangan *smart pole* tertumpu di koridor aktiviti komersial utama di Bandar Sunway bagi meningkatkan pemantauan keselamatan, pencahayaan pintar dan liputan kemudahan di Kawasan berisiko jenayah.

Lokasi Cadangan	Bandar Sunway

Pelan SL 3 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*




Nota : SP – Smart Pole

Cadangan pemasangan *smart pole* di kawasan Taipan Business Center tertumpu di kawasan komersial utama yang mempunyai intensiti aktiviti yang tinggi. Dari segi perincian lokasi, pemasangan ini difokuskan di kawasan stesen bas sebagai nod tumpuan orang awam yang memerlukan pemantauan keselamatan.

LOKASI CADANGAN | *Taipan Business Centre*


Pelan SL 4 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



Cadangan pemasangan *smart pole* di kawasan SS15 tertumpu di kawasan kompleks komersial utama yang mempunyai tahap pengguna pejalan kaki yang tinggi. Dari segi perincian lokasi, pemasangan ini difokuskan di Kawasan pejalan kaki dan Kawasan TOD yang yang berfungsi sebagai nod pergerakan utama, mempunyai tahap kebolehcapaian yang tinggi serta memerlukan sokongan keselamatan.

LOKASI CADANGAN | ***SS15***

Pelan SL 5 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



Lebuhraya Persekutuan

SP-07

Komponen pemasangan *smart pole*
- *Panic Button*
- *Smart Lighting Alert*
- *AI CCTV*
- Alarm Amaran Kecemasan

Kompleks Komersial
Empire Shopping Gallery

Kompleks Komersial
Subang Parade

SP-08

Komponen pemasangan *smart pole*
- *Panic Button*
- *Smart Lighting Alert*
- *AI CCTV*
- Alarm Amaran Kecemasan

Jalan SS 16/1

Jalan Kemajuan Subang

PETUNJUK


- Cadangan pemasangan *smart pole*
- Lokasi perletakan pemasangan *smart pole*
- Koridor pemasangan *smart pole*

Nota : SP – Smart Pole

Cadangan pemasangan *smart pole* di SS16 tertumpu di kawasan kompleks komersial *Empire Shopping Gallery* dan Subang Parade kerana kedua-dua lokasi ini merupakan tumpuan utama aktiviti perniagaan dan kunjungan awam. Perletakan ini dipilih bagi menyokong aspek keselamatan yang mempengaruhi masa tindak balas kecemasan segera yang lebih pantas.

LOKASI CADANGAN	*SS16*

Pelan SL 6 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*




Nota : SP – Smart Pole, TOD – Transit Oriented Development

Cadangan pemasangan *smart pole* di Bandar Kinrara difokuskan di kawasan TOD sekitar Stesen LRT Kinrara bagi memperkukuh tahap keselamatan kawasan tumpuan pengguna transit serta dapat memberi signifikan dalam meningkatkan pemantauan dan respons kecemasan, sekali gus mewujudkan persekitaran transit yang lebih selamat.

LOKASI CADANGAN | **Bandar Kinrara**


Pelan SL 7 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



Nota : SP – Smart Pole, TOD – Transit Oriented Development

LOKASI CADANGAN | **Pusat Bandar Puchong**

Pelan SL 8 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*




Nota : SP – Smart Pole

Cadangan pemasangan *smart pole* di Taman Puchong Utama dicadangkan di kawasan komersial dan terminal perhentian bas Puchong Utama yang berhampiran AEON Big dan Dataran Puchong. Lokasi ini dipilih atas faktor berfungsi sebagai kawasan aktiviti utama dan tumpuan orang awam yang memerlukan sokongan infrastruktur dalam aspek capaian keselamatan bandar pintar yang lebih efisien.


LOKASI CADANGAN	Taman Puchong Utama

Pelan SL 9 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



LOKASI CADANGAN | **Bandar Puteri**


Pelan SL 10 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



Cadangan pemasangan *smart pole* di *South City*, Seri Kembangan pula difokuskan di kawasan Pembangunan komersial yang berhubung dengan kawasan perumahan. Pemasangan smart pole di Kawasan terlibat berperanan penting dalam memberi capaian kecemasan secara pantas kepada pihak berkuasa terlibat secara masa nyata.

LOKASI CADANGAN	*South City*, Seri Kembangan


Pelan SL 11 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



Cadangan pemasangan *smart pole* di Serdang Raya difokuskan di sekitar Stesen MRT Serdang Raya. Kawasan ini berfungsi sebagai tumpuan pergerakan harian pengguna transit dan orang awam. Pemasangan ini signifikan bagi meningkatkan keupayaan pemantauan, pencahayaan awam, keselamatan persekitaran serta penyediaan maklumat digital secara masa nyata, sekali gus menyokong persekitaran transit yang lebih selamat, teratur dan responsif.

LOKASI CADANGAN | **Serdang Raya**

Pelan SL 12 - Lokasi cadangan pemasangan *smart pole*



PETUNJUK

- Cadangan pemasangan *smart pole*
- Lokasi perletakan pemasangan *smart pole*
- Koridor pemasangan *smart pole*

Cadangan pemasangan *smart pole* di Taman Equine, keutamaan diberikan di kawasan stesen Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) serta lintasan pejalan kaki yang menjadi laluan perhubungan utama bagi pengguna pejalan kaki. Faktor perletakan di lokasi terlibat adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan, kemudahan dan pemantauan di kawasan tumpuan awam yang mempunyai pergerakan keluar masuk pengguna secara aktif.

Nota : SP – Smart Pole, TOD – Transit Oriented Development

LOKASI CADANGAN	Taman Equine

SMART LIVING

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 47

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | **Tahap 3** | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) | **FASA 2 (2028-2030)** | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SL 1-2 : Meningkatkan Kualiti Penjagaan Kesihatan Melalui Teknologi Pintar

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Kesesakan di fasiliti kesihatan yang mengakibatkan tempoh menunggu rawatan yang lama.

TINDAKAN PELAKSANAAN SL 1-2.1:

Pelaksanaan temujanji dan pemantau secara atas talian *(Virtual Clinic).*

PERINCIAN:

Menaik taraf tahap perkhidmatan kesihatan melalui teknologi pintar bagi mengurangkan kesesakan fizikal, mempercepat akses rawatan, meningkatkan kecekapan pengurusan pesakit secara menyeluruh di kawasan Subang Jaya.

KOMPONEN PROJEK:

a. Pengintegrasian platform *teleconsultancy* dengan aplikasi 'mysejahtera'.

b. Pemantauan pesakit secara jarak jauh melalui laman portal.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mengurangkan kesesakan dan tempoh menunggu di fasiliti kesihatan melalui kaedah pendigitalan sekali gus meningkatkan akses kecekapan dan kualiti penjagaan kesihatan bandar secara bersepadu.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- ✓ Tindakan Baharu
- ✗ Tindakan Sedia Ada
- ✗ Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Kementerian Kesihatan Malaysia

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. Jabatan Kesihatan (MBSJ)

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | **Aplikasi**

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | ***Entry Point*** | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Klinik Kesihatan di bawah kawasan pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025*

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1): RM 750 ribu – RM 2.3 juta setahun

(Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Integrasi platform *teleconsultancy* dengan MySejahtera	300,000 – 800,000
2.	Pembangunan/naik taraf portal pemantauan pesakit jarak jauh	150,000 – 500,000
3.	Penyediaan sistem pengurusan rekod & rujukan (asas)	200,000 – 700,000
4.	Latihan, pengurusan perubahan *& onboarding* fasiliti	100,000 – 300,000

Anggaran Kos Operasi dalam setahun		
Bil.	**Perincian**	**Anggaran Kasar (RM/Tahun)**
1.	Hosting, sokongan teknikal, pembaikan isu, penambahbaikan kecil	180,000 – 650,000
2.	*Helpdesk* asas, latihan ulangan, pemantauan prestasi perkhidmatan	80,000 – 250,000
3.	Polisi, pemantauan akses, kemaskini keselamatan	60,000 – 200,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Pengurangan kesesakan fizikal sebanyak 20% (secara berkala) di fasiliti kesihatan melalui peningkatan urusan temujanji dan konsultasi secara atas talian.

b. Tahap keberkesanan kecekapan pengurusan persakit dapat diatasi kepada 50% susulan Implimentasi pemantauan secara berkala secara *virtual.*

c. Mempercepat akses rawatan melalui temujanji dan konsultasi atas talian yang lebih fleksibel.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. National Electronic Health Record (NEHR), Singapura

Pelaksanaan *National Electronic Health Record* (NEHR) di Singapura menunjukkan pendekatan kesihatan digital bersepadu yang menyokong rawatan dan susulan lebih

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Sistem *Teleconsultancy* rasmi & berstruktur	(NEHR) gunakan konsultasi atas talian untuk saringan & susulan	Pelaksanaan *Virtual Clinic* untuk kurangkan kesesakan & cepatkan akses rawatan
Temujanji digital yang mudah & cepat	memudahkan tempahan slot secara digital	Penggunaan temujanji atas talian yang sistematik
Pemantauan pesakit jarak jauh untuk kes sesuai	menggalakkan pemantauan jarak jauh bagi pesakit terpilih (contoh susulan/keadaan stabil) untuk mengurangkan lawatan berulang ke klinik	Pelaksanaan portal pemantauan supaya lawatan fizikal hanya untuk kes berkepeluan

SMART LIVING

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 46

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | **Tahap 3** | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) | **FASA 2 (2028-2030)** | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SL 1-2 : Meningkatkan Kualiti Penjagaan Kesihatan Melalui Teknologi Pintar

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Cabaran pengintegrasian rekod fail kesihatan bersepadu masyarakat oleh penyedia perkhidmatan kesihatan.

TINDAKAN PELAKSANAAN SL 1-2.2:

Pengintegrasian sistem pangkalan data yang menyimpan dan mengurus maklumat kesihatan pesakit secara bersepadu, selamat, dan boleh diakses secara masa nyata untuk menyokong pengurusan rawatan yang lebih cekap.

PERINCIAN:

Perluasan sistem pangkalan data berkaitan maklumat kesihatan pesakit dengan sistem rekod perubatan elektronik seperti *Tele Primary Occupational Health Clinical Information System* (TPC – OHCIS) dalam fasiliti klinik kesihatan di kawasan Subang Jaya melalui kolabrasi bersama agensi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

KOMPONEN PROJEK:

a. Penyimpanan dan capaian rekod perubatan elektronik secara masa nyata *(Real time).*

JANGKAAN OUTCOME:

a. Sistem dan rekod pelanggan boleh diakses oleh semua pihak yang berkhidmat dalam fasiliti kesihatan.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Kementerian Kesihatan Malaysia

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. Jabatan Kesihatan (MBSJ)

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | ***Entry Point*** | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Klinik Kesihatan di bawah kawasan pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025*

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 2): RM 230,000 – RM 630,000 (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Pengoperasian pangkalan data + modul rekod ringkas (*real-time*)	120,000 – 300,000
2.	Integrasi ringkas dengan sistem sedia ada (Sambungan asas untuk *import/export* data terpilih)	80,000 – 250,000
3.	Latihan, pengurusan perubahan & *onboarding* fasiliti (Latihan ringkas & bahan panduan)	30,000 – 80,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Masalah pertindihan rekod dan pengemas kinian berulang dapat dikurangkan kepada 40% berikutan penyelarasan data yang mewujudkan satu rujukan maklumat pesakit yang seragam.

b. Mempercepat carian dan rujukan maklumat pesakit untuk menyokong keputusan rawatan dan susulan yang lebih cekap.

c. Tahap konsistensi dan ketepatan maklumat pesakit meningkat 30% melalui proses kemas kini yang lebih tersusun dan terkawal.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. National Electronic Health Record (NEHR), Singapore

Pelaksanaan National Electronic Health Record (NEHR) di Singapore menunjukan pendekatan penyelarasan data kesihatan yang bersepadu serta memudahkan rujukan maklumat pesakit dan mengurangkan pertindihan rekod.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Penyelarasan data kesihatan bersepadu	penyelarasan maklumat pesakit dalam satu rujukan yang seragam	Pangkalan data yang seragam untuk kurangkan pertindihan rekod
Format data seragam	Data distandardkan untuk mudah digunakan	Penetapan format data asas yang konsisten
Kadar capaian data	Sistem bersepadu menyokong rekod yang lebih kemas melalui semakan dan pengurangan ralat kemas kini berulang	Mewujudkan proses semakan ringkas (contoh: semak data wajib, kemas kini berkala) untuk meningkatkan ketepatan dan kelengkapan rekod pesakit

NEHR
National Electronic Health Record
Singapore

SMART LIVING

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 38 48 61

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 **Tahap 3** Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) **FASA 3 (2031-2035)**

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SL 1-3 : Memantau dan Mengurus Pembangunan Bandar Berasaskan Elemen Pintar

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Pembangunan pesat MBSJ meningkatkan cabaran terhadap perancangan dan pemantauan kapasiti bandar.

TINDAKAN PELAKSANAAN SL 1-3.1:

Pelaksanaan konsep tahap daya tampung *(Carrying Capacity)* melalui simulasi digital *(Digital Twin).*

PERINCIAN:

Pelaksanaan simulasi digital tahap daya tampungan bagi menilai kesesuaian pembangunan dan impak terhadap infrastruktur menggunakan teknologi '*Digital Twin*'.

KOMPONEN PROJEK:

a. Pemasangan model bandar 3D bersepadu melalui integrasi data GIS, imej satelit dan pelan bandar yang dilengkapi sistem *Artificial Intelligence (AI).*

b. Pelaksanaan sistem trafik dan mobiliti pintar dengan pemasangan sensor, kamera dan peranti IoT bagi pemantauan masa nyata.

c. Pengintegrasian sistem pengurusan bencana dengan sensor pengesanan awal (*early warning*) dan platform koordinasi kecemasan.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mengawal pembangunan mengikut kapasiti zon serta mengurangkan tekanan infrastruktur dan meningkatkan ketelusan serta ketepatan kelulusan melalui penilaian data dan simulasi digital.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU	AGENSI SOKONGAN
1. Jabatan Perancangan Bandar (MBSJ)	1. PDRM
2. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)	2. JAS
3. JPAS	3. JPS
	4. Pihak Swasta

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | ***Entry Point*** | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025*

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 3):

RM 2.02 juta – RM 5.60 juta (sekali) (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Model bandar 3D bersepadu + integrasi data asas	900,000 – 2,200,000
2.	Modul simulasi had kapasiti zon	400,000 – 1,200,000
3.	Sistem pemantauan masa nyata (fasa awal)	300,000 – 1,000,000
4.	Modul pengurusan bencana (fasa awal)	300,000 – 900,000
5.	Latihan & pelaksanaan	120,000 – 300,000

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Operasi sistem & penyelenggaraan	250,000 – 800,000
2.	Operasi pemantauan (data/sensor)	120,000 – 450,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Penilaian kapasiti zon pembangunan berpotensi meningkat kepada 90% sebagai prosedur pelaksanaan.

b. Risiko *"overload"* infrastruktur dapat dikurangkan secara beransur kepada 15% dan dipertingkat kepada 30% melalui simulasi impak awal.

c. Mempercepat semakan kesesuaian pembangunan melalui analisis senario yang lebih tersusun.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Singapore Land Authority (SLA)

Pelaksanaan *Singapore Land Authority (SLA)* di Singapura menunjukkan pendekatan yang menekankan penyelarasan data masa nyata melalui platform *digital twin*, sekali gus memperkukuh pemantauan risiko dan pengurusan bencana melalui amaran awal serta penyelarasan respons yang lebih pantas dan tersusun.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Penyelarasan data masa nyata	Penggunaan platform digital twin untuk menyokong penyelarasan maklumat bandar secara lebih bersepadu dan terkini	Penyelarasan data bandar (GIS, pelan bandar, imej) dalam satu platform
Pengurusan bencana lebih tersusun	Pendekatan digital twin menyokong pemantauan risiko dan tindakan respons yang lebih terancang	Penggunaan platform yang sama untuk menyokong amaran awal, pemantauan lokasi berisiko dan penyelarasan tindakan kecemasan merentas jabatan/agensi di Subang Jaya

SMART LIVING

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 21 | 49 | 74 | 75

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SL 1-4 : Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Berkualiti dan Pintar

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Kurang penyediaan rumah mampu milik yang menerapkan elemen pintar.

TINDAKAN PELAKSANAAN SL 1-4.1:

Penyediaan Perumahan Berkonsepkan *Internet of Things* (IoT) *Readiness.*

PERINCIAN:

Penyediaan perumahan berkonsepkan (IoT) *readiness* dilaksanakan dengan mengintegrasikan elemen teknologi pintar dalam pembangunan rumah termasuk jenis rumah mampu milik bagi meningkatkan kecekapan utiliti, mengurangkan kos sara hidup dan memastikan kediaman lebih selesa, selamat serta berdaya huni tanpa meningkatkan harga jualan secara signifikan.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penyediaan sistem automasi pintar *(home automation)*
b. Pemasangan *smart energy meter* dan *smart water meter* bagi memantau penggunaan secara masa nyata.
c. Pelaksanaan *smart home control system* dalam unit rumah mampu milik melalui pakej IoT asas yang kos efektif.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Rumah mampu milik berkonsepkan (IoT) dapat diakses lebih mudah serta penggunaan utiliti dijimatkan melalui pemantauan pintar.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. TNB
2. Air Selangor
3. Jabatan Perancangan Bandar (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Pihak Swasta
2. LPHS
3. PKNS
4. KPKT
5. Penyedia Perkhidmatan

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- PF – *Public Funding*
- PPF – *Public and Private Partnership Funding*
- PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Rancangan Malaysia Ke -13
- Dasar Rumah SelangorKu (RSKU) 3.0
- Dasar Perbandaran Negara (DPN) 3

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1):

RM300 ribu - RM 1.2 juta (1 projek dalam peringkat pilot) (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	*Smart Energy Meter* • Pemasangan meter elektrik pintar bagi setiap rumah	250 – 600
2.	*Smart Water Meter* • Pemasangan meter air pintar bagi setiap rumah	200 – 500
3.	Pakej IoT asas (*Smart Home Control System*) • Pakej kawalan asas rumah pintar untuk rumah mampu milik	300 – 900
4.	Integrasi & setup sistem • Konfigurasi sistem, ujian dan pelaksanaan awal	80,000 – 250,000

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Kos Pelaksanaan • Pemasangan meter pintar + pakej IoT asas + setup/ integrasi	300,000-1,200,000
2.	Kos Operasi • Operasi sistem, penyelenggaraan & sokongan pengguna	45,000 – 1,380,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Penggunaan utiliti sedia ada yang telah diterapkan dengan elemen pintar meningkat 30%, sekali gus membantu mengawal kos sara hidup.

b. Peningkatan kepuasan penghuni meningkat sebanyak 40% melalui tahap keselesaan dan keselamatan kediaman.

c. Sasaran penggunaan komponen *smart home* asas dalam mencapai 20% secara berfasa bagi memperluas amalan kediaman pintar secara inklusif.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Smart affordable homes, India

Pelaksanaan '*Smart affordable homes*' di India berperanan menyediakan perumahan mampu milik yang dilengkapi dengan elemen *smart home* asas, sekali gus membantu penghuni untuk memantau penggunaan utiliti dengan lebih berhemah serta meningkatkan keselesaan dan keselamatan kediaman tanpa meningkatkan kos secara ketara.

Perkara Utama	Pelaksanaan di India	Adaptasi kepada MBSJ
Meter pintar utiliti	Penggunaan meter pintar membantu pemantauan dan kawalan penggunaan utiliti harian	Pemasangan meter pintar air dan elektrik untuk bantu penghuni mengurus bil
Kos efektif	Pendekatan pakej asas yang mengutamakan fungsi penting tanpa membebankan kos	Penerapan elemen minimum yang praktikal supaya harga rumah tidak meningkat secara ketara
Rumah mampu milik pintar	Melaksanakan konsep rumah mampu milik yang dilengkapi elemen IoT asas	Pelaksanaan pakej *smart home* asas untuk rumah mampu milik di Subang Jaya

SMART LIVING

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 22 23 24

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 **Tahap 2** Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: **FASA 1 (2026-2027)** FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SL 1-5 : Meningkatkan Kemudahan dan Infrastruktur yang Mesra OKU dan Warga Emas

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Kemudahan elemen pintar yang terhad untuk golongan OKU dan warga emas.

TINDAKAN PELAKSANAAN SL 1-5.1:

Penyediaan kemudahan dan infrastruktur bagi warga emas dan golongan OKU yang dilengkapi dengan elemen pintar dan selamat.

PERINCIAN:

Menyediakan infrastruktur bagi meningkatkan elemen keselamatan, aksesibiliti dan keselesaan secara inklusif.

KOMPONEN PROJEK:

a. Penyediaan kemudahan '*smart bench*' dengan sambungan digital dan ciri pintar.

b. Penyediaan *'smart tiles'* yang dilengkapi sensor bagi memantau aliran pejalan kaki dan mengumpul data penggunaan ruang awam.

c. Pemasangan *pedestrian crossing* dengan sensor audio dan visual bagi meningkatkan keselamatan pejalan kaki.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Mewujudkan persekitaran bandar mesra OKU dengan kemudahan pintar yang selamat dan mudah diakses.



Contoh pemasangan *'Smart intelligent crosswalk'* di Suzhou, China

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Pemaju
2. Jabatan Kejuruteraan (MBSJ)
3. Jabatan Bangunan (MBSJ)
4. Jabatan Landskap (MBSJ)

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Perancang Bandar (MBSJ)
2. Pihak Swasta

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

PF – *Public Funding*

PPF – *Public and Private Partnership Funding*

PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | **Projek** | Program | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan* to 2025 (SSAP 2025)

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1):

RM 100 ribu – RM 345 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	*Smart bench* • Bangku dengan ciri asas (contoh pengecasan, sambungan digital, info ringkas)	8,000 – 25,000
2.	*Smart tiles (sensor)* • Jubin/sensor di lokasi tumpuan untuk memantau aliran pejalan kaki	30,000 – 120,000
3.	*Pedestrian crossing pintar (audio + visual + sensor)* • Lintasan pejalan kaki dengan ciri amaran & aksesibiliti	60,000 – 200,000

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Operasi & penyelenggaraan • Penyelenggaraan asas, penggantian kecil, sokongan sistem	15,000 – 60,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Potensi risiko kemalangan pejalan kaki menurun 15% melalui implimentasi lintasan pintar audio-visual.

b. Peningkatan 30% keberkesanan pemantauan aliran pejalan kaki melalui *smart tiles.*

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. ***Smart intelligent crosswalk*** **di Suzhou, China**

Perkara Utama	Pelaksanaan di China	Adaptasi kepada MBSJ
Lintasan pintar lebih selamat	Penggunaan ciri visual yang jelas dan amaran pejalan kaki	Keutamaan lintasan di kawasan pengguna warga emas/OKU (contoh klinik, masjid, pasar, terminal) dengan ciri audio-visual
Infrastruktur inklusif di ruang awam	Pendekatan lintasan pintar yang menyokong reka bentuk mesra semua pengguna, terutama golongan rentan	Pemasangan *smart bench* dan lintasan pintar di “laluan utama pejalan kaki”
Data penggunaan untuk penambahbaikan	Penerapan elemen pintar yang membolehkan pemantauan corak penggunaan bagi menilai lokasi berimpak	Pemasangan *smart tiles* di beberapa lokasi terpilih untuk mengenal pasti titik sesak/berisiko dan merancang penambahbaikan secara berfasa

SMART PEOPLE

Membangunkan masyarakat celik teknologi, berpengetahuan dan terbuka kepada inovasi serta mampu menyesuaikan diri dengan perkembangan digital untuk ke arah pembangunan bandar pintar.

2 STRATEGI

2 Cabaran

4 Tindakan

4 *Outcome*



SMART PEOPLE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 64 65

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SP 1-1: Mewujudkan Platform Penyampaian Maklumat dan Latihan yang Berkesan

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Wujud jurang digital dalam kalangan penduduk.

TINDAKAN PELAKSANAAN SP 1-1.1:

Pembangunan program latihan *up-skilling* dan *reskilling* berkaitan teknologi digital.

PERINCIAN:

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sedia ada (*up-skilling*) dan membangunkan kemahiran baharu (*reskilling*) tenaga kerja agar selari dengan keperluan teknologi digital semasa.

KOMPONEN PROJEK:

a. Program latihan dan kerjasama industri berkaitan teknologi dan ICT, kemahiran bahasa dan *job matching.*

b. Pemberian pensijilan kemahiran kepada pekerja melalui program latihan.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Meningkatkan kemahiran digital, mengurangkan jurang digital dan memperluas peluang pekerjaan yang relevan dengan keperluan industri.



Contoh program Pendaftaran Program *Upskilling For Deeptech & Future Skills* di Sabah

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Kementerian Pendidikan Malaysia
3. HRD Corp

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat (MBSJ)
2. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)
3. Jabatan Perlesenan (MBSJ)
4. Jabatan Korporat (MBSJ)
5. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (MBSJ)
6. Pihak Swasta

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

PF – *Public Funding*

PPF – *Public and Private Partnership Funding*

PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | **Program** | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Rancangan Malaysia Ke -13
- Dasar Perbandaran Negara (DPN) 3
- Rancangan Satu Dekad Pendidikan Bersepadu Negara

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1):

RM 280 ribu - RM 1.05 juta (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Kos pelaksanaan program (sekali) • Pembangunan modul, rakan industri, bahan latihan & pengurusan program	80,000 – 250,000
2.	Kos operasi tahunan (setahun) • Pelaksanaan siri latihan, fasilitator, platform latihan, promosi & urus tadbir	200,000 – 800,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Peningkatan 30% kemahiran tenaga kerja tempatan dalam bidang digital yang relevan dengan keperluan semasa industri.

b. Peningkatan 40% tahap kebolehpasaran peserta melalui latihan praktikal dan padanan pekerjaan *(job matching).*

c. Peningkatan 25% kerjasama industri melalui peluang latihan, pensijilan dan penempatan kerja.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Program *SkillsFuture,* Singapura

Pelaksanaan Program *SkillsFuture*, Singapura berperanan dalam memperkasa tenaga kerja melalui program latihan berstruktur dan fleksibel yang menyokong *up-skilling* serta *reskilling* sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dan peluang pekerjaan selaras dengan keperluan industri.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Latihan berasaskan keperluan industri	*SkillsFuture* Singapura menekankan latihan yang selari dengan permintaan pasaran kerja semasa di Singapura	Merangka modul latihan ikut permintaan industri setempat dan keperluan majikan di kawasan MBSJ
Laluan *up-skilling & reskilling* yang fleksibel	Program latihan disusun dalam laluan kemahiran (asas pertengahan) untuk menaik taraf kemahiran secara berperingkat	Menyediakan pakej latihan ringkas dan berfasa (asas *intermediate*) supaya lebih ramai boleh menyertai
Job matching sebagai hasil utama	Latihan dihubungkan dengan peluang pekerjaan/ penempatan untuk hasil yang lebih nyata	Mewujudkan kerjasama majikan untuk temuduga, latihan industri dan padanan kerja selepas tamat latihan

SMART PEOPLE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 64 65

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) FASA 2 (2028-2030) FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SP 1-1: Mewujudkan Platform Penyampaian Maklumat dan Latihan yang Berkesan

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Wujud jurang digital dalam kalangan penduduk.

TINDAKAN PELAKSANAAN SP 1-1.2:

Pelaksanaan promosi dan kempen kesedaran penggunaan aplikasi pintar di bawah kawasan Subang Jaya.

PERINCIAN:

Mewujudkan penyebaran maklumat berkenaan pelaksanaan aplikasi pintar yang telah dilaksana oleh pihak MBSJ serta memberi galakkan kepada warga penduduk tempatan untuk memuat turun, mendaftar dan menggunakan aplikasi tersebut secara aktif bagi memudahkan akses kepada maklumat, aduan dan perkhidmatan MBSJ dengan lebih cepat dan berkesan.

KOMPONEN PROJEK:

a. Melaksanakan kaedah promosi dengan menggunakan *mobile led truck*, paparan *LED billboard* dan hebahan media.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Menyasarkan peningkatan bilangan pengguna serta kadar penggunaan aktif aplikasi pintar MBSJ dalam kalangan penduduk Subang Jaya.



Contoh Pelaksanaan hebahan secara media sosial yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Kementerian Pendidikan Malaysia
3. HRD Corp

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat (MBSJ)
2. Jabatan Teknologi Maklumat (MBSJ)
3. Pihak Swasta

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- PF – *Public Funding*
- PPF – *Public and Private Partnership Funding*
- PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | **Program** | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Rancangan Fizikal Negara – 5
- Rancangan Malaysia Ke -13
- Dasar Perbandaran Negara (DPN) 3
- Rancangan Satu Dekad Pendidikan Bersepadu Negara

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 1):

RM 45 ribu - RM 180 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Mobile LED Truck (*Smart Tour*) • 1–2 trak, 7–14 hari, laluan *hotspot + QR code* / CTA	22,000 – 60,000
2.	Paparan LED *Billboard* / Digital *Screen* • *1 lokasi tumpuan, 2–4 minggu (DOOH) + visual kempen + QR code*	15,000 – 80,000
3.	Hebahan media • Posting rasmi + iklan/ boosting media sosial + hebahan portal/PR ringkas	5,000 – 25,000
4.	Reka bentuk kreatif & produksi • Key visual, adaptasi artwork (LED truck + billboard + media sosial) + 1 video ringkas (*optional*)	3,000 – 15,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Peningkatan 40% kadar penggunaan aktif aplikasi di bawah pelaksanaan pentadbiran Subang Jaya.

b. Peningkatan 30% capaian kempen dan tahap kesedaran penduduk terhadap kewujudan serta fungsi aplikasi pintar MBSJ melalui pelaksanaan promosi secara berperingkat.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Hebahan secara media sosial (*Facebook*) oleh MBSA

Pelaksanaan pengiklanan yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melalui platfrom media sosial merupakan inisiatif yang berkesan untuk meningkatkan capaian maklumat dan kesedaran masyarakat terhadap saluran digital rasmi.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Pendekatan promosi	Hebahan secara konsisten melalui media sosial rasmi	Promosi bersepadu yang merangkumi *Mobile LED Truck*, *LED Billboard* dan hebahan media
Liputan kempen	Penumpuan kepada saluran digital	Penggabungan saluran fizikal dan digital bagi capaian yang lebih luas
Objektif utama	Meningkatkan kesedaran terhadap platform rasmi	Meningkatkan kesedaran serta kadar penggunaan aktif aplikasi pintar MBSJ

SMART PEOPLE

66

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia

Tahap 1 Tahap 2 Tahap 3 **Tahap 4**

Fasa Pelaksanaan

FASA 1 (2026-2027) | **FASA 2 (2028-2030)** | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SP 1-2: Membangunkan Modal Insan yang Berbakat dan Berkemahiran Tinggi

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Keperluan pekerjaan yang memerlukan kemahiran bahasa semakin meningkat.

TINDAKAN PELAKSANAAN SP 1-2.1:

Pengintegrasian sesi pembelajaran melalui lebih satu bahasa dengan aplikasi pintar.

PERINCIAN:

Mengintegrasikan pembelajaran pelbagai bahasa melalui aplikasi pintar dengan modul e-pembelajaran berstruktur serta sokongan fasilitator bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

KOMPONEN PROJEK:

Penggunaan aplikasi (Contoh: Duolingo, Babbel, Memrise dan lain – lain)

a. Modul e-pembelajaran berstruktur.

b. Sokongan fasilitator dan ruang interaksi.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Meningkatkan penguasaan lebih daripada satu bahasa dalam kalangan penduduk serta memperkukuh kebolehpasaran dan daya saing komuniti.



Contoh platform pembelajaran bahasa secara AI yang diterapkan di institusi pembelajaran di Singapura.

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Kementerian Pendidikan Malaysia

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat (MBSJ)
2. IPTA/IPTS

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

PF – *Public Funding*

PPF – *Public and Private Partnership Funding*

PFI – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | **Program** | **Aplikasi**

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | ***Entry Point*** | ***High Impact***

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Institusi pengajian di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025 (SSAP 2025)*
- Rancangan Satu Dekad Pendidikan Bersepadu Negara

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 2):

RM 120 ribu – RM 450 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Kos pelaksanaan program (sekali) • Reka bentuk program, modul e-pembelajaran berstruktur, bahan & setup ruang interaksi	60,000 – 180,000
2.	Kos operasi tahunan (setahun) • Lesen/platform (jika diperlukan), fasilitator, sesi bimbingan, pengurusan peserta	120,000 – 450,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Peningkatan 25% keberkesanan pembelajaran bahasa melalui pembelajaran yang fleksibel dan berstruktur.

b. Peningkatan 20% penguasaan komunikasi pelbagai bahasa sekaligus berpotensi untuk menyokong kebolehpasaran dan keyakinan diri peserta.

c. Peningkatan 30% konsistensi penglibatan peserta melalui sokongan fasilitator dan ruang interaksi.

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Aplikasi Lingvist, Singapura

Penerapan pembelajaran secara digital di Singapura menghasilkan pembelajaran yang lebih fleksibel dan berkesan, sekali gus dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa serta pencapaian pembelajaran dalam kalangan komuniti dan pelbagai peringkat umur.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Pembelajaran bahasa dibantu AI	Institusi pembelajaran di Singapura mengadaptasi platform pembelajaran bahasa berasaskan AI untuk mempercepat penguasaan bahasa	Penggunaan aplikasi pintar sebagai sokongan pembelajaran, khusus untuk komuniti yang memerlukan peningkatan kemahiran bahasa
Bimbingan Pembelajaran fleksibel	Pendekatan *"blended learning"* (aplikasi + bimbingan) membantu konsistensi pembelajaran	Kombinasi aplikasi dengan modul berstruktur dan sesi fasilitator supaya pembelajaran lebih berkesan
Fokus kepada *outcome* komunikasi	Penekanan kepada kemahiran komunikasi praktikal (harian & pekerjaan)	Penyusunan modul ikut konteks kerja/ servis di Subang Jaya untuk meningkatkan kebolehpasaran peserta

SMART PEOPLE

Indikator Bandar Pintar Mengikut Penarafan Bandar Pintar Malaysia: 66

Tahap Penarafan Bandar Pintar Malaysia: Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Tahap 4

Fasa Pelaksanaan: FASA 1 (2026-2027) | FASA 2 (2028-2030) | FASA 3 (2031-2035)

PERKAITAN SDGs

STRATEGI SP 1-2: Membangunkan Modal Insan yang Berbakat dan Berkemahiran Tinggi

ISU DAN CABARAN PERBANDARAN:

a. Keperluan pekerjaan yang memerlukan kemahiran bahasa semakin meningkat.

TINDAKAN PELAKSANAAN SP 1-2.2:

Perluasan Program *Selangor Language Discovery* secara kolobrasi bersama pihak MBSJ bagi meningkatkan penguasaan komunikasi dan bahasa bagi meningkatkan kebolehpasaran di Subang Jaya.

PERINCIAN:

Mengintegrasikan pelaksanaan Program *Selangor Language Discovery* melalui kerjasama MBSJ bagi memperluas akses kelas asas lapan bahasa secara dalam talian kepada masyarakat setempat, seterusnya meningkatkan kemahiran komunikasi dan kebolehpasaran penduduk di Subang Jaya.

KOMPONEN PROJEK:

a. Pembelajaran kelas bahasa secara atas talian.
b. Penawaran lapan (8) bahasa utama.
c. Pelaksanaan kursus secara berkala empat (4) kali sebulan.

JANGKAAN OUTCOME:

a. Peningkatan penguasaan bahasa dan kemahiran komunikasi dalam kalangan penduduk Subang Jaya, seterusnya menyokong kebolehpasaran dan daya saing modal insan tempatan.





Contoh program *Selangor Language Discovery* yang dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

STATUS TINDAKAN PELAKSANAAN:

- Tindakan Baharu
- Tindakan Sedia Ada
- Tindakan Ditambah Baik

AGENSI PELAKSANAAN:

AGENSI PENERAJU

1. Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

AGENSI SOKONGAN

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat (MBSJ)
2. IPTA/IPTS

SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN:

- **PF** – *Public Funding*
- **PPF** – *Public and Private Partnership Funding*
- **PFI** – *Private Funding Initiative*

KAEDAH PELAKSANAAN:

Polisi | Projek | **Program** | Aplikasi

KATEGORI PROJEK:

Quick Win | *Entry Point* | *High Impact*

KAWASAN KEUTAMAAN:

a. Kawasan di bawah pentadbiran MBSJ

DOKUMEN YANG BOLEH DIRUJUK BERSAMA

- Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)
- *Smart Selangor Action Plan to 2025 (SSAP 2025)*
- Rancangan Satu Dekad Pendidikan Bersepadu Negara

ANGGARAN KOS CADANGAN:

Anggaran kos pelaksanaan (Fasa 2):

RM 30 ribu – RM 120 ribu (Kos bergantung kepada bilangan lokasi dan tahap integrasi sistem).

Perincian kasar:

Bil.	Perincian	Anggaran Kasar (RM)
1.	Kos penyelarasan program dan pentadbiran • Penyelarasan kerjasama antara MBSJ dengan pihak pelaksana program	5,000 – 15,000
2.	Kos hebahan dan promosi program • Hebahan melalui saluran rasmi MBSJ, media sosial dan program komuniti	5,000 – 20,000
3.	Kos sokongan penyertaan • Galakan penyertaan bagi meningkatkan capaian program di Subang Jaya	10,000 – 60,000
4.	Kos pemantauan, penilaian dan pelaporan program • Pemantauan kehadiran, pencapaian peserta dan penilaian *outcome* program	3,000-10,000
5.	Kos program sokongan fizikal (jika perlu) • Penggunaan fasiliti komuniti MBSJ sekiranya berkaitan	7,000-15,000

SASARAN PELAKSANAAN:

a. Anggaran 70% peserta menamatkan program dengan penguasaan asas komunikasi yang lebih baik bagi kegunaan harian, pendidikan dan pekerjaan


b. Peningkatan kebolehpasaran kerja melalui pendedahan kepada Kemahiran Bahasa tambahan yang dengan keperluan pekerjaan perkhidmatan yang pelbagai

CONTOH AMALAN TERBAIK:

a. Program *Language Discovery* di Selangor

Perluasan Program *Selangor Language Discovery* melalui kerjasama bersama MBSJ berupaya menyediakan pembelajaran bahasa secara digital yang fleksibel, mudah diakses dan berstruktur, serta dapat meningkatkan penguasaan bahasa, kemahiran komunikasi dan daya saing penduduk Subang Jaya.

Perkara Utama	Pelaksanaan di Singapura	Adaptasi kepada MBSJ
Pelaksanaan program	Kelas asas bahasa dilaksanakan secara dalam talian, 4 sesi sebulan selama 3 bulan	Program diperluas secara kolaboratif bersama MBSJ melalui hebahan, penyelarasan dan sokongan penyertaan komunit
Skop dan sasaran	Menawarkan 8 bahasa kepada warga Selangor	Disasarkan kepada penduduk Subang Jaya, khususnya belia, pelajar, pencari kerja dan tenaga kerja tempatan
Outcome program	Meningkatkan akses pembelajaran bahasa secara fleksibel dan inklusif	Meningkatkan penguasaan komunikasi, keyakinan diri dan kebolehpasaran penduduk Subang Jaya



Pelan 6.1

Cadangan Keseluruhan Tindakan Pelaksanaan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

Petunjuk

Smart Mobility

- Lokasi Cadangan Pemantauan Trafik dan Tempat Letak Kenderaan
- Lokasi Cadangan *Open Toll Road*
- Lokasi Cadangan Pengecasan Kenderaan Elektrik (*EV Charging*)
- Lokasi Cadangan Zon Perintis Mobiliti Autonomi

Smart Economy

- Lokasi Cadangan Pembangunan Pusat Inkubator Usahawan
- Lokasi Cadangan Zon Penerapan Teknologi Pintar

Smart Living

- Lokasi Cadangan Pemasangan *Smart Pole*

Smart Environment

- Lokasi Cadangan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Bencana
- Lokasi Cadangan Pemasangan Komponen Kawalan Kebakaran dan Kebocoran Gas
- Lokasi Cadangan Penerapan Elemen Bangunan Hijau dan Pengurusan Sisa
- Lokasi Cadangan Pelaksanaan Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok

Lain - lain

- Sempadan MBSJ
- Sempadan BP
- Sempadan PBT

PELAN LOKASI



Pelan Tindakan Bandar Pintar Subang Jaya 2035

Sumber: Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Penggantian)

6.3 SASARAN PENERAPAN STANDARD INDIKATOR BANDAR PINTAR

Sasaran penerapan standard indikator bandar pintar MS ISO 37122 2019 adalah merupakan satu penanda aras awal bagi perancangan dan persediaan Subang Jaya ke arah mencapai sebuah bandar pintar menjelang tahun 2035 serta meletakkan kedudukan Subang Jaya di peringkat bandar pintar global.

Berdasarkan kepada inisiatif bandar pintar sedia ada dan cadangan projek program baharu pelan tindakan ini telah mensasarkan sebanyak 72 daripada 85 indikator bandar pintar dapat dicapai. Manakala 13 indikator lain merupakan indikator yang belum boleh dilaksanakan disebabkan faktor ketersediaan data serta teknologi dan ianya boleh dipertimbangkan pelaksanaannya pada masa hadapan.

Rajah 6.5 : Sasaran Penerapan Standard Indikator Bandar Pintar MS ISO 37122 : 2019



Indikator Bandar Pintar yang belum boleh dilaksanakan					
TAHAP 3	54	*Digitised Cultural Record*	TAHAP 4	80	*Energy derived from wastewater*
	62	*Treated Wastewater being Reused*		81	*Wastewater reused to generate energy*
	63	*Bio-Solids being Reused*		82	*Real-time wastewater pipeline network*
TAHAP 4	68	*Electrical Energy Produced from Wastewater/ solid waste/ liquid waste/ waste heat*		83	*Real time drinking water quality monitoring*
	69	*Electrical & thermal energy produced from wastewater*		84	*Real time environmental water quality monitoring*
	72	*Storage capacity energy grid*		85	*Water distribution with smart water system*
	76	*Waste to energy*			

85%

Sehingga tahun 2035, MBSJ boleh mencapai ke tahap penarafan Bandar Pintar 3 (*Leading Smart City*) dengan pencapaian sebanyak 72 indikator.

Jadual 6.2 : Perincian Senarai Inisiatif Bandar Pintar Mengikut Indikator Bandar Pintar

Tahap Penarafan	Indikator Bandar Pintar		Inisiatif Pelaksanaan Bandar Pintar Sedia ada	Cadangan Inisiatif Pelaksanaan Bandar Pintar	Tidak Bersedia untuk diguna pakai/ perlu pertimbangan pada masa hadapan
TAHAP 1	1	*City services requested online*	• Online portal MBSJ • *Integrated revenue management system* (IRMS) • *Integrated financial management system* (IFMS) • Aplikasi mobile	• Pemantapan dan integrasi platform perkhidmatan digital sedia ada (aplikasi GEMILANG MBSJ).	
	2	*Construction permits through e-submission*	• OSC 3plus online		
	3	*E-payment to the city*	• Aplikasi GEMILANG MBSJ • Sistem EZY MBSJ • Kiosk pembayaran perkhidmatan (*zero counter*) • Pembayaran pbtpay (KPKT)	• Pemantapan dan integrasi platform perkhidmatan digital sedia ada (aplikasi GEMILANG MBSJ).	
	4	*Online booking for sports &public recreation facilities*	• Aplikasi GEMILANG MBSJ • Sistem EZY MBSJ		
	5	*Digital surveillance camera*	• Pemasangan sistem CCTV keselamatan bandar	• Pemasangan kamera pemantauan bencana alam • Pemasangan sistem parkir bandar yang memaparkan ketersediaan petak secara masa nyata. • Peningkatan kecekapan penguatkuasaan serta tindak balas kecemasan di kawasan Subang Jaya secara pintar.	
	6	*Smart street light with performance system*	• Pemasangan lampu jalan pintar dengan sistem pemantauan		
	7	*Refurbished / newly installed street lighting*	• Naik taraf dan pemasangan lampu jalan		
	8	*Parking spaces with e-payment systems*	• Smart Selangor parking • Flexi parking apps • Aplikasi setel • Jom parking	• Pemasangan sistem parkir bandar yang memaparkan ketersediaan petak secara masa nyata.	
	9	*Smart traffic lights*	• Pemasangan lampu isyarat pintar	• Pelaksanaan *intelligent traffic monitoring.*	
	10	*Fast broadband*	• 5G *tower telecommunication*	• Peningkatkan tahap liputan jalur lebar dalam bangunan. • Peningkatkan Kualiti jalur lebar mudah alih	

Jadual 6.2 : Perincian Senarai Inisiatif Bandar Pintar Mengikut Indikator Bandar Pintar (samb)

Tahap Penarafan	Indikator Bandar Pintar		Inisiatif Pelaksanaan Bandar Pintar Sedia ada	Cadangan Inisiatif Pelaksanaan Bandar Pintar	Tidak Bersedia untuk diguna pakai/ perlu pertimbangan pada masa hadapan
TAHAP 2	*11*	*Open data on city services*	• Online portal MBSJ • Sistem e-tender • Whatsapp bizz MBSJ • Executive information system (EIS) • Aplikasi GEMILANG MBSJ		
	12	*Digital learning devices*	• Penyediaan sokongan peranti pembelajaran digital bagi SK, SJKC, SJKT, SMK, Kolej Tingkatan Enam dan SAM Bestari		
	13	*Refurbished / renovated public building*	• *Supply agreement renewable energy* (SARE)	• Penggalakkan bangunan sedia ada (ubah suai) dan mensyaratkan bangunan baharu untuk menerapkan prinsip bangunan hijau.	
	14	*Public & commercial buildings smart energy meter*	• Meter tenaga pintar di rumah kediaman, bangunan awam, komersial dan industri	• Penggalakkan bangunan sedia ada (ubah suai) dan mensyaratkan bangunan baharu untuk menerapkan prinsip bangunan hijau.	
	15	*Newly built / refurbished with green building principles*	• Penerapan Elemen Bangunan Hijau (*green building elements*) di kawasan perumahan, perniagaan dan Perindustrian dalam permohonan kebenaran merancang	• Penggalakkan bangunan sedia ada (ubah suai) dan mensyaratkan bangunan baharu untuk menerapkan prinsip bangunan hijau.	
	16	*Real time - air quality station*	• Stesen Pengawasan Kualiti Udara MBSJ		
